Jumlah keseluruhan Pegawai Khas yang dilantik adalah seramai 26 orang berkuat kuasa mulai Januari 2025 dengan penempatan di semua kawasan DUN Pembangk kepada YAB MB di setiap kawasan DUN Pembangkang adalah sebanyak RM10,000.00 sebulan. Manakala, keseluruhan peruntukan bayaran perkhidmatan bagi sebulan iaitu bersamaan dengan RM3,120,000.00 setahun.

**INPUT TAMBAHAN:**

Penelitian ke atas sumber-sumber rasmi mendapati bahawa penentuan bayaran perkhidmatan bagi pegawai lantikan CFS dalam perkhidmatan awam Malaysia ti dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sebaliknya, penetapan kriteria dan kadar bayaran bagi lantikan tersebut biasanya ditentukan oleh Kement khusus.

Secara dasarnya penilaian bagi tujuan lantikan individu secara CFS perlu mengambil kira elemen-elemen seperti kelayakan akademik dan profesional, peng perkhidmatan dan justifikasi keperluan. Manakala, penentuan kadar bayaran perkhidmatan kepada pegawai CFS perlu dibuat secara telus, munasabah dan bersesuai umum penetapan bayaran adalah berdasarkan skop kerja, tempoh perkhidmatan dan tahap kepakaran. Penilaian hendaklah dibuat secara perbandingan c perkhidmatan profesional. Selain itu, berpandukan garis panduan penetapan harga perkhidmatan perunding oleh Kementerian Kewangan Malaysia, pasaran semasa atau Lembaga Profesional dan skala bayaran agensi kerajaan lain.

Pelantikan pegawai secara CFS merupakan pendekatan strategik dalam mendapatkan kepakaran luar bagi menyokong pelaksanaan program dan projek kerajaan. dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti, mematuhi dasar kewangan, dan berdasarkan nilai profesionalisme kerja.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. SEJAUH MANA PERKEMBANGAN PERMOHONAN KEPADA LAP UNTUK MEMASANG PAIP AIR DI JALAN AHMAD KAMPUNG SIMPANG 4 DAN

   Jawapan Soalan 1

   Untuk makluman Yang Berhormat, status permohonan pemasangan paip air di Jalan Ahmad Simpang 4 dan Kampung Bukit Berta pihak UPEN pada 13 Disember 2023 yang lalu untuk dimasukkan dalam Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) RM Ke-13 RP1 T Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

2. SEJAUH MANA PERKEMBANGAN PERMOHONAN LAMPU ISYARAT SIMPANG 3,ULU SEPETANG.

   Jawapan Soalan 2

   **JAWAPAN**

   Untuk makluman Yang Berhormat,

   Susulan lawatan yang telah diadakan oleh JKR LMS, secara amnya tiada keperluan ketika ini bagi pemasangan lampu isyarat di persimpangan ter puncak sahaja.

   Walaubagaimanapun, pihak JKR dari masa ke semasa sentiasa memantau keadaan di tapak untuk cadangan penambahbaikan persimpangan terse raya.

3. APAKAH LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN NEGERI UNTUK MENGATASI BINATANG-BINATANG LIAR SEPERTI MONYET DI LALUAN BATU 11,

   Jawapan Soalan 3

   **No. Rujukan : 23370 (Batu Kurau)**

   **No. Soalan : 4**

   Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Perak Sejahtera 2030.

   **Untuk makluman Yang Berhormat Batu Kurau,**

   Mengikut rekod daripada Jabatan PERHILITAN Negeri Perak, tiada aduan kera yang diterima di Laluan Batu 11, Batu Kurau sepanjang tempoh Namun begitu, pihak Jabatan PERHILITAN sering menerima aduan dari kawasan terhampir iaitu di kawasan Batu 14, Batu Kurau.

   **Untuk makluman Yang Berhormat Batu Kurau,**

Terdapat segelintir penduduk yang gemar berhenti di laluan tersebut dan memberi makan kepada kera-kera di situ. Sikap ini merupakan antara punc

Adalah dimaklumkan sepanjang bulan Oktober 2024 sehingga kini, Jabatan PERHILITAN Negeri Perak telah menerima sebanyak 114 aduan di kawa

107 - aduan kera

1 - aduan beruk

3 - aduan harimau belang

3 - aduan harimau dahan

Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab menangani konflik hidupan liar-manusia, Jabatan PERHILITAN akan terlebih dahulu merekodkan siasatan bagi memastikan aduan tersebut adalah berasas.

**Untuk makluman Yang Berhormat Batu Kurau,**

Sekiranya aduan adalah berasas, pihak Jabatan PERHILITAN akan mengambil tindakan seperti yang telah digariskan di dalam buku panduan k Antara tindakan-tindakan Jabatan PERHILITAN terhadap hidupan liar yang sering memusnahkan hasil tanaman orang kampung adalah seperti berik

**i. Khidmat nasihat**

Khidmat nasihat yang diberikan adalah menjelaskan tentang bagaimana cara untuk mengelakkan gangguan hidupan liar. Sebagai contoh, banyak g sampah dan sisa makanan yang tidak dilakukan dengan baik. Sisa makanan yang mengeluarkan bau akan mengundang beberapa spesis hidupa agar tidak memberi makanan hidupan liar kerana ia akan mengubah tingkah laku atau corak pemakanan hidupan liar tersebut.

Di samping itu juga, penduduk atau pengadu turut dinasihatkan supaya menjaga kebersihan kawasan perumahan dan memastikan tiada semak sar atau habitat baru hidupan liar. Pihak Jabatan juga memohon kerjasama penduduk setempat mahupun pihak berwajib untuk menangani isu semak hidupan liar secara tidak langsung mengakibatkan tahap konflik hidupan liar - manusia di lokasi tersebut menjadi lebih serius; serta isu pembuang longgokan sampah sarap tersebut menjadi salah satu tarikan hidupan liar di kawasan tersebut.

**ii. Pemasangan perangkap hidupan liar**

Tindakan pemasangan perangkap akan dilakukan sebagai langkah utama bagi menangkap hidupan liar yang mengganggu sekiranya didapati ga melibatkan pemasangan perangkap, pihak Jabatan PERHILITAN akan meminta kerjasama pengadu supaya memantau perangkap dan umpan s hidupan liar telah berjaya diperangkap. Hal ini juga bagi mengelakkan hidupan liar tersebut terseksa atau mati kelaparan. Pihak Jabatan mengalu- mana pihak individu mahu pun komuniti setempat untuk ditempatkan di lokasi konflik memandangkan perangkap yang sedia ada adalah terhad.

**iii. Tembak halau**

Tindakan awal bagi menghalau populasi kera adalah tembak halau, iaitu menembak ke udara dengan tujuan mendatangkan gangguan psikologi dilakukan di kawasan yang mempunyai sudut tembakan yang tidak sesuai untuk melakukan tindakan tembak atas faktor keselamatan.

**iv. Tangkap-suntik mati**

Tindakan suntik mati kebiasaannya diambil ke atas hidupan liar seperti kera yang mana populasinya yang terlalu tinggi sehingga dianggap seb berjangkit. Kera yang memasuki perangkap akan disuntik mati dan bangkai akan dibakar atau ditanam bagi proses pereputan.

**v. Tembak mati**

Tindakan tembak mati adalah kaedah terakhir dilakukan terutama bagi hidupan liar yang tidak mahu masuk perangkap atau yang mula menyerang d

Sekian, terima kasih.

Soalan Dari : YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD
Ahli Dewan Undangan Negeri : (BOTA )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Berapa jumlah Mykiosk yang telah diagihkan kesetiap daerah dalam negeri Perak?
   Berapa banyakkah MyKiosk yang telah diagihkan di daerah yang benar-benar operasi?
   Adakah pihak majlis perbandaran atau daerah yang terlibat menyediakan kemudahan utiliti bagi keperluan peniaga-peniaga tersebut?

Jawapan Soalan 1

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

MyKiosk merupakan inisiatif di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui Piha

Inisiatif ini dilakukan untuk memperkasa golongan B40, usahawan mikro, dan peniaga kecil dengan menyediakan kemudahan perniagaan yang se sosioekonomi mereka.

Sehingga tahun 2024 jumlah Mykiosk yang telah diagihkan adalah sebanyak 651 kiosk seperti berikut:-

| BIL | PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) | BILANGAN KIOSK |
|---|---|---|
| 1 | MBI | 40 |
| 2 | MPKK | 8 |
| 3 | MPM | 60 |
| 4 | MPT | 30 |
| 5 | MPTI | 100 |
| 6 | MDG | 40 |
| 7 | MDK | 20 |
| 8 | MDBG | 28 |
| 9 | MDKpr | 40 |
| 10 | MDL | - |
| 11 | MDPH | 20 |
| 12 | MDPT | 55 |
| 13 | MDS | 51 |
| 14 | MDTM | - |
| 15 | MDT | 159 |
| | **JUMLAH** | **651** |

Kesemua Mykiosk tersebut telah ditawarkan penyewaan kepada peniaga-peniaga yang berjaya di dalam temuduga yang dilaksanakan oleh pihak yang telah ditetapkan oleh pihak KPKT di mana bekalan elektrik dan air tidak dibekalkan dan hanya sumber tenaga elektrik yang menggunakan tena

Walau bagaimanapun, pihak Majlis tiada halangan sekiranya pihak penyewa ingin membuat permohonan untuk mendapatkan bekalan elektrik darip oleh penyewa sendiri.

2. Berapakah jumlah pelaburan yang telah berjaya dibawa masuk sejak tahun 2022 mengikut daerah di negeri Perak?
   Berapa ramaikah penduduk Perak yang telah mengisi kekosongan jawatan dalam sektor pelaburan yang dinyatakan?
   Bilakah projek HIP (Taman Industri Halal Perak) akan memberi menafaat kepada penduduk sekitar Perak Tengah dan Manjung?

   Jawapan Soalan 2

   Untuk makluman Yang Berhormat Bota,

   Berdasarkan kepada projek-projek pelaburan yang telah diluluskan di bawah seliaan MIDA, dari tahun 2022 hingga 2024, pelaburan di Perak menun bilangan projek, potensi pekerjaan, serta pelaburan domestik dan asing.

   Pada tahun 2022, Perak mencatatkan 121 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.77 bilion, di mana pelaburan domestik menyumbang RM RM2.20 bilion (46.1%). Potensi pekerjaan yang dijana pada tahun ini adalah yang tertinggi dalam tempoh tiga tahun, iaitu sebanyak 7,556 peluang p Namun, pada tahun 2023, berlaku penurunan di dalam beberapa aspek. Bilangan projek merosot kepada 101 projek, iaitu penurunan sebanyak 16.5 juga menurun kepada RM3.39 bilion, dengan pelaburan domestik merosot kepada RM1.41 bilion (-45.2%) manakala pelaburan asing turun sedikit ke dijanakan turut menurun kepada 3,263 pekerjaan.

   Pada tahun 2024, berlaku lonjakan semula dalam bilangan projek kepada 140 projek, iaitu peningkatan sebanyak 38.6% berbanding 2023. Pelabura sangat memberangsangkan, meningkat lebih dua kali ganda kepada RM4.38 bilion (+210.6%). Namun, pelaburan asing terus merosot dengan nilai p 2023), menyebabkan sumbangannya kepada jumlah pelaburan mengecil kepada 6.5% berbanding 93.5% daripada pelaburan domestik. Potensi pek kepada 3,571 pekerjaan.

   Kerajaan Negeri Perak juga melalui Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) telah menjalankan pelbagai program kerjaya dan peningkatan kemahiran se ini dijalankan di seluruh daerah dalam negeri Perak. Melalui program-program ini, PASAK berjaya membantu seramai 5,097 orang rakyat Perak men dalam negeri dan luar negeri Perak.

   Perak Halal Industrial Park (Perak HIP) merupakan salah satu projek berimpak tinggi yang digerakkan di bawah Agenda Perak Sejahtera 2030 melal (Sekuriti Makanan). Projek ini bakal mewujudkan sebuah kawasan industri yang berfokus kepada tiga segmen utama iaitu Gelatin dan Ekosistem, Lo Makanan.
   Perak HIP dijadualkan mula dibangunkan pada suku kedua tahun 2025 dan dijangka siap sepenuhnya serta mula beroperasi pada Mac 2027. Apabil manfaat kepada penduduk di sekitar Perak Tengah dan Manjung. Antaranya termasuk penyediaan lebih 300 peluang pekerjaan, termasuk dalam bid kimia dan juruteknik makmal. Ini sekali gus memberi peluang kepada tenaga kerja tempatan untuk berkhidmat dalam syarikat bertaraf antarabangsa keperluan industri global.

   Selain itu, sekurang-kurangnya 40% daripada kerja pembangunan projek ini akan melibatkan kontraktor tempatan, sekaligus merancakkan ekonomi (PKS) juga bakal menerima limpahan manfaat apabila kegiatan ekonomi dan pendapatan penduduk meningkat hasil daripada pertambahan aktiviti in dalam pembangunan ekonomi berasaskan industri halal di negeri ini, dan akan menjadi pemangkin kepada kemajuan sosioekonomi di kawasan seki

3. Bagaimana kerajaan negeri menangani isu kemiskinan dalam kalangan wanita bekeluarga(suami kerja rencam) dan menyediakan lebih banyak pelu Ada tak usaha dibawah kerajaan memberdayakan golongan ketua keluarga yang berpendidikan rendah?

   Jawapan Soalan 3

   1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kemiskinan khususnya dalam kalangan wanita bekeluarga yang suaminya keluarga yang berpendidikan rendah, adalah cabaran yang memerlukan pendekatan holistik dan bersepadu. Kerajaan N 2030, komited untuk menangani isu ini melalui pelbagai inisiatif yang menyasarkan peningkatan taraf hidup, penye ekonomi golongan terbabit.
   2. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Perak telah memperkenalkan Program *One Stop Centre* (OSC) Sejahtera Sosial Neger peserta eKasih berstatus miskin dan miskin tegar di bawah satu platform pemadanan peluang pekerjaan, pendidikan, kemahiran bersifat *'quick win'* yang disediakan oleh agensi Kerajaan dan swasta.
   3. Program-program penjanaan ekonomi juga giat dilaksanakan seperti Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi RM100,000 kepada komuniti untuk membangunkan ekonomi setempat. Melalui program ini, komuniti seperti JPKK a projek ini **adalah digalakkan untuk melibatkan golongan miskin/ miskin tegar sebagai satu usaha dalam menye** kepada golongan wanita bekeluarga yang suaminya yang bekerja rencam.
   4. Kerajaan Negeri turut memberi penekanan kepada program peningkatan pendapatan melalui bantuan peralatan perniag dapat membantu peserta meningkatkan ekonomi keluarga. Program seumpamanya banyak disediakan oleh agensi-agen (STeP), Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (SPW), Majlis Agama Islam dan Adat Melay (PASAK) dan sebagainya untuk memastikan pendapatan golongan ini dapat dipertingkatkan.

5. Kerajaan Negeri Perak terus komited dalam memastikan tiada rakyatyang tertinggal dalam arus pembangunan. Dalam wanita bekeluarga yang suaminya kerja rencam melalui bantuan, latihan kemahiran, dan peluang peningkatan penda berpendidikan rendah melalui pendidikan, keusahawanan, dan kerjasama swasta, kita sedang membina asas yang kukuh

Untuk makluman Yang Berhormat Bota juga,

6. Kerajaan Negeri melalui Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) telah menyediakan pelbagai program kerjaya dan p kemahiran.
7. Berdasarkan rekod tahun 2024, seramai 19,164 orang telah menyertai program-program di bawah PASAK. Di mana, seb daripadanya adalah golongan wanita.
8. Melalui program karnival kerjaya dan program temu duga terbuka, seramai 504 orang telah mendapat pekerjaan sep peratus atau seramai 268 daripadanya adalah golongan wanita yang memperoleh pekerjaan.
9. Selain itu, kerajaan negeri melalui PASAK juga telah menyediakan program latihan kemahiran seperti program TVET se Sepanjang tahun 2024, seramai 2,815 orang peserta telah menerima manfaat daripada program TVET di bawah PASAK. 1,385 orang daripadanya merupakan peserta wanita.
10. Manakala daripada program TVET yang dijalankan sepanjang tahun 2024, seramai 896 orang peserta telah mendapat atau seramai 294 orang daripadanya merupakan golongan wanita yang memperoleh pekerjaan melalui program TVET.
11. Data-data ini (tahun 2024) jelas membuktikan bahawa Kerajaan Negeri turut mengambil peduli terhadap golongan wani mereka demi menangani isu kemiskinan. Program-program seperti ini akan diteruskan secara giat sepanjang tahun 2025 Perak (PASAK).

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Bagaimana kerajaan negeri memastikan lebih banyak wanita terlibat dalam kepimpinan dan pembuatan dasar di peringkat negeri? Berapa banyakkah kursus yang telah dianjurkan untuk mengupayakan mereka tanpa mengira latar belakang politik?

Jawapan Soalan 1

YB Bota,

**PROGRAM PEMERKASAAN WANITA DI BAWAH PROGRAM WANITA INSPIRASI NEGERI PERAK (WINP)**

1. Kerajaan Negeri Perak sentiasa berpegang teguh kepada prinsip keterangkuman dan kesaksamaan gender dalam tadbir diberi ruang dan peluang untuk terlibat secara aktif dalam kepimpinan serta proses pembuatan dasar di peringkat negeri.

2. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif berteraskan pengupayaan kep politik, sosial atau ekonomi.

3. Program Wanita Inspirasi Negeri Perak atau WINP merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Perak melalui Sekretariat Pemba yang bertujuan untuk melahirkan barisan kepimpinan wanita akar umbi yang progresif, inklusif dan berketerampilan, b serta berdaya tahan.

4. WINP bermula pada tahun 2023 sebagai platform strategik untuk menyatukan suara wanita, memperkasa kepimpinan k wanita dalam pembangunan dasar negeri.

**FASA PELAKSANAAN WINP**

**Fasa 1: Siri Jelajah Wanita Inspirasi Negeri Perak (2023)**

- **Objektif:** Menggerakkan kesedaran dan penglibatan awal wanita seluruh negeri terhadap potensi kepimpinan serta menge
- **Pelaksanaan:**
    - Siri jelajah diadakan di melibatkan 5 zon gabungan **12 daerah seluruh negeri Perak**.

- Dihadiri lebih **500 wanita pelbagai latar belakang**, termasuk pemimpin NGO, suri rumah, usahawan mikro, penggiat
    - Fokus perbincangan: isu semasa wanita, pembangunan ekonomi, kekeluargaan, keselamatan dan kesejahteraan kom
    - Sesi libat urus turut disertai fasilitator pembangunan kapasiti yang dilantik

**Fasa 2: Bengkel Pemerkasaan dan Pemilihan Perwakilan WINP (2024)**

- **Pemilihan 120 orang peserta wanita** daripada seluruh negeri berdasarkan merit penglibatan dalam Fasa 1.
- Peserta ini mengikuti **latihan intensif** berfasa yang merangkumi:
    - **Kepimpinan Strategik & Pemerkasaan Gender**
    - **Komunikasi Berkesan & Pengucapan Awam**
    - **Imej dan Keterampilan**
    - **Simulasi Sidang Perundingan Wanita**
    - **Program PERKASA WINP**
- Modul disampaikan oleh Konsultan/Penceramah yang dilantik.

**Fasa 3: Majlis Persidangan Perundingan Wanita Negeri Perak (2025)**

- Fasa kemuncak WINP yang menghimpunkan **63 ahli perwakilan wanita** dari pelbagai daerah, pelbagai latar belakang pol
- Persidangan ini berperanan sebagai platform persidangan pertama wanita negeri Perak, bertujuan mengemukakan u **wanita** kepada Kerajaan Negeri melibatkan 6 teras dibawah Sekretariat Pembangunan Wanita Dan Masyarakat Negeri Pe

Program WINP telah menjadi platform berimpak tinggi dalam **membangun ekosistem kepimpinan wanita akar umbi di Ne** inklusif tanpa mengira latar belakang politik, malah membuktikan keupayaan wanita untuk menyumbang secara bermakna k negeri.

Sekian, terima kasih.

2. Bilakah pembinaan lif di KTM Batu Gajah akan disiapkan ?

   <u>Jawapan Soalan 2</u>

   Pembinaan lif di stesen Batu Gajah telah siap sepenuhnya pada 18 Mac 2025 dan dijangka akan mula beroperasi pada 25 Mac 2025.

3. Kenapakah projek perumahan PerakKu Fasa 2 di Felcra Nasaruddin berjumlah 101 masih belum diduduki?

   <u>Jawapan Soalan 3</u>

   **JAWAPAN**

   Untuk makluman Yang Berhormat,

   Projek perumahan tersebut masih belum memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) kerana terdapat isu perunding dan teknikal yang sementara.

   Namun isu-isu tersebut telah berjaya ditangani. Kerja-kerja pembangunan akan dimulakan semula pada awal April 2025. Manakala, tarikh siap baha

4. Berapakah peruntukan kerajaan negeri yang telah digunakan untuk memberi elaun kepada semua pegawai khas MB disetiap Dun Pembangkang .?

   <u>Jawapan Soalan 4</u>

   Dato’ Yang Dipertua,

3. Bagaimana Kerajaan Negeri membantu Perusahan Kecil dan Sederhana (PKS) memanfaatkan pelaburan besar dalam industri teras di NCER?

Jawapan Soalan 3

Bismillahirahmanirah,

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani, Salam Perak Sejahtera 2030,

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Kene Kamunting kerana telah bertanyakan soalan yang sama iaitu berkaitan **Bagaimana Kerajaan Negeri membantu Perusahan pelaburan besar dalam industri teras di NCER?**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pelaburan Industri Teras Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di Perak melibatkan merangsang pertumbuhan ekonomi negeri. Antara sektor utama yang telah dikenal pasti termasuk pertanian, pelancongai **Sederhana (PKS).**

2. Bagi menjawab pertanyaan berhubung usaha Kerajaan dalam membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) meman Ekonomi Koridor Utara (NCER), sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri Perak, dengan kerjasama Kera Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), telah melaksanakan pelbagai inisiatif menyeluruh dan strategik.

3. Antara program dan insentif utama yang ditawarkan kepada PKS, terutamanya yang berstatus Sendirian Berhad, adalah se

**i. Dana Usahawan (DU@NCER)**

- Program ini menyediakan pembiayaan dalam bentuk geran sehingga 15% atau maksimum RM2 juta daripada Bumiputera. Dana ini bertujuan menyokong pembangunan infrastruktur, pemodenan mesin, dan pengembangan pertanian, pelancongan dan ekonomi digital.

**ii. Program UsahawanNCER**

- Program ini bersifat holistik dan membantu perusahaan mikro serta PKS mengurangkan kos operasi melalui ke Sehingga kini, lebih 5,000 peserta telah menerima manfaat daripada inisiatif ini.

**iii. Program Pembangunan Modal Insan**

- Pelbagai program peningkatan kemahiran, latihan teknikal dan latihan amali dilaksanakan bagi memastikan pembangunan industri. Program ini selaras dengan Pelan Strategik Pembangunan NCER 2021–2025 dan Rancang

**iv. Insentif Latihan dan Teknologi melalui NCER Technology Innovation Centre (NTIC)**

- Advance Technology Meister Programme (ATMP) yang menawarkan subsidi latihan teknikal kepada syarikat industri.

- Centre of Excellence (CoE) Programme dengan geran padanan sehingga RM25,000 bagi pembangunan teknologi SIRIM, SEDEC, USAINS dan lain-lain.

- Technology & Innovation (T&I) Programme, iaitu geran padanan sehingga RM500,000 bagi projek pembangunan teknolo

**v. Program NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)**

- Program ini memberi insentif subsidi gaji bagi menarik dan mengekalkan tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi, se

**vi. Kerjasama Strategik dan Promosi Pelaburan**

- Kerajaan Negeri juga menjalinkan kerjasama erat bersama agensi seperti InvestPerak dan Digital Perak untuk sokongan teknikal dan mempermudah akses pasaran kepada PKS, khususnya dalam sektor ekonomi digital dan gi

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

4. Antara agensi yang memainkan peranan penting dalam membangunkan PKS ialah **SME Corp. Malaysia**, yang me
Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dalam membangunkan ekosistem PMKS di seluruh negara termasuk d

5. Salah satu inisiatif strategik yang diperkenalkan oleh SME Corp. Malaysia ialah **Program Rantaian Global PKS (GLOSME**
Program ini berfungsi sebagai platform bersepadu bagi membolehkan PMKS dan rakan kongsi perniagaan:

- Memulakan perbincangan strategik;
- Membuat tawaran perniagaan berpotensi;
- Mengakses pasaran domestik dan global;
- Menyertai rantaian bekalan dan nilai industri besar.

6. Selain itu, komponen utama di bawah GLOSMEP ialah **platform MatchMe**, yang telah dilancarkan pada Jun 2021.
penyesuaian PMKS kepada norma baharu melalui digitalisasi perniagaan. MatchMe berperanan sebagai pemudah cara
syarikat besar melalui sesi maya secara langsung.

Platform ini menawarkan tiga ciri utama:

i. **Pameran Produk atau Perkhidmatan**
PMKS boleh mempamerkan produk atau perkhidmatan mereka secara maya kepada bakal pembeli atau pelabur.

ii. **Akses kepada Pangkalan Data Aktif**
MatchMe menyediakan pangkalan data perniagaan dari dalam dan luar negara yang aktif, bagi membolehkan PMKS

iii. **Temu Janji "One-to-One" Secara Atas Talian**
Syarikat pelaburan besar boleh menggunakan platform ini untuk mengatur sesi padan niaga secara maya be
terutamanya untuk produk atau perkhidmatan yang ingin di-*outsource*.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

7. Kerajaan Negeri Perak sentiasa komited untuk memastikan ekosistem PMKS terus diperkasa melalui pendekatan ya
sokongan padu daripada Kerajaan Persekutuan melalui pelbagai agensi seperti SME Corp. Malaysia dan NCIA, pelbag
memastikan PMKS negeri ini berdaya tahan, berdaya saing dan bersedia menembusi pasaran yang lebih luas – sam
Justeru, Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh kerjasama antara pelbagai pihak bagi memastikan PMKS kekal
pertumbuhan ekonomi Negeri Perak yang mampan dan sejahtera.

Soalan Dari : YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA
Ahli Dewan Undangan Negeri : (GUNONG SEMANGGOL )

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. 1. Apakah pihak kerajaan negeri berhasrat bagi mewujudkan banyak lagi produk dan kawasan pelancongan baru seperti pelancongan ekologi dan pe

<u>Jawapan Soalan 1</u>

Tourism Perak dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Kerian telah mengadakan Lawatan produk di daerah Kerian pada 17 hingga 18 F
terdapat produk-produk pelancongan baharu yang telah dikenal pasti antaranya Homestay Cikgumno, Kelip-kelip, River Cruise Bagan Seberang, C
Lemak Manis dan lain-lain lagi.

Tourism Perak melihat produk-produk ini mempunyai potensi untuk dipromosikan sebagai produk pelancongan baharu di daerah Kerian. Produk-pro
pelancong. Namun penambahbaikan terhadap sesuatu produk itu sangat penting sebelum ianya dipasarkan kepada pelancong.

Oleh yang demikian, Tourism Perak dengan kerjasama PASAK telah berusaha untuk membantu mendapatkan Kursus Jurumudi@COCMD kepada 2
Kursus ini akan berlangsung pada 14 April sehingga 20 April 2025. Dengan adanya kursus ini, pengusaha bot yang telah dikenalpasti ini akan me
boleh beroperasi untuk aktiviti pelancongan.

2. Apakah status rancangan menjadikan Gunong Semanggol sebagai destinasi ekopelancongan dan sukan lasak seperti paraglaiding yang amat berpo

Jawapan Soalan 2

Majlis Daerah Kerian telah mengadakan mesyuarat bersama Jabatan Perhutanan dan Pejabat Daerah & Tanah Kerian pada 22 Julai 2024 berhubun

Pihak Jabatan Perhutanan telah mengadakan pelan laluan paragliding dan laluan pendaki ke Bukit Gunung Semanggol. (laluan berbeza) laluan para dan selebihnya perlu mendaki.

Kedua-dua laluan paragliding dan laluan pendaki melibatkan tanah milik sebelum ke rizab hutan. (Persetujuan tuan tanah diperlukan).

Untuk tujuan paragliding perlu pengusaha yang mengurus aktiviti ini dan kajian terperinci amat diperlukan kerana melibatkan 'cut & fii' cerun bukit.

Agensi seperti Jabatan Perhutanan dan MDK tiada halangan sekiranya ada pengusaha yang ingin membangunkan aktiviti paragliding ini dengan per Perhutanan di mana permit perlu ada.

Pandangan Jabatan Perhutanan sekiranya tapak (di puncak bukit) dilaksanakan oleh pengusaha, kawasan ini akan diserahkan kepada pengusaha, l puncak. Ini kerana kawasan kemuncak Bukit Gunung Semanggol kecil dan terhad.

Untuk tujuan permit memasuki hutan perlu dapat daripada Jabatan Perhutanan. Permohonan boleh dibuat secara online 3 hari sebelum mendaki.

Jabatan Perhutanan mengesyorkan / memberi pandangan syarikat yang berdaftar boleh memohon permit secara pukal dan individu atau kumpulan k

3. Apakah pihak kerajaan negeri berhasrat bagi mewujudkan Skim Hafaz Al - Quran dalam menjaga kebajikan para Huffaz 30 Juzu' Al Quran di negeri dan pembelajaran Al Quran melalui penyediaan Elaun Bulanan?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat Gunong Semanggol, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) sedang membangunkan ke untuk penjagaan hafazan al-Quran bagi mereka yang telah khatam menghafaz 30 juzu' al-Quran dan penyediaan sagu hati yang bersesuaian. Mela para huffaz dapat memelihara hafazan dan menabur bakti di Negeri Perak untuk manfaat masyarakat Islam.

4. Apakah kerajaan negeri masih melaksanakan akta GSA untuk pembangunan dan pemberian tanah kepada rakyat?

Jawapan Soalan 4

Untuk makluman Yang Berhormat Gunung Semanggol, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 atau GSA adalah untuk mewuj menyediakan sumber ekonomi melalui pembukaan ladang-ladang bagi membasmi kemiskinan, mengatasi masalah kekurangan tanah untuk aktivi pertanian.

Oleh itu, FELDA ditubuhkan pada tahun 1956 selaras dengan tujuan membuka tanah secara terancang bagi membantu rakyat yang tidak memp ekonomi demi mewujudkan industri berasaskan pertanian. Sehingga kini terdapat sejumlah 18 kawasan rancangan yang diuruskan oleh FELDA melalui punca kuasa Akta GSA di Negeri Perak. Kawasan-kawasan ini diwujudkan pada sekitar tahun 1970an – 1980an.

Selepas daripada itu, Kerajaan Negeri tiada lagi meluluskan pembukaan Kawasan Penempatan Berkelompok di bawah Akta GSA. Sebaliknya k peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) dengan mewujudkan Rancangan Tanah Berkelompok (RTB) dan meluluskan pemberimilikan tan mengusahakan aktiviti pertanian. Kini, seiring dengan situasi semasa, Kerajaan Negeri juga mempertimbangkan kaedah perizaban dan Pajakan Ta (LPS) di kawasan-kawasan yang strategik untuk dijadikan Zon Keterjaminan Makanan. Manakala bagi tanah GSA yang diwujudkan di bawah kuasa pembatalan, perlu dilaksanakan mengikut peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta GSA 1960

Kerajaan Negeri juga telah mengambil pendekatan bahawa semua tanah pertanian yang diwartakan bawah GSA untuk tanah-tanah negeri, melalu telah bersetuju untuk menamatkan GSA tersebut bagi memudahkan urusan urusniaga dilaksanakan oleh pemilik-pemilik tanah terlibat.

5. Apakah pendirian kerajaan negeri mengenai dengan cadangan mewartakan Kampung Baru Papan sebagai Tapak Warisan UNESCO?

Jawapan Soalan 5

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) sentias pihak Kerajaan Negeri untuk mencalonkan mana-mana tapak warisan yang berpotensi untuk diiktiraf oleh pihak Pertubuhan Pendidikan, Sains dan K (UNESCO). Namun begitu, kajian yang komprehensif dan mendalam perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi melihat potensi dan kepentingan Kamp tersebut termasuk penentuan Nilai Keunggulan Sejagat atau Outstanding Universal Value (OUV) bagi tapak tersebut. Tapak yang hendak dicalonkan 10 kriteria (kriteria i-vi untuk tapak kebudayaan, kriteria vii-x untuk tapak semulajadi) yang telah digariskan oleh pihak UNESCO. Sepuluh kriteria ters

i. Mewakili karya agung kreativiti manusia;

ii. Menonjolkan kepentingan perubahan dalam nilai kemanusiaan, dalam sesuatu jangkamasa atau di dalam ruang lingkup budaya sedunia, dari s monumen, perancangan bandar dan rekabentuk landskap;

iii. Mengandungi keunikan atau pengaruh yang kuat terhadap tradisi budaya atau peradaban yang masih kekal atau yang telah hilang;

iv. Menjadi contoh yang baik terhadap jenis-jenis bangunan, memaparkan gaya senibina dan perkembangan teknologi atau lanskap yang signifika

v. Menjadi contoh yang baik terhadap petempatan tradisional manusia, gunatanah atau laut yang menonjolkan budaya atau perhubungan manusi kepada perubahan yang kekal;

vi. Secara langsung atau yang jelas dikaitkan dengan peristiwa atau tradisi hidup, dengan idea-idea, atau dengan kepercayaan, berkepentingan s berpendapat bahawa kriteria ini sebaik-baiknya perlu digunakan bersama-sama dengan kriteria lain);

vii. Mengandungi fenomena semula jadi superlatif atau kecantikan semula jadi yang luar biasa dan kepentingan estetik;

viii. Untuk menjadi contoh luar biasa yang mewakili tahap utama sejarah bumi, termasuk rekod kehidupan, berkepentingan ke atas proses geologi y permukaan tanah atau geomorfik penting atau ciri-ciri fisiografi;

ix. Untuk menjadi contoh luar biasa yang menunjukkan secara berterusan kepentingan proses ekologi dan biologi dalam evolusi dan pembangunan pantai dan marin serta komuniti tumbuhan dan haiwan; dan

x. Mengandungi habitat semula jadi yang paling signifikan untuk pemuliharaan in-situ kepelbagaian biologi, termasuk spesies terancam yang meng pandangan sains atau pemuliharaan. Selain daripada itu, tapak-tapak yang dicalonkan juga perlu mempunyai nilai authenticity dan integriti. Walauba persetujuan daripada pihak berkuasa Negeri (PBN) sebelum tindakan selanjutnya boleh diambil.

Soalan Dari : YB ENCIK AHMAD BIN MAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (KUALA SEPETANG )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Apakah status Projek Pemasangan Paip 600mm dari Pekan Simpang ke Kamunting Raya yang di jadual kan siap Oct 2023 kebanyakan jalan yang c dibiarkan belopak.

<u>Jawapan Soalan 1</u>

1) Untuk makluman Yang Berhormat, status projek pemasangan paip CLMS 600mm dari Pekan Simpang ke Kamunting Raya masih berbaki dilantik setelah terdapat perubahan reka bentuk yang menyebabkan kelewatan pada projek. Ianya dijangka siap pada akhir bulan Mei 2025.
2) Berdasarkan rekod semasa di tapak, pihak kontraktor telah menyelesaikan kerja turapan di jalan JKR dan yang masih berbaki adalah sebaha

2. Berikutan kekerapan berlaku kejadian Jambatan Sungai runtuh di Kawasan Dun Kuala Sepetang khususnya Daerah LMS Adakah Kerajaan akan me yang daif untuk di naik taraf sebelum ianya runtuh dan mengakibatkan kemalangan dan jika ia dibaiki berapa lamakah masa diambil untuk siap sepe contohnya Jambatan yang menghubungkan Taman Mewah/Palma ke Taman Panglima.

<u>Jawapan Soalan 2</u>

1) Pentadbiran ini mengambil perhatian berkenaan terhadap aduan kerosakan jambatan bagi daerah LMS terutamanya bagi DUN Kuala Sepetang. D beberapa pendekatan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi jambatan yang rosak.

Beberapa langkah boleh diambil bergantung kepada tahap kerosakan dan sumber peruntukan serta kelulusan dari pihak berkuasa negeri. Berikut a dilaksanakan:

**Penilaian Kerosakan**

3) Pentadbiran ini akan melakukan pemeriksaan menyeluruh untuk menilai kerosakan jambatan, sama ada dari segi struktur, permukaan, atau kompon

4) Ini melibatkan jurutera daerah untuk menentukan tahap kerosakan dan punca masalah.

5) Pentadbiran ini juga akan turut menyemak silang dgn agensi teknikal lain seperti JKR, JPS dan Majlis Pperbandaran Taiping dalam menentuk jambatan berada.

**Pembaikan Sementara**

6) Jika jambatan mengalami kerosakan yang serius tetapi masih boleh digunakan sementara waktu, langkah pemulihan sementara akan diambil penutupan laluan atau mengurangkan beban lalu lintas.

**Rekabentuk dan Pelan Pembinaan Semula**

7) Jika kerosakan terlalu besar dan tidak boleh dibaiki, pembinaan semula jambatan mungkin diperlukan.

8) Reka bentuk baru akan melibatkan pengiraan yang teliti oleh jurutera daerah untuk memastikan jambatan baru lebih kukuh dan selamat.

**Pembaikan atau Penggantian Komponen**

9) Bagi kerosakan kecil, komponen tertentu seperti papan lantai, sokongan tepi, atau saluran air boleh diganti atau diperbaiki tanpa perlu meruntuhkan

**Penyelenggaraan Berkala**

10) Setelah jambatan dibaiki, penting untuk menjalankan penyelenggaraan berkala untuk memastikan ia sentiasa dalam keadaan baik dan mencegah ke

11) Namun ianya tertakluk kepada peruntukan semasa yang diberikan oleh pihak berkuasa negeri.

**Keselamatan**

12) Pentadbiran daerah tidak berkompromi dalam soal keselamatan. Berdasarkan aduan yang diterima, pemantauan keselamatan di sekeliling jambatan

13) Pembatasan lalu lintas, penempatan papan tanda amaran, atau malah pengalihan laluan mungkin diperlukan untuk mengelakkan risiko kepada oran

14) Anggaran untuk pembaikan dan menaiktaraf jambatan antara RM100 ribu - RM500 ribu bergantung kepada jenis kerja pembaikan, Panjang dan leba

15) Anggaran tempoh siap kerja bagi penyelenggaraan jambatan adalah sekurang-kurangnya (8) lapan minggu bergantung kepada tahap kerosakan dan

16) Jambatan di bawah penyelenggaraan MPT di buat pemeriksaan secara berkala dan kerosakan yang berlaku akan diambil tindakan segera.

Soalan Dari : YB DR. HASHIM BIN BUJANG
Ahli Dewan Undangan Negeri : (BUKIT CHANDAN )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Sebanyak RM 60 juta untuk projek pelebaran Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh telah diluluskan oleh kerajaan persekutuan.Bila kah projek ini dijangka siap

   Jawapan Soalan 1

1) 1) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai sebarang peruntukan bagi maksud projek pelebaran LTSAS.

2) Walau bagaimana pun, pihak Malaysia Airport Holding (Berhad) MAHB awalnya mempunyai perancangan awal untuk menaik taraf Lapangan Terba sebanyak RM60 juta.

3) Namun, cadangan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS) perlu dirujuk semula oleh Malaysia Airport Holding (MAHB) kepa (MAHB) yang baru sejajar dengan proses penswastaan Malaysia Airport Holding (MAHB).

   Untuk makluman, pihak Malaysia Airports sedang dalam proses menaik taraf dalaman Terminal (Optimization Project) yang bernilai RM8 juta dan dija

2. Premium outlet di Batu Gajah masih lagi hambar tiada sambutan banyak lagi peniaga peniaga yang masih lagi tidak beroperasi.Apakah tindakan dar untuk memulihkan keadaan ini.

   Jawapan Soalan 2

   Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Chandan,

   Menerusi cerapan data semasa, Batu Gajah Village Outlet (SVO) mencatatkan purata kehadiran seramai 35,000 pengunjung setiap bulan. Jumlah ju sekali gus mencerminkan potensi besar SVO sebagai pusat komersial dan pelancongan yang berdaya saing. Pada masa ini, kadar pengisian premis dijangka meningkat kepada 50% menjelang Disember 2025 — satu perkembangan yang amat memberangsangkan.

   Pelaksanaan program-program sosial yang melibatkan penyertaan komuniti tempatan dan luar turut dijalankan secara konsisten setiap minggu. Prog promosi berkesan, malah turut diperkasakan lagi dengan penggunaan media sosial yang lebih interaktif dan menyeluruh.

   Bagi menyokong pertumbuhan SVO, Majlis Daerah Batu Gajah telah meluluskan permohonan remisi (bayaran balik cukai taksiran) bagi membantu p samping itu, sebarang permohonan pindaan pelan turut diberi keutamaan menerusi mekanisme kelulusan pantas (fast track approval) bagi memastik

   Dalam konteks pelesenan pula, kaunter One Stop Center (OSC) telah ditubuhkan bagi memproses permohonan lesen secara serta-merta, khususny

   Bagi merancakkan lagi promosi dan penjenamaan SVO sebagai destinasi tumpuan, program-program pelancongan berimpak tinggi turut dianjurkan Daerah Batu Gajah (MDBG), badan bukan kerajaan (NGO), serta sektor swasta. SVO terus dipilih sebagai lokasi utama dalam penganjuran program pelancongan yang semakin menyerlah di negeri Perak.

3. Projek persisiran Sayung di Kuala Kangsar di bawah SSI masih lagi terbiar dan mengalami banyak kerosakan .Apakah perancangan kerajaan neger memelihara bangunan yang berharga berjuta ringgit ini supaya dapat dimajukan dan memberi peluang perniagaan serta pekerjaan kepada pendudul

   Jawapan Soalan 3

   Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Chandan,

   Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) telah memajak keseluruhan kawasan Sayong Resort kepada Sayong Reso yang telah ditandatangani pada 6 April 2018. Pajakan ini bertujuan untuk mengusahakan serta menjalankan operasi Sayong Bagi memastikan kawasan ini terus menarik minat pengunjung, Perbadanan bersama pihak pengurusan Sayong Resort seda pembangunan secara berfasa yang melibatkan kerja-kerja membaik pulih serta menaik taraf pelbagai fasiliti dan tarikan di res

   Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah baik pulih bangunan Jeti yang kini dijadikan sebagai pus beroperasi sejak Februari 2024. Di samping itu, kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf bilik-bilik penginapan turut dimula keselesaan para pengunjung. Sebuah kolam renang juga telah berjaya dibina dan mula beroperasi pada 30 Januari 2025, m hampir siap dan dijangka akan mula beroperasi pada bulan April ini.

   Dalam usaha menambah nilai tarikan serta menjana aktiviti ekonomi di kawasan tersebut, Perbadanan dan pihak penguru proses rundingan bersama rakan niaga strategik bagi membaik pulih serta menaik taraf bangunan restoran dan dewan yang s lebih banyak peluang untuk aktiviti perniagaan yang bersesuaian, sekali gus meningkatkan lagi daya tarikan Sayong Resort se

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Bandar Kuala Kangsar bukan sahaja Bandar diraja tetapi juga Bandar destinasi perlancongan.Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menaik ta jalan persekutuan dari Tol Kuala Kangsar sehingga ke Kawasan istana.Sejumlah peruntukan khas perlu disediakan untuk projek landscape ini dari ke

Jawapan Soalan 1

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Jabatan Landskap Negara (JLN) telah berusaha beberapa kali mengangkat permohonan untuk kelulusan peruntukan oleh Unit Perancang Ek Kangsar yang meliputi jalan protokol, pusat bandar sehingga ke Istana Iskandariah Kuala Kangsar. Pada tahun ini, JLN akan mengangkat semula ca

Soalan Dari : YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (KAMPONG GAJAH )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Apakah tahap kemajuan terkini bagi Projek Tebatan Banjir (RTB) RTB Kampung Gajah, dan apakah jaminan bahawa projek ini tidak akan mengalam meningkatkan risiko bencana kepada penduduk sekitar?

Jawapan Soalan 1

1) Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Ke-Dua Belas (RMK-12), Rolling Pla di kawasan Parlimen Pasir Salak di bawah tajuk Rancangan Tebatan Banjir Kampong Gajah Fasa 2, Daerah Perak Tengah, Pe

2) Kemajuan terkini pelaksanaan ini adalah di peringkat kajian rekabentuk terperinci oleh perunding yang dilantik.

3) Rekabentuk akhir akan dimuktamadkan dalam makmal ***Value Engineering*** **(VE)** yang dijangka pada bulan Februari 2026.

4) Projek ini jangka diiklankan pada bulan Julai 2026 dan Surat Setuju Terima dijangka pada bulan November 2026 dan projek ini

5) Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak bersama-sama Bahagian Pengurusan Banjir, Jabatan Pengairan Dan Saliran dengan kadar segera.

2. Apakah inisiatif kerajaan negeri dalam memperkukuhkan keselamatan dan kebajikan wanita, termasuk perlindungan daripada keganasan rumah tan

Jawapan Soalan 2

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan Negeri, saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada YB Kampong G Titi Serong (Soalan 3) kerana ianya berkaitan.**

1. Punca kes keganasan rumah tangga adalah isu yang kompleks dan melibatkan pelbagai faktor yang saling berkaitan. pengaruh individu, keluarga, masyarakat, dan faktor-faktor luaran lain yang membentuk keadaan yang tidak sihat dala Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perak, berikut adalah statistik punca keganasan yang melibatkan judi dan arak:

| Tahun | Judi | Arak |
|---|---|---|
| 2023 | 0 kes | 0 kes |
| 2024 | 1 kes | 4 kes |
| 2025 (Jan – Feb) | 0 kes | 0 kes |

| JUMLAH | 1 kes | 4 kes |
|---|---|---|

2. Kerajaan Negeri Perak sentiasa komited dalam memperkukuhkan keselamatan dan kebajikan wanita menerusi merangkumi aspek perlindungan, kesedaran, sokongan pemulihan serta pemerkasaan dari sudut emosi dan sosial.

3. Dalam hal ini, beberapa inisiatif utama telah dan sedang dilaksanakan, antaranya:

3.1 **Pelaksanaan Program Jerayawara Advokasi Kesedaran Keganasan Rumah Tangga dan Gangguan Seksu C.A.K.N.A"**

Program ini merupakan inisiatif terbaharu di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri melalui Sekretariat Pembang berlangsung bermula April 2025 hingga September 2025, meliputi 12 daerah seluruh negeri Perak.

Tajuk program "Jerayawara C.A.K.N.A" merupakan singkatan kepada *"Cegah, Advokasi, Kawal, Nilai dan Aksi"* dalam memupuk keprihatinan dan intervensi komuniti terhadap isu-isu berkaitan keganasan rumah tangga dan gan Fokus utama program ini bertujuan;

a) Meningkatkan kesedaran masyarakat akar umbi tentang bentuk-bentuk keganasan rumah tangga dan gangg kesan jangka panjang kepada mangsa.

b) Mendedahkan saluran bantuan dan perlindungan seperti Talian Kasih, Pusat Krisis Bersepadu (OSCC), dan Peja

c) Memberi latihan asas kepada komuniti sebagai mata dan telinga kepada kes-kes penderaan dan keganasan yan

d) Mewujudkan jaringan sokongan psikososial dan rujukan kepada agensi berkaitan seperti JKM, PDRM, LPPKN da

Untuk makluman Yang Berhormat,

3.2 **Pusat Sokongan Psikososial Wanita yang akan diwujudkan di Halaman Wanita (HALWA) Ipoh**
Sebelum ini dikenali sebagai Rumah Hawa dijangka beroperasi pada Jun 2025. Pusat ini antaranya berperanan r dan intervensi segera kepada wanita yang terkesan, terutamanya mangsa keganasan rumah tangga dan ga memperkukuhkan jaringan kerjasama dengan ahli psikologi dan kaunselor berdaftar bersama dengan LPPKN Perak.

3.3 **Cadangan Pembangunan Modul Interaktif Pencegahan Keganasan Rumah Tangga dan Gangguan Seksual**
Cadangan Modul ini akan dibangunkan dengan pendekatan *age-appropriate* dan *community-sensitive*, dan akan dan latihan yang disasarkan kepada pekerja sosial serta pemimpin masyarakat dengan kerjasama agensi yang berk

Yang Berhormat,

4. Kerajaan Negeri akan terus berusaha memperkukuh keselamatan dan kebajikan wanita Negeri Perak melalui g **penguatkuasaan dan pemulihan**, demi mewujudkan persekitaran yang selamat dan menyokong untuk semua wanita da

Sekian, terima kasih.

**MAKLUMAT TAMBAHAN :**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan keselamatan dan kebajikan wanit rumah tangga. Berikut adalah beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh JKM untuk tujuan tersebut:

1. **Perkhidmatan TALIAN KASIH 15999**: Talian Kasih JKM ini berfungsi sebagai talian kecemasan yang membolehkan m Dengan menghubungi talian ini, mangsa akan dihubungkan dengan pegawai terlatih yang akan memberikan nasiha langkah-langkah yang perlu diambil untuk melindungi diri mereka. Talian ini memberikan mereka ruang untuk mendapat peluang untuk memulakan kehidupan yang lebih aman dan selamat

2. **Penguatkuasaan Undang-Undang**: Melalui Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, JKM memberi sokongan kepac membantu mereka dalam proses pemfailan permohonan ke mahkamah bagi mendapatkan Perintah Perlindungan Interim Perlindungan (Protection Order - PO). Selain itu, JKM juga berperanan mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemas memastikan keselamatan mangsa terjamin dengan segera. Langkah-langkah ini diambil untuk memastikan perlindun domestik dan membanteras keganasan dalam rumah tangga.
3. **Perkhidmatan Perlindungan Di Tempat Selama**t: JKM menyediakan tempat perlindungan yang selamat untuk mangsa dan kanak-kanak, bagi memastikan mereka berada dalam persekitaran yang aman dan terlindung. Pusat perlindunga tinggal yang selamat, makanan, pakaian, serta sokongan psikososial untuk membantu mangsa pulih daripada kesan tı JKM yang telah digazetkan sebagai tempat selamat iaitu Taman Seri Puteri Batu Gajah, Rumah Seri Kenangan Seri Iska Seri Kenangan Taiping dan Rumah Kanak-Kanak Sultan Abdul Aziz Kuala Kangsar.

4. **Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling**: JKM menawarkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada man bertujuan untuk membantu mangsa mengatasi trauma dan memberi sokongan psikologi serta nasihat untuk memulihkan l

5. **Mempertimbangkan Bantuan Kewangan**: JKM memberikan bantuan kewangan kepada mangsa yang memerlukan, 1 sangat terdesak atau tidak mempunyai sumber pendapatan. Bantuan kewangan ini bertujuan untuk meringankan beban h pemulihan.

6. **Program Advokasi Kepada Masyarakat**: Program ini melibatkan usaha untuk meningkatkan kesedaran masyaraka kempen pendidikan, seminar, bengkel, sesi penerangan serta edaran risalah. Ia bertujuan untuk mendidik orang ramai ter tanda-tanda awal penderaan, serta cara untuk mendapatkan bantuan. Melalui kesedaran ini, diharapkan lebih ramai in rumah tangga dan memberi sokongan kepada mangsa.

7. **Kerjasama dengan NGO**: JKM bekerjasama dengan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang fokus kepad sokongan lebih menyeluruh kepada mangsa. Kerjasama ini membantu dalam menyediakan lebih banyak sumber dan bantuan yang mereka perlukan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Penggunaan pukat tunda dan bubu naga telah merosakkan ekosistem dan habitat pembiakan ikan di sungai-sungai kawasan Selinsing. Mohon jelas yang telah dilaksanakan.

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman YB,Jabatan Perikanan Negeri Perak sentiasa memandang serius terhadap aktiviti perikanan tangka Perak dengan menguatkuasakan undang - undang melalui Akta Perikanan 1985 dan Kaedah Perikanan Sungai P penguatkuasaan undang - undang di sungai - sungai yang dilaksanakan adalah dengan menjalankan operasi *Mo Surveillance* (MCS). Melalui pendekatan ini, aktiviti pemantauan, kawalan dan pengawasan terhadap setiap akti dibuat oleh individu terlibat adalah mematuhi undang - undang di bawah Kaedah Perikanan Sungai Perak 1992. dilaksanakan secara berjadual dan mengejut bergantung kepada perancangan program serta keperluan pemant pengutkuasaan ini turut memfokuskan kepada aspek penggunaan peralatan menangkap ikan yang tidak dibena yang dilarang termasuk penggunaan peralatan dilarang iaitu bubu naga. Manakala penguatkuasaan ke atas pen vesel penangkapan ikan di laut perlulah mematuhi dasar jabatan serta syarat - syarat lesen yang ditetapkan ke menangkap ikan tersebut. Untuk makluman jua, aktiviti penguatkuasaan perikanan di laut dan sungai melalui k penguatkuasaan lain termasuk Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di seluruh pera perairan Selingsing.

Peranan tegas Jabatan Perikanan Negeri Perak dibuktikan dengan hasil tahanan aktiviti-aktiviti perikanan Sepanjang tahun 2023 dan 2024, sebanyak 80 buah pukat tunda dan 51 bubu naga disita oleh Pangkalan Malaysia kerana melanggar peruntukan undang - undang yang berkuatkuasa.

Hasil daripada program-program penguatkuasaan ini, sepanjang tahun 2024, Jabatan Perikanan Negeri Pera bagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan perikanan berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Aktiviti-aktiviti pe Negeri Perak akan diteruskan lagi pada tahun ini dan di masa akan datang dengan kerjasama dan sokon Perikanan Malaysia, Putrajaya, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia serta Polis Marin.

Sekian, terima kasih.

2. Judi merupakan satu kesalahan dalam Enakmen Undang-undang Islam Negeri Perak. Bagaimana mahkamah syariah Perak bersedia untuk mengha orang Islam yang semakin meningkat dan sofistikated?

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat Selinsing, undang-undang yang mengawal kesalahan aktiviti perjudian atas talian (*online*) adalah tertakluk di baw Seksyen 6(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 iaitu di bawah bidang kuasa Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Justeru, Mahkamah Syariah tidak mempu atas talian.

Rekod tangkapan perjudian atas talian di kalangan masyarakat Islam bagi tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti berikut:

| **TAHUN** | **2023** | | **2024** | | **JAN – MAC 2025** | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **BILANGAN ORANG YANG DITANGKAP** | L | P | L | P | L | P |
| | 122 | 10 | 61 | 12 | 18 | 2 |
| **JUMLAH** | 132 | | 73 | | 20 | |

Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) secara berterusan menggerakkan pelbagai inisiatif mencegah kegiatan perjudian. Antaranya adalah penganjura Syariah (Kewajipan Menjaga Harta) yang terkandung kesalahan berjudi dan Ceramah Pencegahan Jenayah Syariah (Kesalahan Perjudian) yang seluruh negeri Perak. Risalah kesedaran (*pamphlet*) turut diedarkan kepada masyarakat Islam sebagai peringatan. Usaha pencegahan dan kesec perjudian dapat dibanteras sepenuhnya.

Kerajaan Persekutuan melalui Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) menyokong pihak industri dalam penyediaan TVET menerusi program *Advanced Technology Meister Programme (ATMP)* di bawah inisiatif *NCER Technology Innovation Ce* Melalui geran yang diperuntukkan menerusi program ATMP, syarikat-syarikat yang berkelayakan berpeluang meningkatkan ken latihan teknikal *'semi high skilled & high skilled'.* Modul latihan akan dibangunkan berdasarkan hasil kolaborasi di antara pihak i yang berdaftar di bawah Kementerian Pengajian Tinggi atau diperakui oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) – Sistem L Kementerian Sumber Manusia. Modul latihan ini boleh disesuaikan mengikut keperluan syarikat untuk membantu meningkatkar pengadaptasian teknologi terkini.

Program ini dapat membantu penyediaan tenaga kerja mahir melalui pemerkasaan TVET bagi memenuhi permintaan industri E

**Berdasarkan statistik PERKESO**, seramai 39,941 pencari kerja aktif negeri Perak telah direkodkan setakat 21 Mac 2025 di P yang sama, jumlah kekosongan jawatan di negeri Perak yang diiklankan dalam Portal MYFutureJobs adalah sebanyak 18,043 k tersebut, sebanyak 148 kekosongan jawatan berkemahiran tinggi yang berteraskan kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligenc* MYFutureJobs di seluruh negara dalam tempoh yang sama. Antara jawatan yang diiklankan adalah seperti *Robotics Engineer,* *Scientist* dan *Software Developer*.

Oleh itu, dalam memperkasakan pasaran kerja negara dan mempersiapkan tenaga kerja mahir terutama dalam kalangan penca cabaran akan datang dalam sektor *Artificial Intelligence* (AI), *Internet of Things* (IoT), dan Industri 5.0 serta memenuhi keperluar PERKESO melalui Kerajaan Negeri secara berterusan mengambil langkah proaktif. Antaranya ialah;

I)Melaksanakan Program MYFutureJob CareerLaunch pad
bagi meningkatkan persediaan transisi pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IF elemen profiling pencari kerja, program kebolehpasaran, aktiviti eksplorasi Kerjaya & temu duga Kerjaya.
II) Menyediakan Pusat Satelit sebagai lokasi sehenti untuk graduan muda dan pencari kerja mendapatkan sokongan kerjaya da Seputih, Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Bagan Serai dan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS).

Iii)Menyediakan platform pencarian pekerjaan dalam portal MYFutureJobs dalam usaha menambah baik pemadanan antara bidang kelulusan graduan dengan jenis pekerjaan yang ditawarkan bagi menangani isu pengangguran melibatkan siswazah. Melalui portal ini juga, PERKESO turut membangunkan Sistem *Carrier Bridge Tool* yang berteraskan kaedah dalam talian yang membantu menghubungkan pencari kerja termasuk siswazah dengan pekerjaan yang sepadan mengikut kelayakan mereka.

Iv)Membangunkan Sistem *Wage Guide* yang berperanan untuk membantu para pencari kerja untuk mengenal pasti dan mengu tepat dalam pilihan kerjaya mereka.

V)Melaksanakan kerjasama strategik dengan syarikat bertarafantarabangsa seperti HCL Tech yang mensasarkan seramai 5,00

upskilling dan kemahiran berdasarkan modul latihan keselamatan siber, sains data dan kecerdasan buatan (AI).

Selain itu, dalam memperkasakan pasaran kerja negara dan mempersiapkan tenaga kerja mahir negara, KESUMA dan PERKE
sekolah, antaranya:

Melaksanakan Program Eksplorasi Kerjaya yang merupakanplatform untuk membantu meningkatkan soft skills pelajar seperti persediaan dan perancangan pelajar sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Program ini turut memberi pendedahkan kepada mereka untuk memilih kerjaya yang bersesuaian dengan personaliti, minat, kemahiran dan kebolehan mereka.

3. Institusi Tahfiz memainkan peranan penting dalam Pendidikan Islam di Negeri Perak ini.
    1. Berapakah jumlah Pusat Tahfiz Swasta di Negeri Perak
    2. Apakah bantuan kewangan dan Fizikal yang diberikan oleh pihak kerajaan

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga tahun 2025, terdapat 94 buah Pusat Tahfiz Swasta yang berdaftar di negeri Perak. Penyaluran bantuan kepada pusat-pu

i. **Bantuan Perkapita** oleh Kerajaan Negeri yang disalurkan melalui Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Jabatan Agama Islam Perak (J
ii. MAIPk menyediakan peruntukan tahunan di bawah asnaf Fisabilillah bagi Bantuan Perkapita kepada sekolah yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Ne

| **Bil.** | **Kategori Sekolah** | **Jumlah Bantuan Setahun (RM)**<br><br>**Per Kepala Murid** |
|---|---|---|
| 1 | Sekolah Rendah Agama Rakyat Integrasi KAFA | 24.00 |
| 2 | Sekolah Rendah Agama Rakyat Sepenuh Masa | 80.00 |
| 3 | Sekolah Menengah Agama Rakyat | 100.00 |
| 4 | Tahfiz Sekolah Menengah Agama Negeri / Sekolah Agama Rakyat | 100.00 |
| 5 | Tadika Islam -Perkapita | 50.00 |
| 6 | Tadika Islam-Makanan | 400.00 |
| 7 | KAFA Tulen Orang Asli-Perkapita | 24.00 |
| 8 | KAFA Tulen Orang Asli-Makanan | 400.00 |

Secara keseluruhannya, MAIPk telah menyalurkan Bantuan Perkapita berjumlah RM285,600.00 pada tahun 2023 dan RM335,400.00 pada tahun 2024. 
berjumlah RM1,345,350.00 pada tahun 2023 dan RM1,499,982.00 pada tahun 2024.

iii. **Bantuan Pembangunan, Selenggara dan Naik Taraf Sekolah** oleh Pejabat YAB Menteri Besar dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sejun
dengan RM1,531,306.00 merupakan peruntukan Pejabat YAB Menteri Besar dan RM1,265,600.00 merupakan peruntukan JAKIM. Bagi tahun 202
RM3,688,018.00 merupakan peruntukan Pejabat YAB Menteri Besar dan RM558,500.00 merupakan peruntukan JAKIM.
iv. **Bantuan Asas Pembelajaran Sekolah** oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM75,900.00 pada ta
v. Bagi tahun 2025, Pejabat YAB Menteri Besar telah meluluskan peruntukan RM3,181,818.50 melibatkan sebanyak 31 projek bagi **menaik taraf Institusi P**
48 projek bagi maksud **Bantuan Khas Pendidikan Melayu / Islam.**

MAIPk turut menyediakan dana zakat di bawah asnaf fakir dan miskin bagi membantu murid-murid tahun satu hingga tingkatan lima melalui Bantuan Persekola
kelengkapan pakaian sekolah yang diagihkan dengan kerjasama pihak sekolah di seluruh negeri Perak.

Selain daripada bantuan kewangan dan fizikal, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) turut menyediakan pelbagai kursus bagi meningkatkan

Di atas dasar kebersamaan dalam bidang Pendidikan juga, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak melalui Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan tu
Swasta pada tahun 2024. Seramai 213 orang murid daripada 21 buah sekolah telah diberikan bantuan kewangan bagi mengikuti peperiksaan Sijil Peperiksaa
diperuntukkan sebanyak RM250.00 bagi setiap subjek yang diambil khususnya subjek-subjek teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejara

**PECAHAN PUSAT TAHFIZ SWASTA BERDAFTAR MENGIKUT DAERAH**

| **BIL.** | **DAERAH** | **BILANGAN** |
|---|---|---|
| 1. | MANJUNG | 12 |
| 2. | KUALA KANGSAR | 13 |
| 3. | LARUT MATANG /SELAMA | 5 |
| 4. | GERIK / HULU PERAK | 5 |

| BIL. | DAERAH | BILANGAN |
|---|---|---|
| 5. | LENGGONG | 1 |
| 6. | PENGKALAN HULU | 2 |
| 7. | IPOH | 12 |
| 8. | BATU GAJAH | 2 |
| 9. | TAPAH | 4 |
| 10. | PARIT BUNTAR | 3 |
| 11. | TELUK INTAN | 4 |
| 12. | SERI ISKANDAR | 7 |
| 13. | BAGAN SERAI | 2 |
| 14. | MUALLIM | 3 |
| 15. | TAIPING | 12 |
| 16. | KAMPAR | 2 |
| 17. | BAGAN DATUK | 4 |
| JUMLAH | | 94 |

**SENARAI PUSAT TAHFIZ SWASTA BERDAFTAR DI NEGERI PERAK**

| BIL | KOD SEK | NAMA SEK | DAERAH |
|---|---|---|---|
| 1 | AZG 1005 | MAAHAD TAHFIZ AL QURAN AS SANAA | MANJUNG |
| 2 | AZG 1001 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN DAR AL-ABRAR | MANJUNG |
| 3 | AZG 1003 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 12 | MANJUNG |
| 4 | AZG 1002 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 14 | MANJUNG |
| 5 | AZG 1010 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL-QIRAAT ADDIN VOKASIONAL 19 | MANJUNG |
| 6 | AZG 1007 | MAAHAD TAHFIZ BAYT AL IKHLAS | MANJUNG |
| 7 | AZG 1006 | MAAHAD TAHFIZ DARUL FURQAN | MANJUNG |
| 8 | AZG 1009 | MAAHAD TAHFIZ MADRASATUL MAARIF | MANJUNG |
| 9 | AZG 1013 | MAAHAD TAHFIZ RAUDHATUL QURAN | MANJUNG |
| 10 | AZG 1004 | MADRASATUL QURAN | MANJUNG |
| 11 | AZG 1011 | MADRASATUL QURAN NURUL HIDAYAH | MANJUNG |
| 12 | AZG 1008 | PUSAT PENGAJIAN TAHFIZ BALQIS | MANJUNG |
| 13 | AZG 4008 | DAR TAHFIZ AL-QURAN WAL HADITH | KUALA KANGSAR |
| 14 | AZG 4002 | MAAHAD AL-SALIHIAH WAT-TAHFIZ | KUALA KANGSAR |
| 15 | AZG 4007 | MAAHAD TAHFIZ AD-DAWWAMAH | KUALA KANGSAR |
| 16 | AZG 4003 | MAAHAD TAHFIZ AL-FUQAHA FELDA LASAH | KUALA KANGSAR |

| BIL | KOD SEK | NAMA SEK | DAERAH |
|---|---|---|---|
| 17 | AZG 4004 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 3 | KUALA KANGSAR |
| 18 | AZG 4005 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 6 | KUALA KANGSAR |
| 19 | AZG 4013 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL-QIRAAT ADDIN 13 | KUALA KANGSAR |
| 20 | AZG 4010 | MAAHAD TAHFIZ ALQURAN DAN HADITH AR RAHMAH | KUALA KANGSAR |
| 21 | AZG 4006 | MAAHAD TAHFIZ ATTAKAMULI | KUALA KANGSAR |
| 22 | AZG 4012 | MAAHAD TAHFIZ SHEIKH JUNID TOLA | KUALA KANGSAR |
| 23 | AZG 4001 | MAAHAD TAHFIZ WATTALAQQI | KUALA KANGSAR |
| 24 | AZG 4014 | NUR MUHAMMAD TAHFIZ CENTRE | KUALA KANGSAR |
| 25 | AZG 4011 | PUSAT TAHFIZ AL-QURAN | KUALA KANGSAR |
| 26 | AZG A001 | MAAHAD TAHFIZ NUR AS-SALAM | LARUT MATAI /SELAMA |
| 27 | AZG A004 | MADRASAH HAFIZAH SG BAYOR | LARUT MATAI /SELAMA |
| 28 | AZG A003 | MADRASAH TAHFIZ NURULBASTIAH LIL BANAT | LARUT MATAI /SELAMA |
| 29 | AZG A002 | MADRASAH TAHFIZ SG BAYOR | LARUT MATAI /SELAMA |
| 30 | AZG A005 | PUSAT PENGAJIAN TAHFIZ AR-RAHMAN | LARUT MATAI /SELAMA |
| 31 | AZG 7004 | DARUL TAHFIZ GERIK | GERIK/HULU PERA |
| 32 | AZG 7001 | MAAHAD TAHFIZ PONDOK AIR JERNIH | GERIK/HULU PERA |
| 33 | AZG 7008 | MAAHAD TAHFIZ TAWAI | GERIK/HULU PERA |
| 34 | AZG 7003 | MADRASAH TAHFIZ AL-QURAN AL-HIDAYAH | GERIK/HULU PERA |
| 35 | AZG 7007 | TAHFIZ GERIK AIR RAMBUTAN | GERIK/HULU PERA |
| 36 | AZG7006 | MAAHAD TAHFIZ ALQURAN LIDDAKWAH WAL IMAMAH | LENGGONG (DAERAH KECIL) |
| 37 | AZG 7005 | MAAHAD TAHFIZ AL FATEH PENGKALAN HULU | PENGKALAN HU (DAERAH KECIL) |
| 38 | AZG 7002 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 5 | PENGKALAN HU (DAERAH KECIL) |
| 39 | AZG 2013 | MAAHAD AD-DEENIYYAH | IPOH |
| 40 | AZG 2011 | MAAHAD TAHFIZ AL ANSORI | IPOH |
| 41 | AZG 2006 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 10 | IPOH |

| BIL | KOD SEK | NAMA SEK | DAERAH |
|---|---|---|---|
| 42 | AZG 2007 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 11 | IPOH |
| 43 | AZG 2003 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 7 | IPOH |
| 44 | AZG 2017 | MAAHAD TAHFIZ BAYT AZ ZAKIAH | IPOH |
| 45 | AZG 2020 | MAAHAD TAHFIZ MIFTAHUL JANNAH | IPOH |
| 46 | AZG 2023 | MAAHAD TAHFIZ MIFTAHUL JANNAH 2 | IPOH |
| 47 | AZG 2024 | MAAHAD TAHFIZ MIFTAHUL JANNAH 3 | IPOH |
| 48 | AZG 2014 | MADRASAH ASHABUS SUFFAH UMMI HASANAH | IPOH |
| 49 | AZG 2016 | PUSAT PENGAJIAN ISLAM AT-TAYYIBIN | IPOH |
| 50 | AZG 2012 | PUSAT PENGAJIAN TAHFIZ RENDAH DARUL FURQAN | IPOH |
| 51 | AZG 2009 | MAAHAD TAHFIZ AL QUDDUS | BATU GAJAH |
| 52 | AZG 2008 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 16 | BATU GAJAH |
| 53 | AZG 0009 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN AL-IMAN | TAPAH |
| 54 | AZG 0002 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 4 | TAPAH |
| 55 | AZG 0008 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL-QIRAAT ADDIN 17 | TAPAH |
| 56 | AZG 0006 | MADRASAH TAHFIZ FIRDAUS AL WARISI | TAPAH |
| 57 | AZG 3006 | MAAHAD TAHFIZ HIDAYATUL ULUM | PARIT BUNTAR |
| 58 | AZG 3005 | PUSAT TAHFIZ AL-QURAN RAUDHATUL MAWADDAH | PARIT BUNTAR |
| 59 | AZG 3002 | TAHFIZ AL HIDAYAH | PARIT BUNTAR |
| 60 | AZG 5005 | MAAHAD TAHFIZ AL FURQAN | TELUK INTAN |
| 61 | AZG 5007 | MAAHAD TAHFIZ AL MUNIR | TELUK INTAN |
| 62 | AZG 5009 | MAAHAD TAHFIZ RAUDHATUL JANNAH (MARJAN) | TELUK INTAN |

| BIL | KOD SEK | NAMA SEK | DAERAH |
|---|---|---|---|
| 63 | AZG 5001 | MAAHAD TAHFIZ WA DIRASAH ISLAMIAH | TELUK INTAN |
| 64 | AZG 8007 | MAAHAD TAHFIZ AL QURAN DARUL MUBARAK | SERI ISKANDAR |
| 65 | AZG 8005 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN KG SERI KAYA BOTA | SERI ISKANDAR |
| 66 | AZG 8002 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN MASJID LAMA | SERI ISKANDAR |
| 67 | AZG 8003 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 2 | SERI ISKANDAR |
| 68 | AZG 8004 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 9 | SERI ISKANDAR |
| 69 | AZG 8001 | MAAHAD TAHFIZ AS-SOHABAH | SERI ISKANDAR |
| 70 | AZG 8006 | MAAHAD TAHFIZ BAITUL HAMD | SERI ISKANDAR |
| 71 | AZG 3003 | MAAHAD TAHFIZ AR RIDHWANIAH | BAGAN SERAI |
| 72 | AZG 3004 | MAAHAD TAHFIZ AS-SYAKIRIN | BAGAN SERAI |
| 73 | AZG 0007 | MAAHAD TAHFIZ AL HILMI | MUALLIM |
| 74 | AZG 0005 | MAAHAD TAHFIZ AL-HIDAYAH | MUALLIM |
| 75 | AZG 0004 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 15 | MUALLIM |
| 76 | AZG 6009 | AL-MAAHAD ALMUHAMMADI LIL TAHFIZI QURAN WAL MAHARAT | TAIPING |
| 77 | AZG 6015 | MAAHAD TAHFIZ AL QURAN WAL QIRAAT ADDIN VOKASIONAL 18 | TAIPING |
| 78 | AZG 6014 | MAAHAD TAHFIZ AN-NUR (HAFIZAH) | TAIPING |
| 79 | AZG 6011 | MAAHAD TAHFIZ TARBIAH AL-UMMAH AL HASANAH | TAIPING |
| 80 | AZG 6012 | MAAHAD TAHFIZ TARBIAH AL-UMMAH HAJI ZAKARIA DAN HAJAH KAMARIAH | TAIPING |
| 81 | AZG 6002 | MAAHAD TAHFIZ TARBIAH UMMAH | TAIPING |
| 82 | AZG 6007 | MAAHAD TAHFIZ WA TAALIMUL QURAN ARRAHIMIYAH | TAIPING |
| 83 | AZG 6010 | MADRASAH TAHFIZ KG SEMPENEH CHEMPAKA | TAIPING |

| BIL | KOD SEK | NAMA SEK | DAERAH |
|---|---|---|---|
| 84 | AZG 6003 | MADRASAH TAHFIZ TAMAN LAKE VIEW | TAIPING |
| 85 | AZG 6008 | PUSAT PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN DAN HADITH DARUSSOLEHAH | TAIPING |
| 86 | AZG 6013 | PUSAT TAHFIZ BUKIT GANTANG | TAIPING |
| 87 | AZG 6004 | PUSAT TARBIAH HAFFAZ QURAN IBNU SINA | TAIPING |
| 88 | AZG 9001 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAT TARBIAH NURUL JANNAH | KAMPAR |
| 89 | AZG 2010 | PUSAT BIMBINGAN UMMAH | KAMPAR |
| 90 | AZG 5003 | MAAHAD ABDUL FATAH WA ABDUL JALIL | BAGAN DATUK |
| 91 | AZG 5004 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT ADDIN 1 | BAGAN DATUK |
| 92 | AZG 5010 | MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL-QIRAAT ADDIN VOKASIONAL 20 | BAGAN DATUK |
| 93 | AZG 5006 | MAAHAD TAHFIZ AN NUR LILBANAT | BAGAN DATUK |
| 94 | AZG 5002 | MAAHAD TAHFIZ DARUL ABDUL AZIZ | BAGAN DATUK |

Soalan Dari : YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI
Ahli Dewan Undangan Negeri : (MANJOI )

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. LOMBONG.

(a)Apakah status lombong terbiar dan tidak diselenggara di Kampung Dato Ahmad Said Tambahan 2 ?

(b)Adakah kerajaan bercadang untuk menaik taraf kawasan lombong (a) tersebut ?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Manjoi, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui Perjumpaan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Perak Bila 2056 bertarikh 19 Januari 2022 telah meluluskan perizaban dua (2) tanah Kerajaan di Wilayah Kampung Dato' Ahmad Said Tambahan 2, Muki Tadahan mengikut Seksyen 42(1)(b) Kanun Tanah Negara (Akta 828) dan diisytiharkan perizaban ini mengikut Seksyen 62(1) Akta yang sama. Ke dan Jalan Cenderawasih, Wilayah Kampung Dato' Ahmad Said Tambahan, 2 Mukim Hulu Kinta Daerah Kinta. Perizaban ini dikawal oleh YB Seti Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak.

Untuk makluman Yang Berhormat Manjoi juga, setakat ini Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menaiktaraf lombong terbiar tersebut sebag Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) bagi Bandaraya Ipoh sedang dijalankan dan akan mengkaji potensi lombong-lombong terbiar dija dijangka akan siap pada Mac 2026 oleh ZHL Engineers Sdn. Bhd.

2. KOLAM TADAHAN.

(a)Berapakah jumlah kolam tadahan dalam kawasan perumahan yang tidak diselenggara seperti di Taman Klebang Putra dan Taman Chepor Raya ?

(b)Adakah pihak kerajaan bercadang untuk menaik taraf kawasan tadahan air di kawasan (a) tersebut ?

Jawapan Soalan 2

Kolam takungan banjir dalam kawasan perumahan diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) termasuklah di ianya bersifat ***community*** iaitu setempat bagi kawalan banjir di punca.

Untuk rekod, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Perak melalui JPS Daerah Kinta dan Batang Padang menguruskan enam (6) kolam tak

1. Kolam Takungan Banjir Sg. Klebang
2. Kolam Takungan Banjir Sg. Pari
3. Kolam Takungan Banjir Taman Merdeka
4. Kolam Takungan Banjir Dato Ahmad Said Tambahan 2
5. Kolam Takungan Banjir Kg. Sg. Tapah
6. Kolam Takungan Banjir Meru Raya

b) Jumlah kolam tadahan yang terdapat di Taman Klebang Putra adalah sebanyak 5 kolam di dalam senarai inventori Majlis Bandaraya Ipoh. M disenaraikan di dalam inventori Majlis Bandaraya Ipoh.

**Bagi mensawab soalan b pula**

c) Bagi tahun 2025, JPS bercadang untuk menyenggara Kolam Takungan Banjir Sungai Pari dan Kolam Takungan Banjir Taman Merdeka dengan me

d) Kerja-kerja menaiktaraf bagi kolam takungan yang dimaksudkan adalah di bawah bidang kuasa PBT kerana pihak PBT yang menguruskan kola bersifat *community* iaitu setempat bagi kawalan banjir di punca.

e) Pihak Majlis Bandaraya Ipoh bercadang untuk menaik taraf kolam tadahan di Taman Klebang Putra dari kolam tadahan kering ke kolam tad tadahan air tersebut.

3. KAWASAN PEMBUANGAN SAMPAH HARAM.

(a) Apakah usaha kerajaan bagi mengatasi pembuangan sampah haram terutamanya di kawasan perumahan ?

(b)Adakah pihak kerajaan bercadang mewujudkan rumah sampah khususnya di kawasan perumahan ?

(c) Adakah pihak kerajaan bercadang menaikkan kekerapan kutipan sampah pukal di kawasan perumahan ?

Jawapan Soalan 3

**JAWAPAN A**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) mengambil langkah tegas dalam menangani isu pembuangan sampah haram melalui tindakan penguatkuasaan yang ke pemantauan, intipan dan tangkapan terhadap individu yang membuang sampah secara haram. Mana-mana pelaku yang melakukan kesalahan boleh

Sehingga kini, sebanyak 110 lokasi hot spot sampah haram di sekitar Ipoh telah berjaya diselesaikan. Sepanjang tahun 2024, MBI telah mengelu RM116,550. Sementara itu, bagi tempoh Januari 2025 hingga Februari 2025, sebanyak 117 kompaun telah dikeluarkan dengan jumlah denda RM35

**JAWAPAN B**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Buat masa ini, pihak Majlis Bandaraya Ipoh tidak bercadang mewujudkan rumah sampah di kawasan perumahan. Beberapa usaha telah diambil sampah. Antara langkah- langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

i. Kutipan sampah domestik dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 3 kali seminggu;

ii. Kutipan sampah di pusat bandar, pasar awam, pusat penjaja, medan selera dan pusat pengumpulan sampah domestik dijalankan setiap hari;

iii. Menyediakan perkhidmatan kutipan sampah kebun dan pukal secara percuma sebulan sekali mengikut jadual bagi taman perumahan mulai 20

iv. Menyediakan kutipan sampah haram mengikut jadual yang ditetapkan iaitu sebulan atau dua bulan sekali;

v. Pengedaran risalah kepada orang awam berkenaan kewajipan “Penyediaan Tong Sampah Dan Rumah Kediaman” dan “Larangan Pembuanga

vi. Pemasangan papan tanda larangan pembuangan sampah haram di lokasi yang telah dikenal pasti sebagai *hot spot* sampah haram;

vii. Program pengedaran tong sampah secara percuma bagi taman perumahan di sekitar bandar raya Ipoh. Program ini mula diperkenalkan pada premis telah diedarkan tong sampah pada setiap hujung minggu mengikut giliran zon Ahli Majlis;

viii. Unit *Anti-litter*, MBI sentiasa membuat pemantauan, pengintipan dan tangkapan bagi mereka yang membuang sampah haram; dan

ix. Penyerahan tong sampah kitar semula sebanyak 12 unit di pusat bandar.

**JAWAPAN C**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Buat masa ini, pihak Majlis Bandaraya Ipoh tidak mempunyai perancangan bagi menaikkan kekerapan kutipan sampah pukal di kawasan perur ditambah mengikut logistik dan keperluan.

4. PONDOK TELEFON LAMA.

(a)Apakah langkah kerajaan dalam menyelesaikan struktur pondok telefon lama yang menganggu pengguna jalan raya ?

(b)Adakah kerajaan bercadang untuk melupuskan pondok telefon lama tersebut khususnya di kawasan perumahan Taman Meru, Taman Jati, Kampu Seri Klebang ?

Jawapan Soalan 4

**Jawapan:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TM mengambil maklum di atas aduan yang telah dikemukakan dan memohon maaf di atas kesulitan serta ke memaklumkan bahawa, pondok telefon awam berbayar PERNEC tersebut bukan lagi merupakan aset yang dimiliki oleh TM dan juga bukan pengen perkhidmatan pondok telefon awam berbayar tersebut sejak dari tahun 2007.

Berhubung perkara ini, Telekom Malaysia (TM), Sebagaimana yang pihak tuan mungkin sedia maklum,TM telah melupuskan kesemua kepentingan e (iaitu entiti asal yang memiliki dan menjalankan perkhidmatan pondok telefon awam berbayar di Malaysia) kepada Pernec Corporation Berhad (PERI tidak lagi mempunyai tanggungjawab atau kawalan ke atas mana-mana pondok telefon awam berbayar PERNEC di seluruh Malaysia.

Anak Syarikat PERNEC yang mengoperasikan pondok telefon awam berbayar PERNEC, PERNEC Paypoint Sdn Bhd (PPSB) pernah menghantar s 25 Julai 2018 kepada semua pihak berkepentingan. Namun demikian, TM amat menghargai keperihatinan PBT-PBT setempat dalam isu binaan terb dan masih menggunakan cap dangang TM. Pihak TM berpendapat bahawa perkara ini bukan sahaja memberi impak kurang sihat terhadap persekita menjejaskan imej Syarikat TM.

Oleh yang demikian, TM mencadangkan kepada semua pihak berkuasa tempatan dan pihak SUK Perak untuk memajukan sebarang aduan awam m kepada pihak MCMC melalui Portal Aduan CFM atau Portal Aduan Suruhanjaya Komunikasi Malaysia (SKMM) melalui email ke aduan@cfm.org.my

5. KESESAKAN LALU LINTAS.

(a)Apakah langkah kerajaan mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Klebang iaitu dari kawasan perumahan Klebang ke kawasan Zon Indus

(b)Adakah kerajaan bercadang untuk membina laluan baru bagi mengatasi kesesakan lalu lintas tersebut ?

Jawapan Soalan 5

**JAWAPAN A**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri sentiasa cakna dengan masalah kesesakan lalu lintas yang dihadapi di kawasan Klebang iaitu dari kawasan perumahan Klebang ke

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui JKR telah mengangkat permohonan peruntukan bagi melaksanakan kajian Penilaian Impak Tra kepada Kerajaan Persekutuan dalam RP-1, RMKe-13.

**JAWAPAN B**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Cadangan menaiktaraf/pembinaan jalan baharu akan ditentukan selepas kajian impak trafik (TIA) dilaksanakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. MUSIBAH KEBAKARAN.

(a)Adakah kerajaan mempunyai cadangan mewujudkan Balai Bomba dalam Kampung Gugusan Manjoi ?

(b)Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk mengaktifkan sukarelawan bomba dalam Kampung Gugusan Manjoi ?

(c)Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk mengatasi tekanan air pili bomba yang rendah dalam Kampung Gugusan Manjoi ?

Jawapan Soalan 1

**JAWAPAN A**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Syarat bagi pembinaan Balai Bomba baharu di Kampung Gugusan Manjoi ialah tiada Balai Bomba dalam radius 25KM. Ketika ini terdapat Manjoi dengan jarak seperti berikut :

1. Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh - 5.2 KM
2. Balai Bomba dan Penyelamat Meru Raya - 8.3 KM
3. Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Puteh - 10.3 KM

**JAWAPAN B**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Wakil pihak Bomba iaitu Ketua Balai, BBP Meru Raya telah membuat perbincangan awal bersama YB ADUN Manjoi sebelum ini dan terdapat bebera

1. Setiap penubuhan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) perlu diusulkan oleh sebuah organisasi yang telah dibentuk bersama ahli jawatankuasa;
2. PBS perlu berdaftar dengan pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (eROSES);
3. Mewujudkan kempen kesedaran awam di kalangan penduduk Manjoi berkaitan keselamatan kebakaran;
4. Menubuhkan Pasukan Bomba Komuniti di kawasan Manjoi.

**JAWAPAN C**

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Perak sentiasa berhubung dengan pihak Lembaga Air Perak (LAP) bagi membinc menggunakan air domestik yang sama digunakan oleh penduduk setempat.

Justeru itu, pihak Bomba sentiasa mengambil langkah proaktif sekiranya berlaku insiden kebakaran di kampung tersebut dengan menghubung tersebut.

2. PENDIDIKAN.

(a)Apakah usaha segera kerajaan bagi pembangunan Sekolah Rendah Agama Rakyat Ass-Sakinah, Taman Chepor Damai yang masih beroperasi d

(b)Apakah status pembangunan Sekolah Agama Rakyat Kampung Ulu Chepor yang kelihatan terbengkalai ?

(c)Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan sekolah menengah di kawasan Klebang ?

Jawapan Soalan 2

a) YAB Perdana Menteri melalui Parlimen Tambun telah meluluskan RM500,000.00 bagi pembinaan Baharu sebuah sekolah kepada SRAR Ass-S JPM -ICU telah menguruskan pelantikan kontraktor bagi pembinaan bangunan sekolah berkenaan dan projek dijangka bermula April 2025.

b) Sekolah Agama Rakyat Kampung Ulu Chepor sudah tidak beroperasi sejak tahun 2020 kerana bilangan murid yang kurang 20 orang. Berpanduka Islam 1996, Bahagian 1 Tafsiran “sekolah” syarat sesebuah sekolah hendaklah sekurang-kurangnya 20 orang murid.

c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak mempunyai perancangan bagi mewujudkan sebuah sekolah Kelebang. Permohonan peruntukan bagi pengambilan tanah di kawasan Kelebang telah dibuat ke Kementerian Pendidikan dan akan dibentang Malaysia Ke-13 (RMK-13) Rolling Plan Pertama (RP1). Walaubagaimanapun kelulusan bagi permohonan ini adalah tertakluk kepada kerajaan pusat

JPN Perak juga menyedari kepadatan penduduk di kawasan Kelebang yang semakin bertambah dari semasa ke semasa, yang memberi kes kepada kemudahan bangunan sekolah di kawasan berkenaan?

JPN Perak juga menyedari kepadatan penduduk di kawasan Kelebang yang semakin bertambah dari semasa ke semasa, yang memberi kes kepada kemudahan bangunan sekolah di kawasan berkenaan.

Bagi mengatasi isu ini, projek pembinaan bangunan tambahan 18 bilik darjah, 6 Bilik Darjah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan dalam peringkat prabina di bawah pelaksana JKR.

JPN Perak juga telah diluluskan peruntukan sebuah sekolah menengah yang terletak tidak jauh dari kawasan Kelebang iaitu Sekolah Menenga bilik darjah dan 5 bilik darjah PPKI yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) Rolling Plan Kelima (RP5) dan dijangka dap murid di sekolah-sekolah kawasan Kelebang

3. TAMAN PERMAINAN.

(a)Adakah kerajaan bercadang untuk membaik pulih taman permainan yang tidak diselenggara terutamanya di kawasan perumahan Klebang Restu

(b)Adakah kerajaan bercadang untuk membaik pulih taman permainan yang tidak diselenggara terutamanya di kawasan perumahan Chepor Damai

Jawapan Soalan 3

**JAWAPAN A**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Melalui perancangan kerja dan pelaksanaan setiap tahun sedia ada, memang terdapat kerja–kerja menaik taraf dan membaik pulih taman-taman pe raya Ipoh. Kebiasaannya ia dilaksanakan berpandukan kepada keperluan melalui pemantauan, permohonan daripada orang awam, JKK serta dari a

Majlis Bandaraya Ipoh akan menaik taraf dan membaik pulih alatan mainan mengikut kesesuaian di beberapa kawasan Klebang dan Chemor ter Damai pada tahun 2026 secara berperingkat.

**JAWAPAN B**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Bandaraya Ipoh menyelenggara kawasan permainan secara berkala mengikut jadual selenggaraan alat mainan / senaman dengan pusingan y

Soalan Dari : YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (BUNTONG )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Perak telah pun menerima peruntukan untuk membina padang-padang rekreasi di bawah inisiatif Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempata membina Baharu kawasan lapang sedia ada untuk dijadikan kawasan rekreasi Padang MADANI. Peruntukan ini disalurkan melalui pihak berkuasa te

   i. Sila nyatakan jumlah peruntukan yang sudah pun disalurkan daripada kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Ter tempatan bagi tujuan pembinaan padang MADANI.

   ii. Sila nyatakan jumlah padang madani yang telahpun dibina setakat tahun 2024 dan sila nyatakan jumlah padang madani yang akan dibina pada ta pembinaan mengikut daerah.

   Jawapan Soalan 1

   **JAWAPAN 1**

   Untuk makluman Yang Berhormat, Sehingga tahun 2024 Jumlah peruntukan Padang Madani yang telah diagihkan adalah seperti berikut:

| PBT | BIL / NILAI PROJEK TAHUN 2024 (RM) | BIL / NILAI PROJEK TAHUN 2025 (RM) |
|---|---|---|
| 1. MB IPOH | 12 – 5.4 JUTA | |
| 2. MP KUALA KANGSAR | 2 – 0.8 JUTA | 1 – 0.5 JUTA |
| 3. MP MANJUNG | 3 – 1.2 JUTA | 3- 1.2 JUTA |
| 4. MP TAIPING | 3 – 1.2 JUTA | 3 – 1.5 JUTA |
| 5. MP TELUK INTAN | 5 – 1.2 JUTA | 4 – 1.8 JUTA |
| 6. MD BATU GAJAH | 1 – 0.5 JUTA | 1 – 0.5 JUTA |
| 7. MD KAMPAR | 1 – 0.8 JUTA | - |
| 8. MD KERIAN | - | 2 – 1.0 JUTA |
| 9. MD TANJUNG MALIM | 1 - 0.5 JUTA | - |
| 10. MD PERAK TENGAH | 1 - 0.5 JUTA | 2 - 1.0 JUTA |
| 11. MD TAPAH | 1 - 0.5 JUTA | 1 – 0.4 JUTA |
| 12. MD GERIK | 1 - 0.5 JUTA | - |
| 13. MD LENGGONG | 1 - 0.5 JUTA | 1 – 0.5 JUTA |
| 14. MD PENGKALAN HULU | - | 2 – 0.8 JUTA |
| 15. MD SELAMA | - | 1 – 0.35 JUTA |
| **JUMLAH** | **32 - 13.60 JUTA** | **21 – 9.55 JUTA** |

**JAWAPAN 2**

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai projek Padang Madani bagi tahun 2025 mengikut PBT adalah seperti berikut:-

| BIL | PBT | NAMA PROJEK TAMAN REKREASI MADANI | KOS (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | MBI | | |
| 2 | MPT | i. Taman Madani Taman Sungai Mas<br>ii. Taman Madani Kampung Expo<br>iii. Taman Madani Kampung Boyan | 500,000.00<br>500,000.00<br>500,000.00 |
| 3 | MPM | i. Taman Rekreasi Madani Astaka, Sitiawan<br>ii. Taman Rekreasi Madani Pantai Remis<br>iii. Taman Rekreasi Madani Beruas | 400,000.00<br>400,000.00<br>400,000.00 |
| 4 | MPTI | i. Cadangan Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Di Taman Eastern Garden, Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan<br>ii. Cadangan Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Di Padang Selekoh, Bagan Datuk, Perak Darul Ridzuan<br>iii. Cadangan Naik Taraf Landskap Di Taman Jaya, Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan<br>iv. Cadangan Naik Taraf Landskap Di Pekan Baru, Teluk Intan Perak Darul Ridzuan | 350,000.00<br>500,000.00<br>500,000.00<br>500,000.00 |
| 5 | MPKK | i. Cadangan naik taraf landskap Taman RPA Liman Kati, Kuala Kangsar | 500,000.00 |
| 6 | MDBG | i. Cadangan Naik Taraf Landskap Taman Tanjak, Batu Gajah, | 500,000.00 |
| 7 | MDK | i. Cadangan Naik Taraf Landskap Dataran Dan Promenade Taman Pinggiran Sungai Kerian, Parit Buntar<br>ii. Cadangan Naik Taraf Landskap Taman Jalan Siakap Dan Jalan Maharaja, Bagan Serai | 1,000,000.00 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8 | MDKpr | Tiada peruntukan 2025 | |
| 9 | MDTM | i. Cadangan Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Di Persisiran Sungai Bernam Tanjong Malim | 500,000.00 |
| 10 | MDPT | i. Cadangan Naik Taraf Landskap Taman Bota Jaya, Bota, Daerah Perak Tengah<br>ii. Cadangan Naik Taraf Landskap Taman Tasik Iskandar, Bandar Seri Iskandar | 1,000,000.00 |
| 11 | MDT | i. Cadangan Naik Taraf Landskap Taman Malaysia, Tapah, Perak | 500,000.00 |
| 12 | MDG | i. Taman Tanduk Rusa | 500,000.00 |
| 13 | MDL | i. Projek Pembangunan Landskap Taman Rekreasi MADANI Negeri Perak 2025-Cadangan Pembangunan Landskap Di Gua Tok Giring, Geotrail Laluan Berkeley, Geotapak Kompleks Kepala Gajah, Lenggong Perak | 500,000.00 |
| 14 | MDPH | i. Cadangan Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Disekitar Kompleks Sukan Padang Bandaran, Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan<br>ii. Cadangan Naik Taraf Landskap Taman Sri Kroh, Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan berjumlah | 300,000.00<br>500,000.00 |
| 15 | MDS | i. Padang Awam Selama | 350,000.00 |

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Salah satu pencapaian signifikan negeri Perak adalah peningkatan ketara dalam jumlah pelancong yang mengunjungi Perak, khususnya bandaraya membawa kepada pertumbuhan industri pelancongan negeri. Dengan lonjakan ini, pengurusan lalu lintas, penyediaan perkhidmatan bas serta, peny awam harus dipergiatkan.

   Adakah kerajaan negeri Perak mempunyai perancangan untuk meningkatkan dan menaiktaraf pengurusan dan penyediaan fasiliti-fasiliti awam sepe meningkatkan kualiti pengalaman para pelancong.

   Jawapan Soalan 1

   **JAWAPAN**

   Untuk makluman Yang Berhormat,

   Dari sudut pelancongan, Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan yang jelas dan strategik untuk meningkatkan dan menaiktaraf pe ini bertujuan untuk memastikan pengalaman pelancong ke Perak menjadi lebih selesa, selamat, dan memuaskan.

Projek-projek yang telah dan sedang dilaksanakan, seperti menaiktaraf kemudahan di kawasan tumpuan pelancong dan membaik pulih infras daripada usaha berterusan kerajaan negeri untuk menyediakan kemudahan moden dan mesra pelancong.

Selain itu, peningkatan aksesibiliti dan kemudahan awam di kawasan seperti Laman Tanjung Belanja, Laman Anjung Pelita, Lata Tebing Tinggi, se yang lebih baik dan memudahkan pelancong untuk menikmati keindahan serta keunikan Perak.

Semua ini selaras dengan visi kerajaan negeri untuk menjadikan Perak sebagai destinasi pelancongan yang berdaya saing, sambil memperkasa masyarakat tempatan.

2. Peratusan pesakit kencing manis semakin meningkat dan sebagai salah satu penyakit kronik yang mudah melumpuhkan kebolehan pesakit untuk be negeri boleh memainkan peranan yang lebih aktif untuk membantu masyarakat golongan pesakit kencing manis. Salah satu kesulitan utama yang di mendapatkan rawatan dialysis yang bukan sahaja mahal malah melibatkan kos-kos tambahan seperti kos pengangkutan dan sebagainya. Adakah ke perancangan untuk menawarkan bantuan kewangan kepada masyarakat B40 yang memerlukan rawatan dialisis bagi meringankan beban mereka?

Jawapan Soalan 2

Yang Berhormat Buntong,

Kerajaan negeri melalui MAIPk, bantuan rawatan hemodialisis adalah inisiatif yang disediakan untuk membantu golongan as peruntukan RM17.5 juta pada tahun 2025. Skim ini bertujuan meringankan beban kewangan asnaf yang menghidap penyakit b berkala. Skim ini adalah sebahagian daripada usaha menyokong gagasan kerajaan negeri untuk memperkasa kesejahteraan dalam aspek kesihatan.

Sehingga kini, MAIPk telah menyalurkan bantuan dialisis kepada 440 penerima di seluruh negeri Perak. Daripada angka menerima bantuan bulanan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga menyediakan perkhidmatan rawatan harian hemodialisis di beberapa fasiliti K kegagalan buah pinggang tahap akhir (*end-stage renal failure*). Fi rawatan yang dikenakan adalah RM13 untuk setiap sesi raw penjawat awam, pesara kerajaan, pemegang kad Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pemegang kad Orang Kurang Upaya rawatan manakala bagi warga emas dengan status warganegara pula diberikan pengurangan sebanyak lima puluh peratus. Pih kepada pesakit selain dari pengecualian dan pengurangan fi rawatan kepada golongan yang telah dinyatakan.

Bagi meringankan beban keluarga dalam penjagaan pesakit kronik, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantu Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar / Kronik Tidak Terlantar berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti wargane melebihi RM5,000 sebulan.

3. Ketidakcukupan perumahan awam adalah sangat serius. Peratusan pemilikan rumah dalam kalangan masyarakat juga adalah tidak tinggi. Oleh yang kerajaan negeri dalam jangka masa lima tahun akan datang untuk meningkatkan peluang masyarakt di negeri Perak untuk memiliki rumah sendiri. S perumahan awam atau PPR yang telah ditetapkan untuk dibina dalam jangka masa lima tahun akan datang.

i. Apakah jumlah yang telah dirancang untuk dibina di Lembah Kinta?

Jawapan Soalan 3

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) sebagai peneraju agenda Perumahan Perak Sejahtera 2030 telah me sehingga tahun 2030. Sasaran ini merangkumi pembinaan unit rumah mampu milik dan juga rumah harga terbuka. Manakala, bagi Daerah K Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Batu Gajah, disasarkan sebanyak 22,559 unit rumah perlu disediakan bagi memenuhi keperluan isi rumah di Dae

Selain itu, dibawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak, disasarkan bagi Daerah Kinta, sebanyak 372 unit Rumah Perakku akan siap di Perakku I dan 159 unit Rumah Perakku III. Manakala, dijangka 44 unit Rumah Perakku I lagi akan siap dibina pada tahun 2028.

Terdapat 16 lokasi penempatan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Perak yang melibatkan sebanyak 2857 unit rumah. Pemb (PRR) yang menggantikan Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah bergantung kepada kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Persekutu Tempatan.

Pada tahun 2024, sebanyak 2 projek kediaman di bawah PRR telah diluluskan yang melibatkan 180 unit rumah di Kg Chain, Lenggong dan 500 uni dijangka bermula hujung tahun 2025.

4. Apakah langkah-langkah penjagaan dan mitigasi yang telah diambil oleh agensi-agensi kerajaan bagi mengelakan banjir atau mengurangkan risiko b terutama di Falim, di Kampung Baru Buntong dan juga di Taman Lim. Sila nyatakan perancangan terdekat Jabatan Kerja Raya Negeri Perak bagi me kawasan Falim terutama di hadapan AEON Big Falim dan di Taman Falim Indah. Adalah peruntukan yang dipohon iaitu sebanyak RM500,000 cukup banjir yang berlaku setiap kali hujan lebat.

Jawapan Soalan 4

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Perak melalui JPS Daerah Kinta / Batang Padang telah memasang pam sementara bagi membantu m Coldstream, Kg Baru Buntong. Untuk rekod, pam sementera tersebut juga telah lama dipasang dan ianya bergantung kepada agensi yang mengu kekal.

Bagi Taman Lim atau Lim Garden, JPS telah menyiapkan pam secara kekal (baru) bagi mengeluarkan aliran sistem perparitan dalaman untuk memb

Kejadian banjir kilat di Aeon Big Falim adalah disebabkan aliran sungai "bottleneck" di jambatan JKR. JPS mencadangkan agar jambatan tersebu lancar.

Soalan Dari : YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (SUNGAI MANIK )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Berapakah kos yang perlu dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk membayar gaji Pegawai Khas YAB MB di kawasan DUN Pembangkang?
   A. Apakah kriteria kelayakan untuk dilantik sebagai Pegawai Khas YAB MB - SPM, Diploma, Ijazah atau PHD?
   B. Berapa jumlah Pegawai Khas YAB MB yang telah dilantik?

Jawapan Soalan 1

Dato' Yang Dipertua,

Soalan lisan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Batu Kurau dan Yang Berhormat Sungai Manik adalah berkisar tema yang sama iaitu menge perkhidmatan Pegawai Khas kepada Yang Amat Berhormat (YAB) Menteri Besar (MB) di kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pe menjawab secara bersekali.

Untuk makluman Yang Berhormat, syarat kelayakan umum bagi pelantikan ke jawatan Pegawai Khas YAB MB di Kawasan ADUN Pembangkang Contract for Service (CFS) iaitu sebuah mekanisme perolehan perkhidmatan daripada individu atau entiti luar yang memiliki kepakaran khusus untu ditetapkan.

Pegawai lantikan di bawah skim ini tidak dianggap sebagai pegawai perkhidmatan awam dan tidak tertakluk kepada peraturan tatakelakuan serta ke Dalam hal ini, CFS tidak mengguna pakai sebarang skim perkhidmatan, gred jawatan dan kadar gaji sebagaimana yang ditetapkan dalam Perkhidma tertakluk kepada budi bicara YAB MB .

Jumlah keseluruhan Pegawai Khas yang dilantik adalah seramai 26 orang berkuat kuasa mulai Januari 2025 dengan penempatan di semua perkhidmatan untuk Pegawai Khas kepada YAB MB di setiap kawasan DUN Pembangkang adalah sebanyak RM10,000.00 sebulan. Manakala, k orang pegawai khas ini adalah sebanyak RM260,000.00 sebulan iaitu bersamaan dengan RM3,120,000.00 setahun.

**INPUT TAMBAHAN:**

Penelitian ke atas sumber-sumber rasmi mendapati bahawa penentuan bayaran perkhidmatan bagi pegawai lantikan CFS dalam perkhidmatan aw garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sebaliknya, penetapan kriteria dan kadar bayaran bagi lantikan terse Malaysia melalui surat edaran atau arahan khusus.

Secara dasarnya penilaian bagi tujuan lantikan individu secara CFS perlu mengambil kira elemen-elemen seperti kelayakan akademik dan profe potensi, tempoh perkhidmatan dan justifikasi keperluan. Manakala, penentuan kadar bayaran perkhidmatan kepada pegawai CFS perlu dibuat seca serta nilai kerja yang ditawarkan. Prinsip umum penetapan bayaran adalah berdasarkan skop kerja, tempoh perkhidmatan dan tahap kepaka dengan kadar pasaran atau rujukan kepada struktur bayaran perkhidmatan profesional. Selain itu, berpandukan garis panduan penetapan harga Malaysia, pasaran semasa berdasarkan kadar semakan oleh agensi seperti JPA, MOF, atau Lembaga Profesional dan skala bayaran agensi kerajaa Pelantikan pegawai secara CFS merupakan pendekatan strategik dalam mendapatkan kepakaran luar bagi menyokong pelaksanaan program dan p penetapan kadar bayaran harus dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti, mematuhi dasar kewangan, dan berdasarkan nilai profesionalisme kerja.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Berapakah kos yang perlu dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk membayar gaji Pegawai Khas YAB MB di kawasan DUN Pembangkang?
   A. Apakah kriteria kelayakan untuk dilantik sebagai Pegawai Khas YAB MB - SPM, Diploma, Ijazah atau PHD?
   B. Berapa jumlah Pegawai Khas YAB MB yang telah dilantik?

   Jawapan Soalan 1

   Dato' Yang Dipertua,

   Soalan bertuilis yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pengkalan Hulu, Yang Berhormat Sg Manik, Yang Berhormat Trong dan Yang Berhormat perbelanjaan dan kriteria pelantikan Pegawai Khas kepada Yang Amat Berhormat (YAB) Menteri Besar di kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (Al

   Untuk makluman Yang Berhormat, syarat kelayakan umum bagi pelantikan ke jawatan Pegawai Khas YAB Menteri Besar di Kawasan ADUN Pemb secara Contract for Service (CFS). Dalam hal ini, CFS tidak mengguna pakai sebarang skim perkhidmatan, gred jawatan dan bayaran perkhidmata Awam. Kriteria pelantikan tambahan lain adalah tertakluk kepada budi bicara YAB MB.

   Jumlah keseluruhan Pegawai Khas yang dilantik adalah seramai 26 orang berkuat kuasa mulai Januari 2025 dengan penempatan di semua kawas Pegawai Khas kepada YAB MB di setiap DUN Pembangkang adalah sebanyak RM10,000.00 sebulan. Manakala, keseluruhan peruntukan gaji ba RM260,000.00 sebulan iaitu bersamaan dengan RM3,120,000.00 setahun.

Soalan Dari : YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (PENGKALAN HULU )

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Apakah program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Perak untuk memperkukuhkan peranan belia dalam pembangunan ekonomi tempata pertanian, penternakan dan perladangan di Negeri Perak khususnya di Dun Pengkalan Hulu?

   Jawapan Soalan 1

   Untuk makluman YB

   Program Briged Muda Petani Moden merupakan antara program yang diwujudkan khas untuk golongan belia berumur 40 tahun ke bawah memfok khusus untuk petani-petani muda yang aktif menjalankan aktiviti pertanian di Negeri Perak. Peruntukan pembangunan disediakan sebagai galakar atau menambahkan kawasan penanaman. Data merekodkan, peningkatan ketara penglibatan belia yang baru menceburkan diri dalam subsektor ta 2024 berbanding 99 orang pada tahun 2021.

   Pelbagai program pembangunan disediakan berupa insentif seperti pembangunan infrastruktur, input pertanian dan bahan tanaman pada setiap t teknologi moden dalam pertanian seperti sistem IoT (Internet of Things) turut diperkenalkan dan dipergiatkan bagi memudahkan lagi pengurusan p dalam industri hiliran pula, bantuan diberikan berupa mesin dan naik taraf premis perniagaan bagi pengusaha yang menjalankan aktiviti hiliran yang

   Bagi DUN Pengkalan Hulu, sepanjang tahun 2024 dan 2025, sejumlah RM 210,558 telah diperuntukkan kepada belia bawah 40 tahun melibatkan tanaman iaitu bawang, cili fertigasi, timun fertigasi, terung fertigasi, tanaman kopi, pisang dengan luas keseluruhan kira-kira 11.56 hektar. Bagi I diperuntukkan kepada belia bagi produk IAT makanan, IAT bukan makanan dan industri agropelancongan dusun durian yang memberi manfaat kepa

   Program ini juga dilihat salah satu langkah yang baik kearah keterjaminan bekalan makanan Malaysia sekiranya berlaku isu sekatan import bagi ta agensi-agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), pelbagai bantuan, latihan, geran dapat dinikmati oleh golongan

2. Apakah komitmen kerajaan negeri Perak melalui agensi berkaitan bagi memastikan golongan usahawan terutamanya anak muda memperoleh latiha membolehkan produk - produk yang diusahakan oleh mereka dapat dipasarkan serta dikomersialkan?

   Jawapan Soalan 2

   YB Pengkalan Hulu,

   Kerajaan Negeri melalui Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) membuka ruang dan peluang kepada usahawan-usaha latihan yang telah dilaksanakan dan dirangka oleh STeP.

Antara program-program yang telah dilaksanakan dan dirangka oleh STeP yang boleh diakses kepada semua usahawan Perak dan menyokong pembangunan dan perluasan PMKS ini adalah :

**1. Program Siri Jelajah Hari Usahawan dan Koperasi Negeri Perak.** Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2023 se turun padang ke daerah-daerah negeri Perak dengan mengumpulkan jabatan / agensi berkaitan keusahawanan di bawah s kepada usahawan di daerah-daerah negeri Perak kepada jabatan / agensi yang memberikan bantuan, geran dan pinjaman k program ini adalah lawatan premis usahawan (lawatan pemantuan) di daerah-daerah, sesi taklimat oleh agensi, jualan produ koperasi. Program ini telah mencatatkan penyertaan sebanyak sekurang-kurangnya 36 jabatan/agensi keusahawanan di neg 200 usahawan menyertai siri jelajah ini (menerima bantuan/geran, lawatan pemantuan dan jualan produk usahawan).

**2. Program Peluasan Pasaran Produk, Perkhidmatan dan Eksport PKMS Perak.** Program ini merupakan program yang m dan perkhidmatan yang ditawarkan usahawan Perak. Program ini bukan sahaja program pasaran keluar negera tetapi juga per program ini adalah seperti program padanan perniagaan dengan pasaraya seperti AEON, Hero Mart, program jaringan pernia ini membantu usahawan memperluaskan pasaran produk dan perkhidmatan dalam negeri dan luar negara. Melalui pro memasarkan dan meluaskan pasaran mereka ke pasar raya dan keluar Perak. Pada tahun 2025, STeP dengan kerjasama MA 2025, program ini bertujuan membantu serta memberikan usahawan-usahawan ini pendedahan bagi mengkomersialkan seterusnya keluar negara.

**3. Program GLeMMER 2.0 Revolusi Digital Usahawan Perak 2025.** Program dirangka dan akan dilaksanakan pada tahun 20 platform-platform pemasaran seperti Shopee, TikTok dan Alibaba. Program ini memfokuskan latihan bimbingan *advance* mema pemasaran atas talian. Sasaran bagi program ini adalah usahawan B40, usahawan wanita, usahawan informal dan usahawan membantu usahawan memperluaskan pasaran mereka dan meningkatkan pendapatan jualan usahawan. Melalui program (LHDN) penggunaan kaedah e-Invois dalam perniagaan usahawan. Beberapa siri latihan telah dirangka bagi menggalak usahawan.

**4. Geran Usahawan Perak (GeRAK).** Geran ini telah dilaksanakan sejak tahun 2023 sehingga 2025. Geran ini merup RM2,000.00 kepada usahawan berbentuk peralatan, pemasaran, penjenamaan dan pembungkusan bertujuan meningk pendapatan usahawan ini termasuklah golongan muda. Geran ini dibuka kepada semua kaum dan PMKS di negeri Perak. S seramai 771 penerima bagi tahun 2023 dan 713 penerima bagi tahun 2024. Bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri memperuntu Geran GeRAK. Permohonan dibuka pada 7 April 2025 sehingga 31 Mei 2025 dan boleh memohon secara atas talian di la terbuka kepada semua usahawan di negeri Perak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

3. Berapakah jumlah gaji dan peruntukkan yang telah diperuntukkan kepada setiap Pegawai Khas kepada YAB Menteri Besar bagi setiap Dun Pemban berapakah jumlah implikasi kewangan terhadap belanjawan kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2025?

<u>Jawapan Soalan 3</u>

Dato' Yang Dipertua,

Soalan bertuilis yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pengkalan Hulu, Yang Berhormat Sg Manik, Yang Berhormat Trong dan Yang Berhormat perbelanjaan dan kriteria pelantikan Pegawai Khas kepada Yang Amat Berhormat (YAB) Menteri Besar di kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (A

Untuk makluman Yang Berhormat, syarat kelayakan umum bagi pelantikan ke jawatan Pegawai Khas YAB Menteri Besar di Kawasan ADUN Pemb secara Contract for Service (CFS). Dalam hal ini, CFS tidak mengguna pakai sebarang skim perkhidmatan, gred jawatan dan bayaran perkhidmat Awam. Kriteria pelantikan tambahan lain adalah tertakluk kepada budi bicara YAB MB.

Jumlah keseluruhan Pegawai Khas yang dilantik adalah seramai 26 orang berkuat kuasa mulai Januari 2025 dengan penempatan di semua kawas Pegawai Khas kepada YAB MB di setiap DUN Pembangkang adalah sebanyak RM10,000.00 sebulan. Manakala, keseluruhan peruntukan gaji ba RM260,000.00 sebulan iaitu bersamaan dengan RM3,120,000.00 setahun.

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Berdasarkan data pasaran buruh DOSM,

kebolehpasaran graduan TVET di Malaysia
terus menjadi cabaran utama,
terutamanya dalam memastikan mereka
memperoleh pekerjaan berkualiti dan
setimpal dengan kemahiran yang dimiliki.
a)Apakah strategi kerajaan negeri dalam
memperkasakan pendidikan vokasional di Negeri
Perak bagi meningkatkan kebolehpasaran
graduan dan menarik lebih ramai belia
untuk menyertai sektor ini?
b) Apakah langkah yang
diambil oleh kerajaan negeri
untuk memastikan kursus
TVET di Negeri Perak selari dengan
keperluan industri dan
teknologi terkini?

Jawapan Soalan 1

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat Pengkalan Hulu,

a) Demi meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET, Kerajaan Negeri melalui PASAK telah menjalankan kerjasama stra industri tempatan untuk menyediakan latihan kemahiran yang menepati keperluan semasa dan mengikut acuan indu merangkumi enam kluster utama, iaitu;

i. Program TVET Modular Industri
ii. Program TVET Mahir Kerja
iii. Program TVET OKU
iv. Program TVET Orang Asli
Dari sudut sosio-ekonomi, projek ini bakal membawa potensi besar kepada Negeri Perak. Berdasarkan data Tourism Malaysia Perak, sekitar lapan pada tahun 2024. Dengan kemudahan moden dan integrasi melalui Ipoh Sentral, jumlah pelancong dijangka meningkat selepas siapnya projek ini, s pelancongan, perhotelan, makanan dan minuman serta peruncitan.

**5) Impak terhadap Kos Sara Hidup dan Kebolehpasaran**

Peningkatan akses kepada pengangkutan awam yang efisien melalui projek seperti Ipoh Sentral berpotensi mengurangkan kebergantungan kepac perbelanjaan isi rumah berkaitan kos perjalanan. Selain itu, pembangunan ini dijangka mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam sektor pemb kebolehpasaran tenaga kerja tempatan. Kewujudan peluang pekerjaan baharu ini dijangka berupaya mengurangkan kadar pengangguran di Pe laporan Jabatan Perangkaan Malaysia berada sekitar 3.9% pada tahun 2023.

Dengan adanya peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan isi rumah, projek ini juga dijangka mengurangkan isu-isu sosial seperti kemis kalangan komuniti terpinggir. Pembangunan persekitaran yang lebih kondusif dan berdaya saing akan menggalakkan penyertaan komuniti dalam akt

5. LAP
(a) Mohon butiran mengenai caj perkhidmatan atau senarai harga untuk pemindahan dan penyambungan semula bekalan air LAP.
(b) Mohon senarai tukang paip yang berdaftar dengan LAP. Adakah senarai ini dibuka untuk rujukan orang awam?

<u>Jawapan Soalan 5</u>

Untuk makluman Yang Berhormat, caj-caj bagi maksud di atas adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dikeluarkan ole melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 di bawah seperti berikut:-

(a) Merujuk kepada P.U.(A) 37 2014 Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi &Caj Perkhidmatan Air) 2014

- Jadual Pertama - Bahagian I (peraturan 3)
  Deposit Bagi Akaun Bekalan Air

- Jadul Kedua - Bahagian II (peraturan 12)
  Caj Pemotongan/Penyambungan Semul;a
  Bekalan Air

(b)Senarai Tukang Paip yang berdaftar dengan LAP boleh dirujuk di kaunter perkhidmatan LAP dan boleh di akses melalui Aplikasi My
Laman Sesawang Suruhanjaya Perkhidamatan Air Negara (SPAN) juga ada menyediakan senarai Tukang Paip berdaftar ini mengik

Soalan Dari : YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG
Ahli Dewan Undangan Negeri : (ASTAKA )

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Pelaburan Negeri Perak
   1. Berapakah jumlah nilai pelaburan yang telah diluluskan di Negeri Perak pada tahun 2024?
   2. Apakah insentif-insentif (seperti pelepasan cukai atau sebagainya) yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi menarik pelaburan asing ke negeri P
   3. Berapakah jumlah peluang pekerjaan yang telah dicipta hasil daripada pelaburan baru ke Negeri Perak pada tahun 2024?

<u>Jawapan Soalan 1</u>

- Bagi tempoh Januari hingga Disember 2024, Perak mencatatkan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM8.74 bilion, melibatkan 335 pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, RM8.4 bilion merupakan pelaburan domestik manakala RM317.8 juta adalah daripada pelaburan langsung asir

| Negeri dan Sektor Utama | 2024 | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Bil Projek | Jumlah Pekerjaan | Pelaburan Domestik (RM) | Pelaburan Asing (RM) | Jumlah Pelaburan (RM) |
| **Perak** | **335** | **4,279** | **8,426,517,043** | **317,877,252** | **8,744,394,296** |
| Primary | 3 | 117 | 32,736,700 | 0 | 32,736,700 |
| Manufacturing | 60 | 3,540 | 3,454,231,497 | 266,007,612 | 3,720,239,109 |
| Services | 272 | 622 | 4,939,548,847 | 51,869,640 | 4,991,418,487 |

Di peringkat Kerajaan Negeri Perak, InvestPerak menawarkan insentif dalam bentuk *'non-fiscal'* seperti pemudahcaraan pelaksanaan projek pela pelabur dapat dilaksanakan dengan lancar. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga menawarkan diskaun cukai tanah bagi tempoh tertent ditetapkan.

Walau bagaimanapun, insentif-insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan <u>**Persekutuan**</u> melalui **MIDA** adalah seperti berikut:

- Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menawarkan pelbagai bentuk insentif yang kompreher yang disasarkan ke negeri Perak. Insentif ini boleh dikategorikan kepada dua jenis utama: **insentif fiskal** dan **insentif bukan fiskal**, strategik negara.

- Dari segi **insentif fiskal**, kerajaan menyediakan galakan Taraf Perintis di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang memberikan p **100%** ke atas p**endapatan berkanun syarikat selama tempoh lima (5) hingga sepuluh (10) tahun**; atau **galakan Elaun Cuk** perbelanjaan modal yang layak, untuk tempoh **lima (5) hingga sepuluh (10) tahun**. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sebanyak **7** setiap tahun taksiran. Insentif ini khusus ditawarkan kepada syarikat yang melaksanakan aktiviti pengeluaran produk atau perkhidmatan nilai tambah yang tinggi

  Bagi memastikan **syarikat-syarikat sedia ada** terus mengembangkan operasinya di Malaysia, Kerajaan Persekutuan telah memperk **Incentive) di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 melalui Belanjawan 2024**. Syarikat boleh dipertimbangkan **Ela** **100% daripada jumlah perbelanjaan modal yang layak yang dibuat oleh syarikat dalam tempoh 5 tahun**. Syarikat boleh membua daripada pendapatan berkanunnya untuk setiap tahun taksiran.

  Selain itu, menyedari kepentingan dalam menggalakkan syarikat mengadaptasi proses automasi, kerajaan juga menyediakan insentif **Ela** **– *Automation CA*)** bagi memacu penggunaan automasi di kalangan syarikat-syarikat perkilangan, terutamanya dalam industri-industri mengurangkan jumlah pendapatan yang dicukai berdasarkan kepada perbelanjaan modal yang boleh ditolak (offset) dengan pendapatan

  Bagi menggalakkan pertumbuhan Ekonomi Hijau, iaitu selaras dengan Misi Ketiga di bawah NIMP 2030; ke arah Net Zero (push for net akan dapat mengurangkan pengeluaran karbon serta memacu ekonomi yang lebih mampan dan lestari. Inisiatif hijau yang dimaksudkan Cukai Pelaburan Hijau (GITA) dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE) yang telah dilanjutkan tempoh galakan sehingga 31 Dise

- Dalam kategori **insentif bukan fiskal**, kerajaan melalui MIDA turut memberikan kemudahan pengecualian **duti import dan/atau cuka** pengimpotan mesin, peralatan, serta bahan mentah dan komponen yang tidak terdapat atau dikeluarkan di dalam negara.

- Kesemua insentif ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan Persekutuan dalam menjadikan Malaysia, termasuk negeri Perak, sebagai ( memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berpaksikan nilai tambah tinggi.

Berdasarkan data pelaburan yang diluluskan bagi Negeri Perak sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2024, sejumlah **4,279 peluang peker** projek pelaburan yang telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, **sektor pembuatan merupakan penyumbang utama**, iaitu sebanyak **3,540 pelua** keseluruhan pekerjaan yang bakal diwujudkan. Ini sekali gus menunjukkan bahawa sektor perkilangan terus memainkan peranan penting dalam

khususnya melalui pelaburan dalam industri berteknologi tinggi, automotif, elektronik dan produk getah. Selebihnya, peluang pekerjaan turut diwujud yang berkembang selari dengan aktiviti pelaburan baharu di Perak. Perkembangan ini memberi impak langsung kepada ekonomi negeri m kebolehpasaran tenaga kerja tempatan.

2. Akta Eksaiss 1976 memberi kuasa kepada Pegawai Perlesenan Daerah untuk meluluskan Lesen Rumah Awam/Lesen Rumah Bir. Adakah Pihak Be mengenakan satu lagi Lesen Rumah Awam ke atas premis yang sama?

<u>Jawapan Soalan 2</u>

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Akta Eksais 1976 memberi kuasa kepada Pegawai Pelesenan Daerah untuk menjalankan pelbagai tugas berkaitan dengan pengawalan dan p Pelesenan Daerah berperanan dalam memantau dan memastikan bahawa semua peraturan yang ditetapkan dalam akta ini dipatuhi oleh individu seperti minuman beralkohol, rokok, dan produk lain yang tertakluk kepada cukai eksais.

Manakala Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula mempunyai kuasa untuk mengenakan lesen di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Tred yang perniagaan termasuklah kuasa dalam menetapkan syarat-syarat, prosedur permohonan serta bayaran lesen yang perlu dipatuhi oleh pemilik pernia perniagaan mengikut jenis perniagaan yang dijalankan, Lesen perniagaan ini penting bagi memastikan operasi perniagaan di kawasan terseb masyarakat setempat.

Majlis Perbandaran Manjung melaksanakan Lesen PREMIS Rumah Awam dibawah UUK Establish Makanan 2018 MPM - Jadual Kedua Perkara 11 & stout adalah dibawah UUK Tred Industri dan Perniagaan 2017 MPM.

3. LuMIC
Apakah status dan perkembangan terkini bagi projek Bandar Industri Lumut (LumIC)? Jangka bila projek tersebut akan dilaksanakan dan dimulakan

<u>Jawapan Soalan 3</u>

Dato' Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab secara bersekali bagi soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Keranji dan Yang Berhormat Astaka b kebolehlaksanaan LuMIC *(feasibility study)* yang merangkumi *roadmap*, sektor tenaga hijau (*green energy*), nautika dan teknikal, *environmental imp* selesai dijalankan baru-baru ini. LuMIC *Development Master Plan* akan dibentangkan kepada pihak berkepentingan dan untuk pengetahuan umu pertama yang merangkumi sektor perhubungan pengangkutan, tadbir urus, perdagangan dan aliran kargo serta pelaburan langsung asing (FDI) tela LuMIC dijangka bakal menarik pelaburan swasta bernilai kira-kira RM72 bilion di samping menjana lebih daripada 50,000 peluang pekerjaan dan s 2030 melalui koridor TVET Malaysia iaitu dengan membawa masuk modal insan ke negeri Perak. LuMIC Development Sdn. Bhd. (LuMIC DevC Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) dan Port of Antwerp-Bruges International merupakan entiti utama dalam merancang dan membang DevCo sedang giat mengenal pasti beberapa pihak berkepentingan dan pelabur yang berpotensi di peringkat domestik dan antarabangsa untuk turu

4. Fasiliti Jalan dan Lampu Jalan JKR
1. Fasiliti jalan di Jalan Lumut, Sitiawan adalah amat rosak dan perlukan pembaikan segera. Apakah usaha JKR untuk menyelenggara fasiliti jalan te
2. Sila nyatakan usaha Jabatan Kerja Raya untuk memastikan lampu jalan di jalan raya adalah sentiasa berfungsi dengan baik.
3. Sila nyatakan secara terperinci setiap projek berkenaan lampu jalan yang telah dilaksanakan di DUN Astaka oleh Jabatan Kerja Raya pada tahun

<u>Jawapan Soalan 4</u>

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Pihak JKR telah mengenal pasti dan sentiasa peka berkenaan keperluaan penyenggaraan jalan. Bagi jalan di bawah seliaan JKR, kerja-kerja peny peruntukan tahun 2024 dan 2025 bagi daerah Manjung dan khususnya Jalan Lumut-Sitiawan adalah seperti berikut:-

| DAERAH MANJUNG | | | |
|---|---|---|---|
| **TAHUN** | **PERMOHONAN BERKALA PAVEMEN** | **KELULUSAN** | **PERMOHONAN** |
| **2024** | RM26,432,400.00 | RM26,526,000.00 | RM3, |
| **2025** | RM58,300,000.00 | RM3,000,000.00 | RM3, |

Kerja-kerja penyenggaraan akan dilaksanakan sebaik peruntukan diterima.

2. Pihak JKR menjalankan pemantauan dan rondaan secara berkala bagi memastikan lampu jalan berfungsi dengan baik.

3. Berikut adalah senarai projek berkenaan penyenggaraan lampu jalan dan isyarat di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri kawasan DUN Astaka:

**KELULUSAN PERUNTUKAN TAHUN 2024**

| Bil. | Tajuk | Skop kerja | Lokasi | Harga kontrak (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan-Jalan Negeri, Daerah Manjung. | Penggantian lampu jenis SON kepada jenis LED | Kg Simpang Lima, berhampiran rem sawit Lien Chen & simpang Pasir Panjang Laut | 67,656.20 |
| 2 | Kerja-Kerja Kecemasan Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat Akibat Kemalangan Di Jalan Kg Sitiawan A177, Daerah Manjung. | Penggantian tiang dan lampu jalan serta lampu isyarat akibat kemalangan | Simpang KFC Sitiawan | 13,348.00 |
| 3 | Kerja-kerja Penyelenggaraan Dan Pembaikan Lampu Jalan Di Simpang Pasaraya ECO Sitiawan FT18 SS10.40, Daerah Manjung. | Pembaikan lampu jalan dan penggantian tiang patah. | Simpang ECO Sitiawan dan Econsave | 50,000.00 |
| 4 | Kerja-Kerja Pemasangan Baru Bagi Lampu Jalan Jenis Solar Led Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Laluan A125 (Kg Simpang Lima) Di Daerah Manjung. | Pemasangan baru tiang dan panel lampu solar | Selekoh di Kg Simpang Lima | 50,000.00 |
| 5 | Kerja-kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Lampu Jalan Di Jalan Raja Omar, Kg Koh Sitiawan, Daerah Manjung, Perak. | Pembaikan lampu jalan. | Berhampiran stesen minyak Petronas Kg Koh | 50,000.00 |
| 6 | Kerja-kerja Pembaikan Lampu Jalan Di Jalan Raja Omar, Kg Koh Sitiawan, Daerah Manjung, Perak. | Pembaikan lampu jalan. | Berdekatan SK ST Francis, Sitiawan | 50,000.00 |

**PERMOHONAN PERUNTUKAN TAHUN 2025 :**

| Bil. | Cadangan Tajuk | Skop kerja | Lokasi | Jumlah permohonan (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kerja-kerja pembaikan dan menaiktaraf pencahayaan lampu jalan dan kerja-kerja penyelenggaraan sistem lampu isyarat | Penggantian lampu jenis SON kepada jenis LED & pembaikan lampu isyarat. | Pekan Kg Koh | 250,000.00 |
| 2 | Kerja-kerja pembaikan dan menaiktaraf pencahayaan lampu jalan dan kerja-kerja penyelenggaraan sistem lampu isyarat | Penggantian lampu jenis SON kepada jenis LED & pembaikan lampu isyarat. | Simpang Kg Cina | 300,000.00 |
| 3 | Kerja-kerja pembaikan dan menaiktaraf pencahayaan lampu jalan | Penggantian lampu jenis SON kepada jenis LED | Simpang Victoria Cottage & Setia Residence | 250,000.00 |
| 4 | Kerja-kerja pembaikan dan menaiktaraf pencahayaan lampu jalan dan kerja-kerja | Pembaikan lampu isyarat dan penggantian tiang lampu jalan yang patah akibat kemalangan. | Simpang Bandar Baru Sitiawan Perdana | 100,000.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | penyelenggaraan sistem lampu isyarat | | | |
| 5 | Kerja-kerja Pembaikan Dan Naiktaraf Pencahayaan Lampu Jalan Persekutuan FT18 Di Daerah Manjung | Naik taraf pencahayaan - penggantian lampu SON kepada LED | Simpang KFC Sitiawan sehingga Simpang Lotus Seri Manjung | 400,000.00 |
| 6 | Kerja-kerja Pembaikan Dan Naiktaraf Pencahayaan Lampu Jalan Persekutuan FT5 Di Daerah Manjung | Naik taraf pencahayaan - penggantian lampu SON kepada LED | Pekan Kg Koh dan sekitar. | 450,000.00 |
| 7 | Kerja-kerja Pembaikan & Naiktaraf Lampu Isyarat Persekutuan FT5 Di Daerah Manjung | Pembaikan lampu isyarat dan penggantian controller baru | Simpang Petronas Kg Koh dan Maybank Kg Koh | 100,000.00 |

-

**KELULUSAN PERUNTUKAN TAHUN 2025**

-

| Bil. | Tajuk kerja | Skop kerja | Lokasi | Harga kontrak (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kerja-Kerja Pemasangan Baru Bagi Lampu Jalan Jenis Solar Led Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Laluan A125, Seksyen 12.00, Jalan Simpang Lima-Kg Koh Di Daerah Manjung. | Pasang tiang dan lampu baru jenis Solar LED | Jalan KG Koh - Simpang Lima Seksyen 12.00 | 50,000.00 |
| 2 | Kerja-Kerja Pemasangan Baru Bagi Lampu Jalan Jenis Integrated Solar Led Di Laluan FT60, Seksyen 4.00, Jalan Changkat Jering - Sri Manjong - Kampung Koh Di Daerah Manjung. | Pasang tiang dan lampu baru jenis Solar LED | Berhampiran selekoh worksyop kenderaan Pooh Hui, Kg Bintang | 100,000.00 |
| 3 | Kerja-Kerja Pembaikan Dan Naiktaraf Pencahayaan Lampu Jalan Persekutuan FT5 Seksyen 618.00, Jalan Kg Kayan - Sungai Wangi Di Daerah Manjung. | Naik taraf pencahayaan - penggantian lampu SON kepada LED | Berhampiran kawasan SMK Methodist (ACS) Sitiawan | 100,000.00 |
| 4 | Kerja - Kerja Pembaikan Dan Menaiktaraf Pencahayaan Lampu Jalan Di Simpang Jalan Kg Selamat (A236) Daerah Manjung, Perak | Naik taraf pencahayaan - penggantian lampu SON kepada LED | Simpang Victoria Cottage | 200,000.00 |
| 5 | Kerja - Kerja Pembaikan Dan Menaiktaraf Pencahayaan Lampu Jalan Dan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Lampu Isyarat Di Simpang Kg Koh (A125) Daerah Manjung. | Naik taraf pencahayaan - penggantian lampu SON kepada LED dan pembaikan lampu isyarat | Simpang Maybank, Kg Koh | 200,000.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6 | Kerja - Kerja Pembaikan Dan Menaiktaraf Pencahayaan Lampu Jalan Dan Kerja - Kerja Penyelenggaraan Sistem Lampu Isyarat Di Simpang Bandar Baru Sitiawan Perdana (A125) Daerah Manjung. | Naik taraf pencahayaan - penggantian lampu SON kepada LED dan pembaikan lampu isyarat | Simpang Bandar Baru Sitiawan Perdana | 100,000.00 |
| 7 | Kerja - Kerja Pembaikan Dan Menaiktaraf Pencahayaan Lampu Jalan Di Simpang Pasir Panjang laut (A176) Daerah Manjung. | Pembaikan dan naik taraf pencahayaan | Dari BHP ke Simpang Kg Cina | 150,000.00 |

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Klinik Kesihatan Sitiawan menghadapi bilangan pesakit yang semakin ramai setiap hari dan ruang yang terhad menyebabkan ketidakselesaan di kala

   Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaiktaraf Klinik Kesihatan Sitiawan dari Jenis 3 kepada Jenis 2 untuk menampung permintaan yang se permohonan tersebut akan dilaksanakan?

   Jawapan Soalan 1

## JAWAPAN :

Untuk makluman YB Adun Astaka,

Klinik Kesihatan (Jenis 3) Sitiawan telah mula dibina pada 30 Ogos 2000 dan siap sepenuhnya pada 18 Disember 2001. Klin dan dirasmikan pada tanggal 20 Disember 2004 oleh YB Dato Dr Chua Soi Lek, Menteri Kesihatan pada masa itu.

Purata kedatangan pesakit harian adalah seramai 630 orang sehari , manakala kedatangan tahunan pada tahun 2024 ialah seramai 104 orang. Pembahagian perjawatan seperti berikut :

| BIL | SKIM PERJAWATAN | JUMLAH PENGISIAN |
|---|---|---|
| 1 | Pakar Perubatan Keluarga | 3 |
| 2 | Pegawai Perubatan | 23 |
| 3 | Pegawai farmasi | 7 |
| 4 | Pegawai Sains Pemakanan | 1 |
| 5 | Penolong Pegawai Perubatan | 8 |
| 6 | juruteknologi Makmal Perubatan | 5 |
| 7 | Penolong Pegawai Farmasi | 3 |
| 8 | Jururawat Kesihatan | 21 |
| | | |

| | | |
|---|---|---|
| 9 | Juru-XRay | 2 |
| 10 | Juru Pulih Perubatan Fisioterapi | 2 |
| 11 | Jurupulih Cara Kerja | 1 |
| 12 | Jururawat Masyarakat | 12 |
| 13 | Pembantu Khidmat Pelanggan | 1 |
| 14 | Pembantu Tadbir | 2 |
| 15 | Pembantu Perawatan Kesihatan | 6 |
| 16 | Pembantu Kesihatan Awam | 1 |
| 17 | Pemandu Kenderaan | 2 |
| 18 | Pembantu Awam | 4 |
| | **Jumlah** | **104** |

Pejabat Kesihatan Daerah Manjung sentiasa merancang bagi membina semula (Gantian) Klinik Kesihatan Sitiawan di atas ta terletak berhadapan klinik sedia ada. Perkara ini telah dibincang secara terperinci bersama Pejabat Daerah Dan Tanah Manj Pembangunan Daerah dan keputusan mesyuarat ini adalah tiada halangan untuk diteruskan sekiranya tanah tersebut adalah m

Oleh itu, PKD Manjung dalam tindakan untuk memajukan kertas cadangan kepada JKN Perak untuk membina sebuah klinik Sitiawan yang sedia ada. Dijangkakan kertas cadangan ini akan dimajukan ke JKN Perak sebelum Jun 2025.

Perbincangan juga telah dijalankan dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Perak di mana Jabatan ini bersetuju bagi mem dalam permohonan RP3, RMK 13 dijangka pada tahun 2026 mengambil kira perancangan Pelan Induk Fasiliti Jabatan te menggunakan pelan Piawaian PAP (*Pre Approved Plan*) sedia ada yang memiliki komponen perkhidmatan kesihatan yang me Kesihatan Ibu Dan Anak, Klinik Warga Sihat, Pesakit Luar, Unit Penyakit Berjangkit, Kecemasan, Klinik Pergigian Primer I Rehabilitasi, Pengimejan Diagnosis, Makmal, Farmasi, Rekod Perubatan dan Pentadbiran.

Perancangan Klinik Kesihatan Jenis 2 yang baharu ini mampu mengendalikan kehadiran pesakit sehingga 800-900 pesa kehadiran sehari klinik tersebut semasa yang kini dalam 630 pesakit sehari.

PKD Manjung juga sedang dalam dalam proses mendapatkan tapak yang sesuai bagi pembinaan Klinik Kesihatan Baharu di M Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah dikenal pasti dan permohonan tukar guna dalam tindakan pihak Pejabat Kesihatan dijangka selesai sebelum hujung 2025. Sekiranya isu pemilikan tapak baharu selesai, pihak Jabatan Kesihata Kesihatan (Jenis 3) yang baharu di Manjung. Usaha ini bertujuan bagi mengurangkan ledakan pesakit di Klinik Kesihatan (Jenis

2. Apakah inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri Perak untuk menyelesaikan masalah tekanan air rendah di Kampung Koh, Sitiawan?

<u>Jawapan Soalan 2</u>

1) Untuk makluman Yang Berhormat, bekalan air ke daerah Manjung dari Loji Rawatan Air Teluk Kepayang sedang dinaiktaraf bagi meningkatkan kawasan Kg Koh, Sitiawan.
2) Lembaga Air Perak sedang melaksanakan kerja menaiktaraf projek-projek berikut :
   i) Menaiktaraf mukasauk, paip air mentah dan proses unit di LRA Loji Rawatan Air Teluk Kepayang yang membekalkan air ke daerah Manjung

ii) Pemasangan saluran paip air utama yang baru ke daerah Manjung.

3) Apabila siapnya projek-projek tersebut masalah tekanan air rendah yang dihadapi di seluruh daerah Manjung akan dapat diselesaikan.

3. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memperbanyakkan syarikat penerbangan yang beroperasi di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh dan penerbangan ke Ipoh yang semakin berkurangan?

Jawapan Soalan 3

1) Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara atau asing untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan antarabang destinasi-destinasi di Malaysia termasuk Ipoh, Perak.

2) Walau bagaimanapun, keputusan untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan tersebut adalah keputusan komersial yang dibuat oleh komersial (commercial viability) laluan berkenaan.

3) Selanjutnya, Kementerian Pengangkutan melalui MAHB menawarkan program insentif yang dikenali sebagai Network Development Programm pendaratan, penggunaan aerobridge, peningkatan jumlah penumpang, serta sokongan pemasaran.

4) Insentif ini disediakan kepada syarikat penerbangan tempatan dan antarabangsa yang menjalankan operasi ke destinasi antarabangsa baharu ke at bawah pengurusan MAHB.

5) Langkah ini berpotensi menarik minat syarikat penerbangan untuk beroperasi di LTSAS serta membantu merancakkan pertumbuhan ekonomi dan hu

Program Network Development Programme (NDP) ini akan berlangsung dari 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027, selain daripada langkah-lang juga keperluan untuk Kerajaan Negeri Perak meningkatkan daya tarikan dan promosi produk-produk pelancongan negeri terutama di Ipoh sebagai sa perkhidmatan penerbangan dari pelbagai laluan ke LTSAS

Soalan Dari : YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA
Ahli Dewan Undangan Negeri : (RUNGKUP )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Perak Sejahtera 2030 telah masuk suku pertama tahun ketiga sejak 15 jun 2022 ianya di lancarkan. Memfokuskan kepada 2 matlamat utama yang s Pelaburan dan Peluang Pekerjaan.

1. Sehingga ke hari ini, berapakah jumlah sebenar pelaburan yang telah negeri Perak catatkan melalui beberapa projek yang di bawa masuk seperti, projek berimpak tinggi yang lain.
2. Berapakah jumlah peluang pekerjaan yang berjaya di tawarkan dan telah bekerja di sektor sektor pelaburan tersebut dan sejauh mana ianya mem pengurangan penghijrahan anak Perak dan juga membawa pulang kembali anak² Perak di luar memberi khidmat kepada Negeri Kelahiran nya.. Pera

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Rungkup,

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2024, negeri Perak telah mencatatkan nilai pelaburan diluluskan sebanyak RM8.74 daripada sumber pelaburan domestik dan RM317.8(3.65%) juta daripada pelaburan asing (FDI). Daripada pelaburan tersek dijangka akan menjanakan sebanyak 4,279 peluang pekerjaan.

- Sektor perkhidmatan mendahului dalam nilai pelaburan iaitu sebanyak RM4.99 bilion (57% daripada jumlah pelaburan) pekerjaan yang lebih rendah (622 pekerjaaan).
- Sektor perkilangan kekal sebagai pemacu utama bagi pembangunan ekonomi negeri yang menyumbang sebanyak R mewujudkan bilangan peluang pekerjaan tertinggi iaitu sebanyak 3,540 pekerjaan pada 2024.
- Sektor utama menyumbang secara minimum; RM32.7 juta, 0.4% daripada jumlah pelaburan pada 2024.

| JAN – DIS 2024 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Sektor Utama | Bil Projek | Jumlah Pekerjaan | Pelaburan Domestik (RM) | Pelaburan Asing (RM) | Jumlah Pelaburan (RM) |
| **Perak** | **335** | **4,279** | **8,426,517,043** | **317,877,252** | **8,744,394,296** |
| • Primary | 3 | 117 | 32,736,700 | 0 | 32,736,700 |
| • Manufacturing | 60 | 3,540 | 3,454,231,497 | 266,007,612 | 3,720,239,109 |
| • Services | 272 | 622 | 4,939,548,847 | 51,869,640 | 4,991,418,487 |

Melalui pelaksanaan Pelan Perak Sejahtera 2030, Kerajaan Negeri Perak juga komited menarik pelaburan strategik yang ma dalam pelbagai sektor. Inisiatif ini dijangka menarik minat anak muda untuk terus bekerja di negeri sendiri tanpa perlu berhijrah

Berdasarkan data rasmi ***Labour Market Exchange*** **(LMX) PERKESO**, bagi tempoh Januari hingga Mac 2025, negeri kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh majikan. Ini menunjukkan bahawa pasaran buruh di negeri Perak terus aktif da pelaburan strategik dan projek berimpak tinggi. Jumlah kekosongan jawatan yang tinggi ini adalah petunjuk langsung kepa kerja tempatan dalam pelbagai sektor.

Antara pelaburan utama yang dikenal pasti termasuklah **Lembah Berteknologi Tinggi Automotif (AHTV)** di Tanjong Malim, hab automotif terbesar di ASEAN. Projek ini dijangka mewujudkan lebih 160,000 peluang pekerjaan, mencakupi bidang keju dan pengurusan rantaian bekalan. Selain itu, pembangunan **Lumut Maritime Industrial City (LuMIC)** dijangka menjana 51,0 **Technology Park (SVTP)** dan **Ipoh Raya Integrated Park** pula bakal menyediakan 13,000 pekerjaan dalam sektor pemb diperbaharui turut menyumbang 400 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, dan projek **Perak HIP** pula dijangka menambah

Bagi memenuhi keperluan tenaga kerja AHTV, Kerajaan Negeri melalui PASAK telah melaksanakan kursus TVET jangk Technician dan Certified Total Productivity & Quality Control Technician, yang telah memberi manfaat kepada 95 peserta dalam

Untuk memperluas peluang kepada golongan belia, program seperti Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera (JKPS) telah dilaksanak akses kepada peluang kerjaya dan maklumat TVET kepada masyarakat setempat. Tambahan pula, Jelajah AIM TVET akan Selatan Perak bagi memberi pendedahan awal tentang bidang TVET dan Revolusi Industri 4.0 kepada pelajar dari pelbagai pe

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperluas kolaborasi PASAK bersama industri dan sekolah melalui Program Kelab pendedahan awal dan pengalaman sebenar kepada pelajar mengenai dunia pekerjaan, sekali gus menyemai minat terhadap I

Melalui gabungan pelaburan, latihan kemahiran dan program pembangunan kerjaya, Kerajaan Negeri optimis dapat mengat mengurangkan kadar migrasi belia dan graduan, ke arah mencapai Perak Sejahtera 2030.

2. Tahun Melawat Perak 2024 telah pun melabuhkan tirainya Hujung December 2024 yang lalu.. Dengan Pelbagai perancangan dan program yang tela yang telah di sediakan serta di belanjakan,

   1. Apakah pulangan balik kepada kerajaan negeri Am nya dan Daerah² khusus nya yang di senaraikan dalam kalendar Tahun Melawat Negeri Perak

   2. Lokasi² pelancungan yang dinaiktaraf serta lokasi² baru yang boleh diangkat sebagai destinasi pelancongan negeri Perak, apakah perancangan te

   Jawapan Soalan 2

   Soalan ini telah dijawab secara lisan pada Persidangan Keempat Mesyuarat Pertama Tahun Ketiga Dewan Negeri Yang Kelima Belas pada 18 April

3. 5 keperluan utama rakyat.. antara yg pertama di nyatakan dalam Perak Sejahtera 2030 adalah Kesihatan dan Kesejahteraan.

   1. Adakah kerajaan negeri Perak memberikan penekanan khusus kepada pesakit² yang memerlukan khidmat pusat hemodialisi bagi meringankan at memerlukan perkhidmatan ini bagi yang benar² memerlukan tetapi tiada daya upaya dari aspek kewangan. Apakah perancangan kerajaan dalam isu

   Jawapan Soalan 3

**JAWAPAN :**

Untuk makluman YB, **ADUN Rungkup dan ADUN Keranji soalan berkaitan dengan pusat khidmat Hemodialisis dan b Negeri Perak ,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan rawatan harian hemodialisis di beberapa fasiliti KK kegagalan buah pinggang tahap akhir (*end-stage renal failure*).

Pesakit-pesakit dalam kalangan warganegara dikenakan *fi* rawatan sebanyak RM13 seorang untuk setiap sesi. Bagi pesal pemegang kad Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pemegang kad Orang Kelainan Upaya, mereka **tidak dikenakan sebara** telah dinyatakan, warga emas dengan status warganegara pula diberikan **pengurangan sebanyak lima puluh peratus.**Manak dalam lingkungan **RM 150 - RM 250.**

Untuk makluman YB,

Terdapat pesakit-pesakit berpendapatan rendah turut menjalani rawatan harian hemodialisis di fasiliti swasta dalam negeri Pera
Agama Islam, Adat Melayu Perak dan tajaan kewangan dari badan-badan bukan kerajaan.

Semua pusat hemodilisis Swasta/NGO di negeri Perak adalah dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan
Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Jabatan Kesihatan Negeri Perak sentiasa menjalankan pemantaua
pusat hemodialisis swasta di negeri Perak. Lawatan verifikasi pemantuhan juga dijalankan setiap 2 tahun semasa proses pe
verifikasi pematuhan dijalankan bagi memastikan perkhidmatan mematuhi semua SOP yang ditetapkan bagi memberi perkhidr

Secara keseluruhannya, negeri Perak mempunyai sebanyak **236 buah mesin hemodialisis** untuk kegunaan rawatan harian d
(KKM) seperti berikut,

| JUMLAH MESIN HEMODIALIS DI FASILITI KKM NEGERI PERAK MENGIKUT DAERAH | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **DAERAH** | **FASILITI** | **BILANGAN MESIN** |
| 1 | KINTA | HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN | **34** |
| | | HOSPITAL BATU GAJAH | **12** |
| 2 | LARUT, MATANG DAN SELAMA | HOSPITAL TAIPING | **18** |
| | | HOSPITAL SELAMA | **9** |
| 3 | HILIR PERAK DAN BAGAN DATUK | HOSPITAL TELUK INTAN | **17** |
| 4 | HULU PERAK | HOSPITAL GRIK | **16** |
| | | KLINIK KESIHATAN LENGGONG | **10** |
| 5 | MUALLIM | KLINIK KESIHATAN TANJUNG MALIM | **17** |
| 6 | KUALA KANGSAR | HOSPITAL KUALA KANGSAR | **12** |
| | | HOSPITAL SUNGAI SIPUT | **13** |
| 7 | BATANG PADANG | HOSPITAL TAPAH | **17** |
| 8 | KAMPAR | HOSPITAL KAMPAR | **10** |
| 9 | KERIAN | HOSPITAL PARIT BUNTAR | **12** |
| | | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10 | PERAK TENGAH | HOSPITAL SERI ISKANDAR | **8** |
| 11 | MANJUNG | KLINIK KESIHATAN PANGKOR | **6** |
| | | KLINIK KESIHATAN PANTAI REMIS | **5** |
| | | HOSPITAL SERI MANJUNG | **20** |
| **JUMLAH MESIN HEMODIALISIS** | | | **236** |

Buat masa ini, terdapat seramai 747 orang pesakit kegagalan buah pinggang tahap akhir (*end stage renal failure*) yang sed fasiliti KKM berkenaan Manakala yang menerima rawatan di **fasiliti NGO /Swasta adalah seramai 4195 sehingga Mac 2025**

Bilangan pesakit yang menjalani hemodialisis di negeri Perak di fasiliti KKM dan swasta/NGO bagi tahun **2023, 2024 dan 2025**

| **Jenis Fasiliti** | **Tahun** | | |
|---|---|---|---|
| | **2023** | **2024** | **2025 (Sehingga Mac)** |
| Fasiliti KKM | 725 | 742 | **747** |
| Fasiliti Swasta/NGO | 4073 | 4066 | **4195** |
| Jumlah | **4,798** | **4,808** | **4,942** |

Oleh yang demikian sebagai perancangan menangani masalah dalam isu ini bukan sahaja merangkumi usaha dan keupa malahan peranan pihak swasta dan badan bukan kerajaan sangat signifikan. Hasratnya adalah untuk menyediakan kebergantungan yang lebih kepada perkhidmatan di kerajaan sahaja.

Penambahan mesin hemodialisis umumnya memerlukan kerja kerja menaik taraf infrastruktur; sama ada melalui pembinaan khusus, dan penambahan kakitangan terlatih. Oleh itu penambahan mesin hemodialisis melibatkan peruntukan yang besar pembangunan di sesebuah fasiliti KKM. Pada masa ini, keutamaan pihak KKM adalah untuk menggantikan mesin hemodialisis yang baru secara berfasa. Ini penting bagi memastikan perkhidmatan dapat diteruskan dengan lancar.

Pihak KKM amat menggalakan pesakit kegagalan buah pinggang tahap akhir untuk memilih rawatan dialisis menggunakan ka memenuhi kriteria yang ditetapkan. Rawatan ini boleh dijalankan di rumah pesakit masing-masing, justeru ia dapat memberi pesakit. Pesakit dan waris akan dilatih sehingga kompeten untuk membolehkan rawatan dijalankan di kediaman mas kebergantungan kepada fasiliti KKM dan secara langsung ia dapat mengurangkan masa menunggu untuk memulakan ra

berbanding kos Hemodialisis selain pesakit kategori penjawat awam, pesara kerajaan, pemegang kad Jabatan Kebajikan Ma Upaya, mereka tidak dikenakan sebarang bayaran

Beberapa badan bukan kerajaan dan sukarelawan membantu meringankan beban kerajaan dari segi tanggungan kos rawat pada tahun 2020 dan 2023 Yayasan VK Kalyanasundram dengan kerjasama pihak Pejabat Exco Kesihatan Negeri telah mer kegunaan pesakit di Hospital Tapah, Hospital Teluk Intan dan Hospital Kampar.

Selain itu terdapat juga badan bukan kerajaan lain termasuk pertubuhan berdaftar yang memberi subsidi berbentuk potonga pesakit setiap sesi rawatan. Kesemua kaedah ini membolehkan pesakit mendapat pilihan tambahan dan mengurangkan keberg

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Dalam kempen keselamatan jalanraya yang saban tahun di jalankan, namun kadar kemalangan masih terlalu tinggi dan kerap berlaku. Bukan sekad Highway², malah di kawasan² luarbandar yang melibatkan penunggang² motosikal terutamanya. Sebagai contoh di kawasan saya, Dun Rungkup me Antara punca utama nya, selekoh dan kawasan gelap menjadi kawasan utama berlaku nya malapetaka.

   1. Apakah langkah proaktif yang di rancang oleh pihak berkenaan secara tuntas bagi mengelakkan perkara² sedemikian daripada terus meragut nyaw

   Jawapan Soalan 1

1) Inisiatif oleh Kementerian Pengangkutan yang memberi tumpuan kepada daerah dengan kadar kemalangan tinggi, termasuk kawasan luar bandar, u raya melalui intervensi berfokus.

2) Pendidikan dan Kesedaran Awam Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) menjalankan kempen kesedaran dan pendidik mematuhi peraturan lalu lintas dan amalan pemanduan selamat.

3) Penguatkuasaan Undang-undang oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan polis trafik bagi meningkatkan penguatkuasaan peraturan jalan raya, dan memeriksa keadaan kenderaan, terutama di kawasan berisiko tinggi.

4) **Pelaksanaan POBC di Kawasan Kerap Kemalangan**

   a). Pengenal pastian Kawasan Hotspot

   • Kenal pasti lokasi yang mencatatkan kadar kemalangan tinggi melalui data PDRM, JPJ dan JKR.

   • Contohnya: selekoh tajam, jalan gelap, persimpangan sibuk, dan kawasan sekolah.

   b) **Libat Urus Komuniti Setempat**

   • Program turun padang bersama penduduk kampung, belia, Jawatan Kuasa Pengerusan keselamatan kampung JPKKK dan Rukun Tertang

   • Libatkan mereka dalam sesi taklimat keselamatan dan pengumpulan maklumat risiko di kawasan mereka.

5) Merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan, Dun Rungkup merupakan kawasan luar bandar yang mana jalan-jalannya dikategorikan se perkampungan.

6) Boleh dikatakan sebahagian daripada jalan-jalan tersebut juga tidak mempunyai lampu jalan, jalan raya yang kecil dan banyak persimpangan.

7) Pelbagai langkah-langkah yang proaktif telah dilaksanakan oleh Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah Bagan pelbagai operasi terancang seperti Op Motosikal, Op Perdagangan, Op Samseng Jalanan, Op Pelbagai dan Op Bersepadu bersama agensi luar.

8) Walau bagai mana pun, didapati punca sebenar kemalangan adalah disebabkan oleh faktor jalanraya itu sendiri.

9) Antaranya terdapat satu kawasan selekoh yang tajam dan jalan-jalan yang gelap, oleh yang demikian, adalah dicadangkan penambahbaikan da lampu jalan oleh pihak yang berwajib.

2. Bencana Alam. Satu keadaan luarjangka bila berlaku dan ianya memerlukan tindakan dan keputusan segera serta pantas. Kebiasaan yang di amalk yang agak lama untuk kita menyalurkan bantuan yang mana kadang kala...memakan masa lebih satu bulan baru lah mangsa bencana mendapat ba

   1. Apakah langkah terkini yang boleh kerajaan negeri mengurangkan tempoh sela waktu bagi mangsa² bencana ini mendapat bantuan sewajarnya b dan meringankan bebanan yang mereka tanggung?

   Jawapan Soalan 2

Yang Berhormat Rungkup,

1. Semakan melalui Pejabat Kewangan Negeri mendapati antara punca utama kelewatan penyaluran bantuan ialah mar yang lengkap berdasarkan keperluan garis panduan dan prosedur berkaitan. Antara dokumen wajib yang diperlukan adala

   1.1 Kad pengenalan : Pengesahan identiti mangsa.

   1.2 Laporan polis : Pengesahan kejadian bencana.

   1.3 Gambar kejadian : Bukti pengesahan kerosakan berlaku.

2. Dokumentasi yang lengkap adalah penting untuk menentukan keabsahan dokumen mangsa dan kesahihan bantuan yang

3. Antara cadangan penambahbaikan yang masih dalam peringkat perbincangan lanjut adalah seperti berikut:

   3.1 Memberikan bantuan tunai terus kepada mangsa melalui platform digital seperti *e-wallet* atau EFT.

   3.2 Memberikan kuasa memproses rekupmen panjar Tabung Bencana dan Bantuan Sosial Negeri Perak kepada semua

Soalan Dari : YB ENCIK GOH SEE HUA
Ahli Dewan Undangan Negeri : (PASIR PINJI )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Pelancongan Negeri Perak
   a)Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri dalam meningkatkan pelancong asing ke negeri perak?
   b)Apakah persiapan untuk menyambut Tahun Melawat Malaysia 2026?

   Jawapan Soalan 1

   Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Pinji,

   Kerajaan Negeri melalui Tourism Perak akan terus komited mempromosikan produk pelancongan Negeri Perak dengan memanfaatkan sepenuhnya platform media sosial dan pendekatan berasaskan digitalisasi. Dalam era teknologi masa kini, penggunaan konsep Internet of Things (IoT) telah mer maklumat serta pelaksanaan aktiviti promosi yang lebih efektif. Pendekatan ini membolehkan maklumat berkaitan produk pelancongan, terutamanya secara terus dan pantas kepada khalayak sasaran.

   Era globalisasi telah membuka ruang yang lebih luas kepada Tourism Perak untuk mengadaptasi teknologi digital sebagai medium penyebaran makl seperti Facebook, Instagram, TikTok dan X terus menjadi antara saluran komunikasi paling berkesan dalam memperkenalkan keunikan pelancongan antarabangsa.

   Bagi memperkukuh promosi di pasaran antarabangsa, khususnya negara China, Tourism Perak turut mengambil langkah proaktif dengan mendaftarl utama di negara tersebut seperti Xiaohongshu, Douyin, WeChat dan Kuaishou. Keempat-empat platform ini mempunyai jumlah pengguna yang besa masyarakat di China, sekaligus menjadi saluran strategik dalam menarik lebih ramai pelancong dari pasaran tersebut ke Perak.

   Selain itu, penganjuran acara dan program pelancongan juga akan terus dilaksanakan sebagai usaha memeriahkan lokasi pelancongan terpilih, yang malah membolehkan mereka turut serta menikmati pengalaman budaya dan aktiviti setempat. Suasana sebegini diyakini mampu meninggalkan kena pelancong dengan komuniti tempatan.

   Dalam jangka panjang, pembangunan modal insan setempat turut diberi keutamaan. Penduduk tempatan akan dilibatkan secara aktif dalam progran “Think Tourism, Act Tourism”, bagi memastikan tahap hospitaliti yang diberikan kepada pelancong adalah yang terbaik. Usaha ini bukan sahaja meni besar dalam menggalakkan kedatangan semula atau repetitive visits ke Negeri Perak.

2. Enakmen Hotel Perak 2023
   Enakmen Hotel Perak 2023 diperkenalkan bagi memastikan operasi hotel berjalan dengan teratur dan memenuhi piawaian yang ditetapkan.
   a) Minta pihak Kerajaan Negeri nyatakan jumlah pendaftaran yang telah diterima sehingga kini?
   b) Berapakah jumlah Caj Perkhidmatan Tempatan (CPT) yang telah diterima sehingga kini ?
   c.)Bagaimanakah kerajaan negeri memastikan pelaksanaan Enakmen Hotel Perak 2023 tidak menjejaskan pertumbuhan sektor pelancongan?

   Jawapan Soalan 2

   **JAWAPAN A**

   Untuk makluman Yang Berhormat,

Sehingga kini, sebanyak hampir 800 premis dari lima (5) kategori hotel telah berdaftar di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dengan sebah menunjukkan peningkatan positif dalam pendaftaran premis terutama bagi Kategori 5, yang merangkumi rumah tumpangan, homestay, dan tapa tanpa garis panduan yang jelas.

**JAWAPAN B**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Jumlah Caj Perkhidmatan Tempatan (CPT) yang telah diterima sehingga bulan Februari adalah berjumlah RM 1.08 juta.

**JAWAPAN C**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri Perak mengambil pendekatan yang inklusif dalam melaksanakan Enakmen Hotel Perak 2023 dan Peraturan-Peraturan Hotel pertumbuhan sektor pelancongan, bahkan menyokongnya secara mampan.

Antara langkah utama adalah termasuk memperkenalkan tempoh pemutihan selama satu tahun bermula 1 Julai 2024 hingga 30 Jun 2025. T pengusaha premis penginapan untuk menyesuaikan diri dengan keperluan pelesenan yang baharu.

Sepanjang tempoh ini, tindakan penguatkuasaan atau kompaun tidak akan dikenakan. Sebaliknya, pihak berkuasa tempatan (PBT) akan mem pengusaha dapat melengkapkan permohonan lesen dan memenuhi syarat yang ditetapkan.

Selain itu, hasrat asal enakmen adalah bagi mengiktiraf pengusaha kecil dan premis penginapan yang tidak formal agar dapat melesenkan perniaga moden seperti homestay, glamping, rumah tumpangan, tapak perkhemahan dan AirBnB, yang sebelum ini beroperasi tanpa kawal selia yang jela secara sah, ia sekaligus meluaskan penyertaan dalam industri pelancongan dan merancakkan ekonomi tempatan dan komuniti setempat.

3. Alam Sekitar
   a) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pembakaran secara terbuka?
   b) Apakah langkah langkah dan tindakan yang boleh diambil kerajaan negeri supaya rakyat lebih terlibat dalam penjagaan alam sekitar?

<u>Jawapan Soalan 3</u>

**<u>No. Rujukan : 24017 (Pasir Pinji)</u>**

**<u>No. Soalan : 3</u>**

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Perak Sejahtera 2030.

**Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Pinji,**

Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (PTPTK) yang telah dibangunkan secara bersama oleh agensi-agensi Persekutuan, Kerajaan N serta menangani insiden pembakaran terbuka di seluruh negara telah diaktifkan serta-merta susulan cuaca panas dan kering yang melanda negara I

Sehubungan dengan itu, PTPTK akan terus berkuat kuasa sehingga berakhirnya Monsun Barat Daya pada tahun ini dan pelan ini telah diedarkan k mulai 2 Ogos 2019 yang juga boleh diakses melalui Perpustakaan Digital Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Selaras dengan pelaksanaan pelan ini, semua pihak digesa untuk meningkatkan pemantauan dan mengambil langkah pencegahan bagi me menjejaskan kualiti udara dan kesihatan awam.

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,**

Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak komited dalam usaha menangani pembakaran terbuka melalui langkah-lang

I. Pelaksanaan Pelan Tindakan Operasi (PTO) bagi pencegahan pembakaran terbuka dan kebakaran tanah gambut khususnya ketika cuaca panas dan

II. Penggunaan teknologi dron dalam aktiviti pemantauan dan pencegahan.

III. Rondaan bersepadu pada waktu siang, malam serta hari kelepasan am di kawasan berisiko.

IV. Penguatkuasaan tegas di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024, yang memperuntukkan hukuman lebih berat termasu sehingga lima (5) tahun, atau kedua-duanya sekali.

V. Perwakilan kuasa penyiasatan kepada agensi penguatkuasa lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malays Tempatan (PBT) di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa) (Penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000.

**Untuk makluman dewan yang mulia,**

Pentadbiran Daerah Kinta juga turut bekerjasama dengan JAS dan komuniti setempat dalam program advokasi dan sesi libat urus kepimpinar Keselamatan Kampung (JPKK), Ketua Kampung dan Ketua Komuniti untuk meningkatkan kesedaran mengenai impak pembakaran terbuka terhadap

Di samping itu juga, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) pula telah menjalankan penguatkuasaan terhadap pembakaran terbuka kecil, manakala kes berska

Sehingga Mac 2025, MBI telah menerima 62 aduan, mengeluarkan 16 notis kacau ganggu, dan mengenakan 46 kompaun bernilai RM13,400.00 pembakaran terbuka serta bau tidak menyenangkan daripada aktiviti komersial dan kediaman. Sebanyak 34 kompaun bernilai RM9,400.00 turut dik bawah Undang-Undang Kecil 1986 bagi kesalahan ini.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

Secara kesimpulannya, suka saya nyatakan disini bahawa Kerajaan Negeri komited dalam meneruskan tindakan bersepadu untuk membendung is dan kualiti udara.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Banjir
   Banjir sering berlaku dalam negeri dengan perubahan iklim yang tidak dapat diramal dan membimbangkan rakyat
   a).Berapa projek tebatan air akan dijalankan di dalam negeri dalam tahun ini?
   b) Punca utama banjir yang berlaku sama ada semula jadi atau perbuatan manusia dan apa cadangan untuk mengatasi?

Jawapan Soalan 1

) Sebanyak 10 projek di bawah JPS telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 yang sedang dan dalam pelaksanaan. Antar

1. RTB Kinta Fasa 2
2. RTB Gerik
3. RTB Teluk Intan, Zon A, Fasa 2
4. RTB Lenggong
5. RTB Kg. Gajah Fasa 2
6. RTB Bagan Datuk
7. RTB Samagagah
8. RTB Trolak
9. RTB Sg Beruas

10. RTB Sg Bernam

b)Projek tebatan air banjir yang akan dijalankan adalah seperti berikut:

| BIL. | PROJEK |
|---|---|
| 1. | Cadangan Menaik Taraf Sistem Perparitan di Tingkat Seri Rapat 1, Taman Maju Rapat Bagi Tujuan Mitigasi Banjir Kilat |
| 2. | Cadangan Membina Sistem Saliran Di Jalan Sri Kinta 6, Kampung Sri Kinta Bagi Tujuan Mitigasi Banjir Kilat |
| 3. | Cadangan Menaik Taraf Sistem Saliran di Jalan Cempaka, Batu 8 Tambun |
| 4. | Menaik Taraf Sistem Saliran di RPT Tanjung Damai Bagi Tujuan Mitigasi Banjir Kilat |
| 5. | Cadangan Menaik Taraf Sistem Perparitan Uzur dan Naik Taraf Kolam Tadahan Taman Mandarin Bagi Tujuan Mitigasi Banjir Kilat |
| 6. | Cadangan Membina Kolam Tadahan Banjir di Persimpangan Taman Kledang Permai Dan Lebuh Raya Ipoh Lumut |
| 7. | Cadangan Menaik Taraf Sistem Saliran di Lorong Dahlia 2, RPT Desa Seri Chepor |
| 8. | Cadangan Menaik Taraf Sistem Saliran di Jalan Rishah, Taman Rishah Fasa 1, Jelapang |
| 9. | Cadangan Menaik Taraf Laluan Air Jalan Keliling, Taman Canning, MB Ipoh |

Bagi menjawab soalan b pula

c) Banjir boleh berlaku disebabkan oleh faktor semula jadi dan juga aktiviti manusia. Antaranya

Faktor Semula Jadi:

1. Hujan Lebat
2. Fenomena Air Pasang
3. Bentuk Muka Bumi
4. Tanah Tidak Menyerap Air

d) Punca utama berlakunya banjir adalah disebabkan hujan lebat dalam tempoh yang singkat atau berpanjangan menyebabkan sungai melimpa

e) Selain itu, pembangunan perumahan di kawasan yang sepatutnya menjadi kawasan serapan air (seperti pembinaan bangunan, jalan raya, dan mengurangkan ruang untuk penyerapan air.

f) Punca terakhir ialah sistem saliran yang tidak terurus atau tidak mencukupi. Oleh itu, akibat daripada pembangunan menyebabkan banji banjir adalah membuat pemantauan projek pembangunan dan menyenaraikan kawasan tanah yang rendah.

g) Selain itu, menaik taraf sistem saliran dan membina rumah pam sekiranya berlakunya limpahan air sungai.

h) Berdasarkan pemerhatian dan dapatan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kinta, punca banjir di daerah Kinta adalah s

1) Kerosakan ban di kawasan penempatan
2) Sistem saliran/perparitan yang lama tersumbat kerana kurang penyelenggaran dan pembersihan yang tidak dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tem
3) Penerokaan bukit yang tidak terkawal yang menyebabkan aliran hujan ke kawasan kediaman baru
4) Pam air yang ditempatkan di kawasan berisiko tidak berfungsi secara automatik samada atas isu teknikal atau kejadian kecurian bateri
5) aburan hujan yang tinggi dalam masa yang singkat
6) Aliran air dari kawasan tinggi ke kawasan yang rendah *(upstream to downstream)*
7) Tiada dan kurang kawasan kolam takungan air di zon kediaman

i) Antara cadangan yang boleh dipertimbangkan bagi mengatasi isu banjir di daerah Kinta ialah

1) Penyegeraan projek-projek tebatan banjir, pembinaan rumah-rumah pam atau penambahbaikan ban yang sedia ada oleh Jabatan Pengairan
2) Mengawal selia aktiviti meneroka bukit dan pembalakan
3) Menambah pam dengan fungsi automatik terutamanya di kawasan penempatan yang berisiko banjir kilat
4) Penyelenggaran berkala tanpa gagal bagi semua sistem saliran dan perparitan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi/jabatan teknikal
5) Mengkaji lencongan sungai dari kawasan tinggi ke kawasan rendah dan mewujudkan aliran alternatif bagi mengelakkan deruan air ke kawas
6) Perancangan mewujudkan Kolam Tadahan berskala besar dengan mengambil kira taburan hujan di daerah Kinta

2. Tong Sampah Kitar Semula

Adakah pihak kerajaan negeri dan PBT akan memperuntukkan lebih banyak tong sampah kitar semula di lokasi hotspot pelancong untuk memupuk k

Jawapan Soalan 2

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

   (ii) Adakah Kerajaan negeri telah memetakan pendeketan dan pelan tindakan untuk memastikan golongan berpendapatan rendah tidak akan terpinggir daripada ekonomi digital selepas 5G dilaksanakan yang membawa kepada kenaikan harga kos peralatan dan yuran yang lebih tinggi?

   (iii) Apakah rancangan Kerajaan negeri dalam memanfaatkan 5G demi mendorong perkembangan Industri Kecil & Sederhana dan sektor teknologi di dalam negeri? Jika ada, apakah polisi pelaksanaan yang akan diumumkan pada penggal pertama 2025?

Jawapan Soalan 3

**Jawapan A:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlaksanaan rangkaian 5G oleh Digital Nasional Berhad (DNB) di seluruh negara telah dijalankan seca pembangunan rangkaian 5G ini telah dimulakan sejak suku kedua tahun 2022.

Pihak DNB telah menyasarkan sebanyak 503 tapak 5G untuk dibangunkan di negeri Perak sehingga penghujung tahun 2024. Setakat Januari 202 kadar liputan 5G di kawasan berpenduduk di negeri Perak telah berjaya mencapai tahap 81%. Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Mala untuk memastikan akses internet yang stabil dan berkualiti tinggi di kawasan luar bandar terutamanya bagi menyokong golongan usahawan digital.

Sehingga Februari 2025, capaian liputan mudah alih 5G di negeri Perak telah mencapai 81.1% di kawasan berpenduduk di seluruh negeri Perak (C di 503 lokasi seluruh negeri Perak.

**Jawapan B:**

Kerajaan Negeri dalam proses akhir melancarkan Pelan Tindakan Bandar Pintar Negeri Perak 2040 dan Pelan Tindakan Digital Ekonomi Negeri dicadangkan dalam kedua-dua pelan tindakan ini, Kerajaan Negeri akan membantu pihak Persekutuan dalam memperluas inisiatif bagi meningka terpencil dengan mempromosikan kesedaran pendigitalan dan menyediakan peluang yang lebih tinggi untuk mengakses dan memanfaatkannya. S Digital Perak dan semua PBT di negeri Perak akan membantu pelaksanaan termasuk bagi memperkasakan pembangunan infrastruktur, perniagaan

**Jawapan C:**

Bagi menggalakkan semua pihak termasuk Industri kecil dan sederhana (PKS) memanfaatkan penggunaan teknologi 5G, Kerajaan Negeri bersa pembangunan di kawasan-kawasan perindustrian kecil di Perak dilengkapi dengan infrastruktur telekomunikasi dan kemudahan internet, selari deng di Malaysia. Ianya amat penting bagi memudahkan aplikasi teknologi IR 4.0 dan 5G diguna pakai dengan ketersediaan perkhidmatan jalur lebar berl itu, beberapa industri utama di bawah PKS telah dikenal pasti dalam mengadaptasi perkhidmatan rangkaian 5G seperti dalam sektor pembu peruncitan, serta tenaga dan utiliti; di mana, melalui pelaksanaannya, ia secara tidak langsung akan meningkatkan pendapatan dan ekonomi Negeri

4. 5. Kerajaan telah merancang untuk mengenakan cukai karbon ke atas industri keluli dan tenaga menjelang tahun 2026 untuk menggalakkan penggu saya ingin mengemukakan beberapa soalan untuk perhatian pihak berkepentingan:-

(i) Adakah kerajaan negeri akan mengikuti jejak Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan dasar baharu ini secara komprehensif?

(ii) Apakah usaha yang akan dijalankan oleh kerajaan negeri memastikan bahawa pengusaha industri memahami dan menguasai pengetahuan berk

Jawapan Soalan 4

**No. Rujukan : 24084 (Jelapang)**

**No. Soalan : 5**

-

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Perak Sejahtera 2030.

**Untuk makluman Yang Berhormat Jelapang,**

Malaysia komited dan progresif dalam memenuhi obligasi dan komitmen perubahan iklim di bawah *United Nations Framework Convention* mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca yang merentas ekonomi sebanyak 45% (berdasarkan GDP) pada tahun 2030 berbanding pelepasan GHG sifar bersih pada tahun 2050.

Bagi tujuan ini, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedang membangunkan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim (RUUP menjadi pelengkap kepada dasar mitigasi dan adaptasi perubahan iklim yang sedang dan ingin dilaksanakan oleh Kerajaan, serta menjadi asa berkaitan seperti Kementerian, Kerajaan Negeri, komuniti, badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan sebagainya bagi pelaksanaan dasar dan

RUUPIN juga dapat menyelaras perancangan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan hubungan di antara Ke Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran pengurangan GHG. RUUPIN juga memperuntukan perkara-perkara berkaitan penubuhan mekanisme **(ETS)** dan perdagangan kredit karbon dan mekanisme pengurangan lain.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan dan NRES telah mengambil inisiatif untuk mengadakan sesi libat urus bersama pihak Kerajaan N kepada YAB Menteri Besar Perak bagi mendapatkan maklumbalas awal daripada pihak Kerajaan Negeri Perak sebagai pemegang taruh yang u Kebangsaan (DPKK).

Memandangkan Kerajaan Negeri belum menerima draf RUUPIN daripada pihak Kementerian yang sedang dalam fasa akhir bagi memurnikan dra dasar yang dapat diberikan adalah terhad. Justeru, Kerajaan Negeri telah memohon kepada Kerajaan Persekutuan agar draf RUUPIN dapat diker lanjut sebelum dibentangkan di Parlimen pada bulan Jun 2025 nanti.

Bagi menjawab pertanyaan **Yang Berhormat Jelapang** berkenaan usaha yang akan dijalankan oleh kerajaan negeri memastikan bahawa pengus berkaitan, suka saya nyatakan bahawa RUUPIN juga memperuntukkan mengenai mekanisme cukai karbon yang sedang dibangunkan oleh Keme mekanisme cukai karbon tersebut dapat menggunakan peruntukan di bawah RUUPIN khususnya berkaitan pengukuran, pelaporan dan pengesal Namun begitu, butiran operasi dan penetapan lain akan diperincikan melalui garis panduan dan perundangan subsidiari kelak bagi menentukan us untuk memberikan pencerahan kepada pihak pengusaha industri nanti.

Sekian, terima kasih.

Soalan Dari : YB ENCIK CHAW KAM FOON
Ahli Dewan Undangan Negeri : (MENGLEMBU )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. PEMBANGUNAN MAMPAN.

Apakah visi jangka panjang Kerajaan Negeri berkaitan pembangunan mampan yang seimbang antara ekonomi, alam sekitar dan kesihatan masyarakat?

Jawapan Soalan 1

Yang Di Pertua Dewan Negeri,

Pembangunan mampan yang seimbang antara ekonomi, alam sekitar dan kesihatan masyarakat merupakan satu cabaran besar bagi negeri, namun ia tetap menjadi yang sejahtera, berdaya tahan dan inklusif melalui pelaksanaan dasar, pelan tindakan serta inisiatif secara strategik dan menyeluruh.

Kerajaan Negeri telah menggerakkan usaha bagi memperkasakan lagi pelan Perak Sejahtera 2030 dengan penambahan tiga (3) agenda baharu iaitu (i) Pembangu Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan. Penambahan ini menjadikan Pelan Perak Sejahtera 2030 lebih dinamik, bersifat modular dan boleh disesuaikan dari masa k

Bagi menyokong Pelan Perak Sejahtera 2030, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan cabang ekonomi baharu yang berpotensi untuk diterokai. Antaranya El merentasi sektor yang menggunakan sumber laut, persisiran pantai dan sumber air tawar berlandaskan amalan lestari bagi menjamin kesejahteraan sosial, ekonomi d

Hala Tuju Ekonomi Biru Negeri Perak Darul Ridzuan telah diluncurkan pada 23 Februari 2025 dan menjadi rujukan kepada semua pemegang taruh dari jabatan da dan orang awam dalam merancang, menggubal, melaksana, memantau dan menilai strategi serta inisiatif berkaitan Ekonomi Biru di Negeri Perak.

Selain itu, Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 telah dibangunkan sebagai manifestasi iltizam Kerajaan Negeri untuk memacu ekonomi berasaska Perak 2030 ini merupakan dokumen yang menyokong Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan sejajar dengan agenda, rancang asas dan panduan untuk pembangunan ekonomi digital negeri Perak. Tumpuan diberikan kepada empat (4) teras strategik, lapan (8) strategi dan 21 program yang memperkukuh ekosistem digital yang akan dilaksanakan secara berfasa sehingga tahun 2030.Yang Berhormat Ahli Dewan,

Kerajaan Negeri secara konsisten memberi keutamaan dan komited terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Keseimbangan dalam pembangunan pe jadi agar ia tidak terancam dan kekal untuk tempoh yang panjang. Bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah enam puluh sembilan perpu Kelestarian Alam Sekitar. Hal ini turut menjadi antara perkara yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak di dalam buku nukilan bagind lestari melalui eksploitasi yang mampan terhadap tanah, air dan hutan.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri turut melaksanakan Agenda Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok sejak Januari 2021 bagi menan sebanyak sembilan perpuluhan lima lima juta (9.55 juta) pokok telah berjaya ditanam di seluruh negeri, menghampiri sasaran 10 juta pokok menjelang 2025. Ke 988,722.22 hektar kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), bersamaan empat puluh tujuh perpuluhan enam tiga peratus (47.63%) daripada jumlah keluasan neg sebagai negeri dengan HSK terbesar di Semenanjung Malaysia. Peningkatan sebanyak 18.59 hektar turut direkodkan berbanding tahun 2023.

Dalam aspek kesihatan awam pula, Kerajaan Persekutuan melalui Rolling Plan Kelima RMK-12 telah meluluskan lima puluh dua perpuluhan sembilan juta ring dengan kuarters di Chemor sebagai antara projek berkeutamaan negeri. Selain itu, Hospital Baharu Seri Iskandar yang bernilai seratus empat puluh lima perpuluhan blok tambahan Hospital Seri Manjung bernilai enam puluh enam perpuluhan tiga juta ringgit (RM66.3 juta) telah siap pada tahun 2024.

Bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan berjumlah lima ratus ribu ringgit (RM500,000) bagi pelaksanaan Program Community Feed keluarga B40 dan telah diperluas ke kawasan bandar. Sejak 2021, sebanyak 35 PCF disasarkan di bawah Pelan Strategik SUK Perak 2021–2025, menjadikan Perak untuk inisiatif ini.

Kerajaan Negeri turut memandang serius isu kesihatan mental yang dijangka akan menjadi antara cabaran utama kesihatan awam pada masa hadapan sekiranya tida 345 program dan kursus berkaitan kesihatan mental telah dilaksanakan. Sehingga kini, pertambahan pegawai - 13 pegawai psikologi kaunseling telah ditempatka negeri. Khidmat kaunseling, terapi, sumber pendidikan dan aktiviti relaksasi turut disediakan.

Sebanyak 81 Klinik Kesihatan Minda Sihat menyediakan saringan awal kesihatan mental di semua 12 daerah di Perak, dengan pecahan Muallim (2), Hilir Perak Padang (6), Kuala Kangsar (7), Manjung (7), Perak Tengah (8), Kerian (9), Larut Matang dan Selama (12), serta Kinta (13).

Menyedari keperluan melindungi golongan berisiko tinggi khususnya warga emas daripada jangkitan penyakit berjangkit seperti influenza, Kerajaan Negeri telah r langkah pencegahan kesihatan awam. Seramai 1,946 warga emas telah menerima vaksin secara percuma di 78 klinik kesihatan terpilih sejak 18 Februari lalu. Se berfasa berdasarkan populasi warga emas dan keperluan setempat.

Secara keseluruhan, visi jangka panjang untuk mencapai pembangunan yang seimbang antara pertumbuhan ekonomi, pemeliharaan alam sekitar, dan kesihatan m tadbir urus yang kukuh melalui Jawatankuasa Pemandu Perak Sejahtera 2030 dan Jawatankuasa Kerja Perak Sejahtera 2030. Kedua-dua jawatankuasa ini akan be setiap projek dilaksanakan dengan lancar, selaras dengan keperluan dan cabaran semasa demi kesejahteraan rakyat Perak.

2. BELIA.

1) Sila senaraikan program-program di luar bandar yang telah dilaksanakan bagi membantu belia untuk mendapatkan peluang pekerjaan?

2) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi meningkatkan penyertaan belia luar bandar dalam pembangunan ekonomi Negeri Perak?

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat Mengelembu,

1. Demi membantu golongan belia mendapatkan pekerjaan, Kerajaan Negeri melalui agensi pelaksana Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) penubuhannya. PASAK telah menjalankan program-program seperti Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera, Program TVET, Program Moh Kroje, Klir Kerjaya. Secara keseluruhannya, sebanyak 103 program telah dijalankan di kawasan luar bandar sepanjang tahun 2024 bagi membantu belia m program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2024:

   Senarai Program Luar Bandar Sepanjang Tahun 2024

   Program Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera — Berkonsepkan temu duga terbuka yang dijalankan secara besar-besaran di setiap daerah dala syarikat dan kekosongan jawatan yang ditawarkan dalam satu masa. Dijalankan sebanyak 7 kali di kawasan luar bandar.

   Program TVET — Merupakan program latihan kemahiran yang menawarkan pelbagai jenis kursus secara percuma kepada Anak Perak. Membu sebanyak 63 kali di kawasan luar bandar.

   Program Moh Kroje — Berkonsepkan temu duga terbuka. Dijalankan sebanyak 2 kali di kawasan luar bandar.

   Program Klinik Kerjaya — Program peningkatan kemahiran insaniah yang dapat memberi nilai tambah kepada belia dalam pasaran pekerjaan. D

   Program Xplorasi Kampus — Program persediaan kepada mahasiswa dan bakal graduan yang memberi nilai tambah kepada peserta. Pro sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Telah dijalankan sebanyak 4 kali di kawasan luar bandar.

   Program Pemetaan Kerjaya — Program pendedahan kepada pelajar sekolah berkenaan aliran TVET di Malaysia serta haluan kerjaya dalam I luar bandar.

2. Berdasarkan program-program yang telah saya senaraikan sebentar tadi, jelas membuktikan bahawa Kerajaan Negeri tekad dalam menjalanka belia luar bandar untuk menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi. Melalui program-program yang dilaksanakan, ia bukan sahaja mena peserta, malah turut membuka peluang kepada golongan belia menyertai program sebagai ahli sukarelawan. Ini secara langsung telah me program yang dijalankan. Selain itu, untuk mempertingkatkan lagi penyertaan belia dalam perkara ini, Kerajaan Negeri bertindak dengan memp menjalankan program Karnival TVET Perak Sejahtera Tahun 2024. Karnival ini bertujuan untuk menarik minat golongan muda untuk mer pertumbuhan ekonomi negeri.

3. KEBAJIKAN IBU/BAPA TUNGGAL.

1) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu dan menjaga kepentingan serta kebajikan Ibu-Ibu Tunggal dan Bapa-Bapa Tunggal di Negeri Perak?

2) Apakah skim-skim Kerajaan Negeri yang boleh membantu menaiktaraf pendapatan dan taraf kehidupan ibu dan bapa tunggal di Negeri Perak?

Jawapan Soalan 3

Bismillahirahmanirahi,

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera,

Salam Malaysia Madani dan Salam Perak Sejahtera 2030.

**Yang Berhormat Dato Yang DiPertua,**

Saya memohon izin untuk menjawab soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat dari Menglembu berkenaan inisiatif sert dan menjaga kepentingan serta kebajikan Ibu-Ibu Tunggal dan Bapa-Bapa Tunggal di Negeri Perak.

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Perak amat prihatin terhadap nasib dan kesejahteraan golongan ibu dan pelbagai cabaran kehidupan. Justeru, pelbagai inisiatif dilaksanakan secara bersepadu bagi memastikan kebajikan golong dimaksimumkan demi pembangunan keluarga serta kesejahteraan negeri.

2. Di Negeri Perak, ibu dan bapa tunggal merangkumi mereka yang kehilangan pasangan melalui kematian, perceraian, a mereka yang memikul tanggungjawab sebagai ketua isi rumah secara bersendirian. Mereka ini bukan sahaja memikul perana malah turut menanggung beban kewangan, emosi, serta tanggungjawab sosial yang besar. Data Jabatan Kebajikan Ma peningkatan golongan ini, khususnya dalam kalangan wanita luar bandar dan kawasan bandar pinggiran. Justeru, sokongan mental dan jaringan komuniti amat penting agar mereka tidak terpinggir daripada pembangunan negeri.

3. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Wanita Perak dan agensi lain memberi perhatian terhadap ibu dan bapa tunggal. Ini penting kerana cabaran hidup yang dihadapi oleh mereka bukan sahaja melibatkan aspek kewangar yang berpanjangan.

Antara bentuk sokongan psikososial yang disediakan termasuk:

**i. Kaunseling dan Bimbingan Psikologi**

- Sesi kaunseling percuma atau bersubsidi melalui JKM, pusat komuniti dan NGO terlibat.
- Sesi ini membantu menangani tekanan emosi, kemurungan, rasa bersalah, dan tekanan dalam mengurus anak seorang

**ii. Sokongan Berkumpulan (Peer Support Groups)**

- Penubuhan kumpulan sokongan komuniti bagi ibu dan bapa tunggal melalui kerjasama PAWE, NGO dan persatuan wani
- Ia menjadi ruang selamat untuk berkongsi pengalaman, saling memberi sokongan moral, dan membina rangkaian sosial

**iii. Program Motivasi dan Intervensi Psikososial**

- Penganjuran program seperti bengkel pengurusan stres, seminar keibubapaan tunggal, ceramah kesihatan mental dan k
- Program ini membantu memperkukuh kekuatan dalaman dan daya tahan emosi peserta.

**iv. Bantuan Krisis dan Intervensi Awal**

- Talian bantuan krisis serta pasukan intervensi psikososial yang digerakkan bagi kes kecemasan seperti penderaan, ke keluarga yang melibatkan emosi anak-anak.

**v. Pusat Aktiviti Komuniti dan Intervensi Sosial (seperti PAWE)**

- Penyediaan pusat-pusat aktiviti yang bukan sahaja berfungsi sebagai tempat rekreasi, malah sebagai tempat sokongan melalui aktiviti seperti seni terapi, terapi kelompok dan senam ceria.

Yang Berhormat Dato Yang DiPertua,

4. Selain dari itu, sudah pasti pelbagai skim bantuan dan inisiatif negeri turut menjadikan Kumpulan ini sebagai kelompok sasa Sejahtera iaitu Bantuan tunai RM100 diberikan kepada ketua isi rumah termasuk ibu dan bapa tunggal yang layak, berdasar JKM seperti Bantuan Am Negeri berjumlah RM500 sebulan turut ditawarkan kepada keluarga yang menghadapi kesukaran mengira status perkahwinan. Permohonan boleh dibuat di pejabat JKM berhampiran, dan akan dinilai melalui proses temubual

5. Bagi ibu dan bapa tunggal yang masih produktif, Penglibatan dalam Keusahawanan sudah pasti antara usaha yang bole pendapatan sendiri. Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) telah menyediakan platform inklusif kepada ibu dan bapa tung usahawan melalui:

- Latihan dan bimbingan perniagaan
- Bantuan kewangan dan bukan kewangan
- Geran Usahawan Perak Sejahtera (GeRAK)

Inisiatif ini memacu peningkatan pendapatan serta pengurangan kebergantungan kepada bantuan kebajikan.

6. Bagi ibu dan bapa tunggal yang sudah berusia pula, Kerajaan Negeri melalui JKM akan terus memperkukuhkan dan mem (PAWE) yang berperanan sebagai ruang komuniti terbuka kepada ibu dan bapa tunggal, terutamanya dalam kalangan warga PAWE menyediakan:

- Aktiviti sosial dan sokongan emosi
- Bengkel kemahiran dan keusahawanan
- Ceramah kesihatan dan kesejahteraan

Ini memberi ruang untuk golongan ini kekal aktif, berinteraksi secara sihat, dan membina rangkaian komuniti yang menyokor

7. Inisiatif Tambahan Kerajaan Negeri adalah dengan Menyediakan pusat sehenti maklumat dan khidmat sokongan melalui UTC yang akan membantu Kumpulan ini dengan memberi bimbingan yang sewajarnya. Selain itu, melalui agensi J Penganjuran seminar kesedaran hak dan perlindungan undang-undang bagi golongan ibu dan bapa Tunggal turut telah dige

8. Kerajaan Negeri Perak akan terus menambah baik pendekatan yang inklusif dan berfokus rakyat dalam membantu ibu d untuk bukan sahaja melindungi kebajikan mereka, malah membina keupayaan kendiri, mengangkat potensi ekonomi menyeluruh sejajar dengan aspirasi Perak Sejahtera 2030.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. INDUSTRI SEMI-KONDUKTOR.

Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam memastikan industri semi-konduktor di Perak akan berkembang maju dan memanfaatkan rakyat Negeri Perak?

Jawapan Soalan 1

Dalam usaha memastikan industri semikonduktor di Negeri Perak terus berkembang maju, Kerajaan Negeri melalui InvestPerak sentiasa beker perindustrian seperti Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), Malaysian International Chamber Of Commerce & Industry (MICCI), Dewan-De dengan satu matlamat iaitu memudahcara operasi perindustrian di Negeri Perak agar pemain industri dapat beroperasi dengan kondusif, seterusnya melalui pelaburan tambahan yang sudah pastinya meningkatkan lagi peluang pekerjaan. Dalam masa sama, InvestPerak juga turut gia memperbanyakkan lagi pelabur baharu masuk ke Negeri Perak untuk merancakkan lagi suasana sektor perindustrian di Negeri Perak.

InvestPerak memberi keutamaan bagi sektor Electrical & Electronics melalui Pelan Perindustrian Perak (P3) 2021-2030 yang menggariskan pelan untuk masuk ke Negeri Perak. Pemilihan sektor fokus utama ini adalah berdasarkan kajian ketersediaan ekosistem dan rantaian nilai yang ada di F impak positif terhadap ekonomi Negeri Perak. Negeri Perak agak sinonim dengan industri semikonduktor dengan adanya beberapa syarikat utama c Perak juga kian menjadi tarikan kepada pemain industri semikonduktor dari Pulau Pinang, sepeti Nationgate dan UWC yang mula membuka kilang d meningkat, malah terdapat juga pelabur asing dalam sektor sokongan bagi semikonduktor yang turut memilih Kawasan Perindustrian Kamunting Pinang yang telah mempunyai sektor semikonduktor yang kukuh. Maka, Negeri Perak akan terus megambil peluang ini untuk menggalakkan la Bergerak ke hadapan, Kerajaan Negeri menjangkakan Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP) yang akan dibangunkan oleh SD Guthrie bak electrical & electronics. Selain itu, usaha berterusan InvestPerak dalam melaksanakan aktiviti penggalakan pelaburan seperti penyertaan ke dalam Pelaburan bersama YAB Menteri Besar dan YB EXCO, serta kerja-kerja komunikasi rapat secara berterusan dengan pemain industri akan sentiasa dapat terus ditarik bagi tahun 2025 dan tahun-tahun berikutnya.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Perak juga bersama Kerajaan Persekutuan melalui agensi seperti **MIDA Perak**, dan kerjasama kement perancangan strategik untuk memperkukuhkan sektor semi-konduktor di negeri ini. Usaha ini bertujuan untuk **menarik pelaburan baharu, mem mewujudkan Perak sebagai hab pengeluaran semi-konduktor utama** di Malaysia.

**1. Usaha Kerajaan Negeri & Persekutuan**

**a. Pembangunan Taman Perindustrian Berfokuskan Teknologi Tinggi**

Pihak kerajaan dengan kerjasama pihak swasta memperkenalkan serta membangunkan taman perindustrian baharu yang direka khusus unt
Kawasan-kawasan perindustrian yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- **Silver Valley Hi-Tech Park (SVTP)**: Menyokong industri campuran, termasuk teknologi tinggi dan pembuatan.
- **Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP)**: Taman perindustrian hijau pertama di Perak yang memberi penekanan kepada teknolog
- **Ipoh Raya Integrated Park**: Direka khusus untuk menyokong pelaburan dalam industri mineral dan semi-konduktor.

b. **Insentif Pelaburan**

Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 mensasarkan untuk meningkatkan kompleksiti ekonomi negara dengan menarik pelaburan y 2030 adalah memajukan kompleksiti ekonomi (advance economic complexity) negara dengan pemain industri digalakkan untuk meningkatkan

Oleh yang demikian, syarikat-syarikat di dalam industri semi-konduktor (pelabur sediaada dan baharu) **layak untuk dipertimbang tertakluk kepada kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.**

Kerajaan menyediakan **galakan Taraf Perintis bagi Industri Berteknologi Tinggi** di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 dengan pe berkanun untuk tempoh lima (5) tahun; atau **galakan Elaun Cukai Pelaburan bagi Industri Berteknologi Tinggi** sebanyak 60% ke atas pe 5 tahun. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Antara ke termasuklah menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam **Advanced Electronic Components, Peralatan Perubatan, Farmas**

Disamping itu, seperti yang telah diumumkan di dalam pembentangan Belanjawan 2025, kerajaan akan memperkenalkan **Kerangka Inse *Framework*)** bagi menambah baik mekanisme sedia ada yang menawarkan insentif pelaburan berasaskan produk atau aktiviti tertentu.I dilaksanakan pada suku ketiga 2025 **yang memberi tumpuan kepada aktiviti bernilai tinggi dan kesan limpahan ekonomi bagi cada** diluluskan insentif pengecualian cukai akan membuat tuntutan **insentif berdasarkan prestasi syarikat** di dalam mematuhi komitmen terha telah dipersetujui. Ini akan memberi lebih fleksibiliti kepada syarikat dalam menentukan kelayakan untuk membuat tuntutan insentif cukai.

c. **Fasilitasi Pelaburan**

Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri sentiasa bekerjasama dengan **untuk membangunkan sektor industri** ke arah **pelaburan ekosistem pelaburan negeri**.

- **Pusat Pelaburan Perak (InvestPerak):** Ditubuhkan pada 24 Januari 2006, InvestPerak berfungsi sebagai pusat sehenti bagi pelabur da bertindak sebagai **agensi promosi pelaburan utama kerajaan negeri** yang melaporkan terus kepada YAB Menteri Besar Perak. Inv **urusan pelaksanaan projek pelaburan** terutama bagi urusan melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau agensi-agensi kerajaan n

- **MIDA**; Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia / *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) merupakan agensi utama K dan penyelerasan pembangunan pelaburan di Malaysia di samping **menawarkan bantuan kepada syarikat yang berhasrat untuk me** Oleh yang demikian, kerajaan negeri melalui InvestPerak dari masa ke semasa akan bekerjasama dengan MIDA (melalui MIDA Perak) peringkat negeri.

- **Sokongan Logistik dan Utiliti:** Kerajaan negeri bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk memastikan penyediaan kemudahan logisti (TNB), air (LAP) dan gas (Gas Malaysia).

d. **Menarik Pelaburan Utama (Anchor Investment) / Menggalakkan Pembangunan Pelaburan Sediada**

Kerajaan Negeri dan Persekutuan sedang berusaha menarik pelaburan besar daripada syarikat semi-konduktor global untuk menjadi **syar** *anchor company* mampu **menarik pelaburan daripada industri sokongan** mereka sedia ada untuk bertapak di Perak serta memberi p berkaitan sedia ada.

Di samping itu, pihak kerajaan juga sentiasa **menggalakkan syarikat semi-konduktor tempatan atau yang sedia ada** bertapak di Pe **pelaburan mereka**. Usaha ini secara langsung atau tidak langsung **akan mengalakkan pertubuhan ekonomi negeri serta pengwujudan Unisem dan Carsem** yang telah sekian lama beroperasi di Perak adalah **amat dialu-alukan** untuk berterusan meningkatkan pelaburan mere

e. **Pemantapan Rangkaian Bekalan**

Kerajaan Negeri dan Persekutuan sedang berusaha menarik pelaburan daripada **industri sokongan** bagi sektor ini seperti pengeluaran sokongan elektronik lain. Kerajaan Negeri sedang mempergiatkan usaha promosi ke atas syarikat yang berkaitan di luar negara, terutama pelaburan antarabangsa.

f. **Peningkatan TVET & Modal Insan**

**Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK)** bersama-sama dengan politeknik dan universiti seperti **Politeknik Ungku Omar** dan **UTP** sedang bentuk dan pembuatan komponen elektronik serta semi-konduktor.

**Kesimpulan**

Dengan perancangan strategik ini, Negeri Perak mampu merebut peluang untuk menjadi hab pengeluaran semi-konduktor di Malaysia dan seran kekal komited untuk memastikan pelaburan sektor ini terus berkembang demi manfaat ekonomi negeri dan rakyat.

2. KUALITI UDARA.

1) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam usaha memperbaiki kualiti udara di kawasan-kawasan 'Hotspot' pencemaran berlaku?

2) Bagaimana pemantauan kualiti udara dijalankan?

3) Apakah tindakan yang diambil terhadap kilang-kilang yang membawa punca pencemaran udara?

Jawapan Soalan 2

**No. Rujukan : 24118 (Menglembu)**

**No. Soalan : 2**

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Perak Sejahtera 2030.

**INISIATIF DALAM MEMPERBAIKI KUALITI UDARA**

**Untuk makluman Yang Berhormat Menglembu,**

1) Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak mengawal industri atau kilang yang mengeluarkan pencemar udara berdasarkan Peraturan-Peraturan Kualiti Ala Alam Sekeliling 1974. Kilang yang mengeluarkan pencemar udara perlu memasang alat kawalan pencemaran udara yang bertujuan untuk mengl menyebabkan pencemaran udara. Semua pencemar ke udara yang dikeluarkan melalui alat kawalan pencemaran udara yang dipasang perlu n ditetapkan di bawah Peraturan. Peralatan alat kawalan pencemaran udara yang dipasang hendaklah dikemukakan notifikasi terlebih dahulu dan | yang bertauliah bagi memastikan ianya mampu mematuhi nilai batas yang ditetapkan.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak sentiasa menjalankan pemeriksaan berkala terhadap premis-premis industri yang berpotensi menimbulkan pen pemeriksaan berkala sentiasa dijalankan oleh pihak Jabatan termasuk hari minggu dan cuti umum sebagai langkah pencegahan awal daripada berla

**KAEDAH PEMANTAUAN KUALITI UDARA DIJALANKAN**

2) Pemantauan kualiti udara di Negeri Perak dilaksanakan melalui beberapa stesen pengawasan udara automatik yang beroperasi selama 24 jam. setiap jam dan dipaparkan di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar (https://eqms.doe.gov.my/APIMS/main). Terdapat 5 lokasi stesen pemantauan k

i. Sek. Men. Keb. Jalan Tasek, Perak
ii. Sek. Keb. Jalan Pegoh, Pengkalan
iii. Sek. Keb. Ayer Puteh, Taiping
iv. Pejabat Pentadbiran Daerah Manjung, Seri Manjung
v. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim

Parameter pencemaran udara utama yang dicerap oleh stesen pengawasan udara automatik ini adalah Nitrogen Oksida (NO2), Sulfur Dioksida (: zarahan halus (PM2.5 dan PM10).

Selain itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak juga memantau pelepasan pencemar udara oleh industri-industri tertentu yang berskala besa ***Continuous Emission Monitoring System*** **(CEMS)**. Sistem CEMS ini berupaya mengukur dan merakam secara berterusan pencemar udara yar yang dilepaskan sentiasa mematuhi nilai batas yang telah ditetapkan.

Di samping itu, bagi memantau kualiti udara di kawasan-kawasan yang jauh daripada stesen pengawasan udara dan kawasan yang berlaku pe pengukuran ***Portable Multigas Analyser*** **(CEREX)** bagi pengukuran gas-gas pencemar.

**TINDAKAN YANG DIAMBIL TERHADAP KILANG-KILANG YANG MEMBAWA PUNCA PENCEMARAN UDARA**

3) Pihak industri yang gagal mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 adalah m lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya. Selain daripada itu, tindakan t yang melibatkan pengoperasian alat kawalan pencemaran udara boleh dikenakan kepada pihak industri yang gagal memastikan alat kawalan sehingga menyebabkan pencemaran ke udara.

Sekian, terima kasih.

3. PEMBANGUNAN KELUARGA.

1) Bagaimana Kerajaan Negeri membantu keluarga B40 dalam menangani isu seperti tekanan ekonomi, kos pendidikan dan akses kepada perkhidm

2) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan institusi keluarga di Negeri Perak?

Jawapan Soalan 3

Yang Berhormat Menglembu,

**PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI**

Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk meringankan kos sara hidup rakya RAHMAH MADANI di setiap DUN sekurang-kurangnya 2 kali sebulan. Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada c golongan B40 untuk mendapatkan barangan keperluan harian pada harga lebih murah dan menjimatkan.

Pengurangan harga barangan keperluan harian sebanyak 10% hingga 30% dari harga pasaran dapat meringankan bek dilaksanakan secara fizikal (pasaraya, pasar mini, kedai runcit) dan mobil (lori bergerak dengan konsep Kedai Cari Rakyat) di s

Kerajaan juga senantiasa mencari ruang dan peluang untuk mempergiatkan lagi Program Jualan RAHMAH MADANI dari sem rakyat khususnya golongan B40 berpeluang untuk menikmati faedah yang diberikan.

Pada tahun 2024 sebanyak 945 Program Jualan RAHMAH MADANI telahpun dilaksanakan di seluruh negeri Perak meliputi orang warga negeri Perak telah menerima manfaat dari program ini.

Bagi tahun 2025, Januari hingga Mac sebanyak 454 Program Jualan RAHMAH MADANI telahpun dilaksanakan di seluruh sebanyak 1416 Progran Jualan RAHMAH MADANI di seluruh negeri Perak meliputi 24 kawasan Parlimen dan 59 kawasan DUN

**PENDIDIKAN**

Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak sentiasa memberi keutamaan kepada murid-murid sekolah yang masih berada dalam peluang pendidikan agar setara atau sekurang-kurangnya mengimbangi rakan-rakan murid lain di sekolah di dalam kategori yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan khususnya bagi membantu murid yang berkenaan seperti berikut:

1. Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Program Susu Sekolah (PSS) telah diperoleh oleh sebanyak 840 buah seko sekolah terlibat negeri Perak.

2. Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)

   2.1 KWAPM - bantuan am

   2.2 KWAPM - bantuan kecemasan (kebakaran, banjir, kematian ketua isi rumah

Bagi bantuan KWAPM ini, seramai 52 270 murid sekolah rendah dan 28 524 murid murid sekolah rendah seluruh negeri Pera yang lalu.

3. Biasiswa - Murid cemerlang dan miskin (F1- F6, KV, murid STAM).

Bagi biasiswa tahun 2024, seramai 13,989 orang murid di Sekolah Menengah Kebangsaan di seluruh negeri Perak yang terliba murid di Kolej Vokasional dan 1366 orang murid di Tingkatan 6 dan calon peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) te lalu.

4. Bantuan-bantuan dari agensi yang bekerjasama dengan JPN Perak - MAIPk, Yayasan Bina Upaya, Yayasan Perak dan lain-l

**AKSES KESIHATAN**

Melalui anak syarikat milik penuh ProtectHealth Malaysia (PHM) yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (K golongan B40 boleh mendapatkan perkhidmatan perubatan dan kesihatan secara percuma di seluruh negara. Protect Health m

a. **Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40)** adalah inisiatif Kerajaan melalui Kementerian Kesihata keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah dengan memberi tumpuan kepada penyakit tidak berjangkit. A golongan B40 adalah saringan kesihatan percuma di Klinik Kesihatan atau Klinik Swasta, bantuan alat perubatan bernil rawatan kanser bernilai RM 1,000 dan insentif tambang pengangkutan untuk rawatan ke hospital bernilai RM 1,000.

b. **Skim Perubatan Madani** – Skim ini memberi bantuan dalam bentuk rawatan rakit-sakit Ringan (seperti demam dan kepala dan trauma ringan) kepada Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dalam kalangan B40. Rawatan bo berdaftar dibawah Skim Perubatan MADANI. Antara tawaran yang diberikan adalah rawatan bernilai RM 250 bagi se pasangan, dan RM 75 bagi yang bujang yang berumur antara 21 - 59 tahun atau bujang OKU berumur antara 19- 59 tah

**PENGUKUHAN INSTITUSI KEKELUARGAAN**

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) secara berterusan melaksanakan a Keibubapaan yang dianjurkan kekal relevan dengan perkembangan semasa. Pelaksanaan program melalui pakej KASIH Mad dan risiko penggunaan ICT seperrti KASIH Keibubapaan Digital, Pra Perkahwinan SMARTSTART 2.0, Kem Naungan KASIH : k merupakan program yang memberikan pendidikan asas dalam menangani isu-isu kekeluargaan yang semakin mencabar.

Selain itu, LPPKN telah menyediakan perkhidmatan Saringan Kesihatan Reproduktif Wanita secara PERCUMA kepada golo perkhidmatan kesihatan melalui Program Subsidi Ujian Mamogram (Saringan Awal Pengesanan Kanser Payudara) dan Ujian I Pangkal Rahim). Wanita yang layak dan memenuhi kriteria akan mendapat saringan yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan. akan mendapat manfaat bagi Program Ujian Subsidi Mamogram dan seranai 3200 orang wanita pula mendapat manfaat untuk

Sekian, terima kasih.

4. PEMBANGUNAN E-SUKAN.

1) Sejauh manakah Pembangunan E-Sukan telah digunakan dan memberi manfaat kepada belia di Negeri Perak?

2) Sila nyatakan perincian bajet/peruntukan yang telah digunakan untuk Pembangunan E-Sukan ini di Negeri Perak.

Jawapan Soalan 4

**No. Rujukan: 24120**

**Soalan 4**

PEMBANGUNAN E-SUKAN.

1) Sejauh manakah Pembangunan E-Sukan telah digunakan dan memberi manfaat kepada belia di Negeri Perak?

2) Sila nyatakan perincian bajet/peruntukan yang telah digunakan untuk Pembangunan E-Sukan ini di Negeri Perak.

**Jawapan:**

1) Bagi Pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak, tiada program atau profil spesifik berkaitan pembangunan khusus e-Sukan telah diturunkan o satu inisiatif kerjasama strategik bersama agensi kerajaan negeri iaitu Program e-Sport Jelajah Masjid Negeri Perak yang telah dilaksanakan p manfaat bertujuan menarik golongan belia ke masjid melalui aktiviti digital yang positif.

Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama antara **Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak (JBS Perak),** Majlis Agama Islam dan 'Adat M disokong oleh Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi , Belia dan Sukan Negeri Perak dan Majlis Sukan Negeri Perak (MSN seluruh negeri Perak dengan penyertaan keseluruhan seramai 2134 orang peserta mengambil bahagian dan kemuncaknya Grand Final e-Sport Muhammad Al Fateh, Taman Jati**,** yang dihadiri sekitar 100 orang peserta**.**

Tujuan utama program ini adalah bagi menggalakkan penyertaan belia dalam aktiviti masjid melalui penganjuran pertandingan e-sukan, mening belakang agama dan bangsa dan memperkenalkan masjid sebagai pusat kegiatan positif dan pembangunan modal insan. Susulan penganjuran prog masjid, termasuk mereka yang bukan Muslim, melalui pendekatan yang inklusif, memperkenalkan masjid sebagai pusat kegiatan positif, menggal meningkatkan imej masjid sebagai institusi yang menyokong pembangunan sosial dan intelektual masyarakat.

Secara Kesimpulannya, Program e-sukan Jelajah Masjid Negeri Perak adalah contoh inovatif dalam mengintegrasikan teknologi digital dengan kegiatan yang relevan dan menarik serta sangat bermanfaat bagi golongan belia terutamanya di negeri Perak dan dicadangkan untuk diteruskan boleh dipertingkatkan.

2) Bagi Pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak, tiada perincian atau peruntukan khusus yang diturun oleh pihak Kementerian bagi Pembangunan e-Sukan di dalam negara pada ketika ini telah diserahkan kepada *Impact Integrated* yang memainkan peranan utama dalam pembangunan e-suka yang dilaksanakan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS). *Impact Integrated* telah dilantik sebagai agensi strategik bukan berasaskan k melaksanakan, dan menyelaras pelbagai program serta inisiatif yang menyokong ekosistem e-Sukan negara.

Namun begitu, terdapat Dana Sukan Komuniti (DSK) berjumlah keseluruhan RM600,000.00 (Ringgit Malaysia Enam Ratus Ribu) yang diselaraskai fasa penyaluran dan Geran Padanan Sukan (GPS) yang diselaraskan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan yang disediakan untuk dimanfaat dan NGO yang berdaftar dengan Pesurujaya Sukan (PJS) dan Pendaftar Persatuan Belia (ROY) yang berminat untuk menganjurkan sebarang p lain-lain jenis sukan didalam Jadual 1.

Peruntukan yang dinyatakan diatas telah mula disalurkan kepada semua para pemohon yang Berjaya. Dari aspek lain pembangunan E-Sukan, iar dianjurkan oleh Kelab-kelab e-Sukan dan Persatuan Esport Negeri Perak disamping Program Pembangunan dan persiapan Penyediaan Atlit oleh M Sport Negeri Perak bagi persiapan kontinjen SUKMA pada tahun 2026 yang akan datang dengan peruntukan Kerajaan negeri.

5. PEMBASMIAN KEMISKINAN.

1) Apakah kaedah Kerajaan Negeri dalam menentukan kadar kemiskinan dalam Negeri Perak?

2) Sila nyatakan jumlah KIR miskin tegar di Negeri Perak sehingga 28/2/2025?

c) Sila nyatakan agensi manakah yang menentukan KIR masuk dalam golongan miskin tegar?

<u>Jawapan Soalan 5</u>

Yang Berhormat Menglembu,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan kadar kemiskinan dalam Kerajaan Negeri adalah berdasarkan pada Penda kepada pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan dan aktif. Definisi pendapatan di sini adaalah merujuk kepada jumlah pendapatan ahli isi rumah, dalam bentuk wang tunai dan jangka masa setahun atau lebih kerap lagi. Punca pendapatan adalah merangkumi perkara berikut:

i. **Pekerjaan Bergaji**

Termasuk upah dan gaji, elaun, bonus, wang tunai lain (contoh: komisen, tip, pendapatan daripada kerja lebih

ii. **Bekerja sendiri**

Termasuk aktiviti pertanian dan perikanan, pendapatan berkaitan ICT, bukan pertanian dan bukan ICT dan nilai barang yang dik

iii. **Harta dan Pelaburan**

Termasuk sewa dinilai bagi rumah yang diduduki, rumah/harta lain yang disewakan, sewa daripada tempat menginap, royalti, se

iv. **Pindahan Semasa**

Termasuk penerimaan wang dari isi rumah lain, nafkah, biasiswa, pencen, Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan lain-lain.

Sejajar dengan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, K untuk dijadikan rujukan aras pengukuran status kemiskinan semasa. PGK ini ditentukan dengan menilai keperluan minimum mengikut saiz dan lokasi (bandar atau luar bandar). Maklumat PGK ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa berdasa Perbelanjaan Isi Rumah yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dalam tempoh setiap dua (2) tahun bagi melihat pe

PGK 2022 merupakan PGK terkini yang digunakan oleh kerajaan bermula pada 31 Januari 2024. Status kemiskinan ditentukan

| **NEGERI** | **MISKIN** | | **MISKIN TEGAR** | |
|---|---|---|---|---|
| | **Isi Rumah (RM)** | **Per Kapita (RM)** | **Isi Rumah (RM)** | **Per Kapita (RM)** |
| PERAK | 2,297 | 686 | 1,084 | 312 |
| BANDAR | 2,332 | 708 | 1,066 | 312 |
| LUAR BANDAR | 2,199 | 623 | 1,136 | 312 |

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah KIR miskin tegar negeri Perak sehingga 28 Februari 2025 adalah berjumlah 1,39

**<u>MAKLUMAT TAMBAHAN</u>**

**BILANGAN KIR MISKIN TEGAR SEHINGGA 28 FEBRUARI 2025**

| **Daerah** | **Bilangan KIR** |
|---|---|
| Bagan Datok | 91 |
| Batang Padang | 94 |
| Hilir Perak | 84 |
| Hulu Perak | 114 |
| Kampar | 73 |
| Kerian | 86 |
| Kinta | 139 |
| Kuala Kangsar | 129 |
| Larut, Matang dan Selama | 318 |
| Manjung | 112 |
| Muallim | 55 |
| Perak Tengah | 96 |
| **Jumlah** | **1,391** |

Penentuan Ketua Isi Rumah (KIR) sebagai golongan miskin tegar melibatkan beberapa agensi kerajaan yang berperanan dalam pengesahan status kemiskinan.

i. **Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri** Merupakan agensi utama yang bertanggungjawa melalui sistem eKasih, iaitu pangkalan data kemiskinan nasional yang digunakan untuk mengenal pasti isi rumah miskin da penyaringan, pendaftaran, dan pengesahan status KIR berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Penentuan status kem ditetapkan.

**ii. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**

Memainkan peranan dalam menetapkan PGK melalui Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah yang dijalankan oleh DOSM digunakan sebagai asas untuk menentukan isi rumah yang tergolong dalam kategori miskin dan miskin tegar.

**iii. Kementerian Ekonomi**

Bertanggungjawab dalam menyelaras dasar berkaitan pembasmian kemiskinan berdasarkan data yang diperoleh daripada memastikan pelaksanaan program bantuan yang bersesuaian kepada golongan miskin tegar melalui dasar dan strategi pembar

**iv. Pejabat Daerah dan Kerajaan Negeri**

Memainkan peranan dalam mengesahkan dan melengkapkan data eKasih dengan mengenal pasti isi rumah miskin tegar ya Agensi-agensi ini bekerjasama dengan ICU JPM bagi memastikan bantuan dapat disalurkan kepada golongan yang benar-bena